



**PROGRAM
JAWAB UNTUK JAYA (JUJ)
2012**



BAHASA MELAYU

KERTAS 1

MODUL BM1

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0	Format Kertas Bahasa Melayu 1 (1103/1)	
1.1	Bahagian A	
1.2	Bahagian B	4
2.0	Panduan Agihan Masa Menjawab Soalan Bahasa Melayu Kertas 1	6
3.0	Analisis	7
3.1	Format dan Tema	
3.2	Jenis Bahan Rangsangan	
3.3	Kekerapan Jenis Karangan	
4.0	Tip Penulisan Karangan	25
4.1	Takrif Ungkapan Menarik	
4.2	Peribahasa Melayu	
4.3	Senarai Peribahasa dalam Buku Teks Tingkatan Empat dan Lima	
4.4	Penerapan Peribahasa Dalam Karangan	
4.5	Penggunaan Frasa Menarik Dalam Perenggan Karangan	
4.6	Peribahasa pilihan	
4.7	Kata-kata hikmat	
4.8	Cadangan Peribahasa Yang Bersesuaian Dengan Tema	
4.9	Menyediakan Rangka Awal	
4.10	Penggunaan Frasa Menarik Dalam Perenggan	
5.0	Teknik Menulis Yang Berkesan	58
5.1	Panduan Menjawab Soalan	
5.2	Teknik Menulis Karangan Bahagian B	
6.0	Contoh Jawapan Pelajar	79
6.1	Bahagian A	
6.2	Bahagian B	
7.0	Soalan Klon SPM	100
7.1	Soalan Klon Bahagian A	
7.2	Soalan Klon Bahagian B	
8.0	Kemahiran Merujuk Sebelum Menulis (MSM)	116
8.1	Keratan Majalah	
8.2	Mengarang Menggunakan Peta Minda	
9.0	Kriteria Penskoran Bahasa Melayu Kertas Satu	140
9.1	Kriteria Penskoran Bahagian A	
9.2	Kriteria Penskoran Bahagian B	
10.0	Rujukan Bestari	144
10.1	Laman Bermanfaat	
10.2	Kerangka Penulisan Bahagian B	
10.3	Tema Ramalan 2012	
11.0	Garis Panduan Penandaan Skrip Jawapan Calon	147
11.1	Pemotongan Markah	
11.2	Cara Menulis Markah	
11.3	Simbol Penandaan Skrip Jawapan Calon	
11.4	Karangan Berformat	
11.5	Senarai Semak Kesempurnaan Karangan	
11.6	Kesalahan Ejaan & Imbuhan dalam Penulisan	


1.0 FORMAT KERTAS BAHASA MELAYU 1 (1103 / 1)**1.1 Bahagian A**


Karangan berpandu : Berdasarkan pelbagai bahan rangsangan seperti ;

- ✓ Gambar foto
- ✓ Gambar rajah
- ✓ Ilustrasi kartun
- ✓ Pelan
- ✓ Iklan
- ✓ Petikan
- ✓ Catatan

1.2 Bahagian B

1.2.1 Tajuk Karangan



1.2.2 Dimensi Soalan :

**2.0 PANDUAN AGIHAN MASA MENJAWAB SOALAN BAHASA MELAYU
KERTAS 1 (1103/1)**

Peruntukan Masa	:	2 jam 15 minit
Masa yang dicadangkan	:	Bahagian A - 45 minit
		Bahagian B - 90 minit

Bahagian A (45 minit)

Memahami dan menganalisis bahan rangsangan	5 minit
Membina rangka / pelan karangan	10 minit
Menulis Karangan	25 minit
Mengedit	5 minit

Bahagian B (90 minit)

Memahami dan menganalisis tajuk	10 minit
Membina rangka / pelan karangan	10 minit
Menulis Karangan	60 minit
Mengedit	10 minit

3.0 ANALISIS**3.1 ANALISIS FORMAT DAN TEMA SOALAN****BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)****(NOVEMBER 2004 – NOVEMBER 2011)**

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
NOVEMBER 2004	BAHAGIAN A: Bahan Rangsangan (Gambar Foto) BAHAGIAN B: <ul style="list-style-type: none"> 1. Perbincangan 2. Perbincangan 3. Rencana 4. Syarahan 5. Pendapat 	Pembangunan dan kesannya terhadap alam sekitar. Peranan remaja untuk mencapai wawasan Tokoh sanjungan Persediaan untuk menghadapi persaingan kerja Keluarga Bahagia Penjana Masyarakat Harmoni Usaha memartabatkan golongan sasterawan

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
JUN 2005	<p>BAHAGIAN A:</p> <p>Bahan Rangsangan (Gambar Foto)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Pendapat 2. Komentar 3. Syarahan 4. Perbincangan 5. Fakta / perbincangan 	<p>Masalah tanah terbiar dan penyelesaiannya</p> <p>Cabaran untuk mencapai cita-cita & langkah untuk mengatasinya.</p> <p>Keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja (kegagalan institusi keluarga sebagai punca)</p> <p>Budi Bahasa Amalan Mulia.</p> <p>Hubungan dengan negara jiran wajar dipelihara.</p> <p>Peranan pelbagai pihak untuk mempopularkan sastera tradisional.</p>

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
NOVEMBER 2005	<p>BAHAGIAN A:</p> <p>Bahan Rangsangan (Gambar Foto)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <p>1. Ulasan / Perbincangan</p> <p>2. Pendapat</p> <p>3. Rencana</p> <p>4. Perbincangan</p> <p>5. Cerpen (Peribahasa)</p>	<p>Usaha-usaha menangani gejala vandalisme</p> <p>Remaja – trend semasa (gaya hidup dan cara berpakaian)</p> <p>Peranan keluarga dalam pembentukan sahsiah anak-anak.</p> <p>Usaha-usaha untuk meningkatkan mutu sukan negara.</p> <p>Persengketaan dan perperangan menjelaskan keharmonian sosial dan perkembangan ekonomi dunia.</p> <p>‘Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat’ (kaitkan dengan masyarakat majmuk).</p>

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
NOVEMBER 2005	<p>BAHAGIAN A:</p> <p>Bahan Rangsangan (Gambar Foto)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <p>1. Ulasan / Perbincangan</p> <p>2. Pendapat</p> <p>3. Rencana</p> <p>4. Perbincangan</p> <p>5. Cerpen (Peribahasa)</p>	<p>Usaha-usaha menangani gejala vandalisme</p> <p>Remaja – trend semasa (gaya hidup dan cara berpakaian)</p> <p>Peranan keluarga dalam pembentukan sahsiah anak-anak.</p> <p>Usaha-usaha untuk meningkatkan mutu sukan negara.</p> <p>Persengketaan dan perperangan menjelaskan keharmonian sosial dan perkembangan ekonomi dunia.</p> <p>‘Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat’ (kaitkan dengan masyarakat majmuk).</p>

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
JUN 2006	BAHAGIAN A: Bahan Rangsangan (Gambar Rajah) BAHAGIAN B : 1. Syarahan 2. Komentar 3. Fakta 4. Perbincangan 5. Pendapat	Peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran selepas memperoleh SPM Amalan Gaya Hidup Sihat. Kejayaan pada masa depan (peranan ibu bapa, ahli keluarga dan diri sendiri) . Aktiviti- aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh anggota masyarakat untuk mengukuhkan perpaduan. Peranan negara untuk mengekalkan kesejahteraan dan keamanan dunia. Cara menggalakkan remaja membaca karya bertemakan semangat patriotik.

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
NOVEMBER 2006	BAHAGIAN A: Bahan Rangsangan Petikan (Dialog) BAHAGIAN B: 1. Fakta 2. Ceramah 3. Pendapat 4. Perbincangan 5. Komentar	(i) Remaja sekarang kurang mempunyai Semangat patriotik (ii) Remaja perlu menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) (iii) Remaja perlu mengambil bahagian dalam aktiviti bulan kemerdekaan. (iv) Remaja perlu mengenali dan menghargai tokoh-tokoh yang berjasa kepada negara kita. Faedah menguasai ICT . Cara menghargai jasa ibu bapa. Peranan pelbagai pihak untuk memajukan Industri Pertanian Negara. Kerjasama serantau untuk menangani masalah jerebu. Penghayatan nilai murni karya kesusasteraan membentuk peribadi yang baik dalam kalangan pembaca.

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
JUN 2007	<p>BAHAGIAN A:</p> <p>Bahan Rangsangan (Gambar Foto)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pendapat 2. Pendapat 3. Rencana 4. Perbahasan 5. Pendapat 	<p>Aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk mengisi masa lapang.</p> <p>Cara-cara melaksanakan amalan berjimat cermat.</p> <p>Kebaikan-kebaikan mengadakan majlis rumah terbuka.</p> <p>‘Kesan Buruk Tabiat Merokok Terhadap Kesihatan’.</p> <p>‘Kemasukan Pekerja Asing Membawa Kebaikan kepada Negara’</p> <p>Pembacaan karya-karya sastera dapat meningkatkan penguasaan bahasa, kemahiran menghasilkan karya kreatif dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri murid.</p>

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
NOVEMBER 2007	<p>BAHAGIAN A:</p> <p>Bahan Rangsangan (Gambar Foto)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Syarahan 2. Pendapat 3. Pendapat 4. Perbincangan 5. Cerpen atau skrip drama 	<p>Usaha-usaha yang dapat kita lakukan untuk menjaga kebersihan kawasan persekitaran</p> <p>‘Rukun Negara Membentuk Rakyat Berkualiti’</p> <p>Kebaikan-kebaikan pelaksanaan waktu bekerja lima hari seminggu kepada keluarga dan negara.</p> <p>Faedah-faedah kepada belia memasuki institusi pendidikan berdasarkan kemahiran seperti Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Giat MARA.</p> <p>Bentuk sumbangan yang dapat diberikan oleh negara-negara kaya untuk membantu negara-negara miskin.</p> <p>Menulis sebuah cerpen atau skrip drama yang berakhir dengan dialog yang diberi.</p>



TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
JUN 2008	<p>BAHAGIAN A: Bahan Rangsangan (Gambar Ilustrasi)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pendapat 2. Perbincangan 3. Pidato 4. Perbincangan 5. Cerpen 	<p>Peluang kerjaya dalam bidang pertanian di negara kita.</p> <p>Kebaikan-kebaikan amalan kitar semula.</p> <p>Hubungan baik antara ahli keluarga dapat menjamin kebahagiaan sesebuah keluarga.</p> <p>Dadah Membawa Padah</p> <p>Peranan rakyat Malaysia di luar negara untuk mempromosikan negara pada peringkat antarabangsa.</p> <p>Belakang parang diasah nescaya tajam.</p>

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
NOVEMBER 2008	<p>BAHAGIAN A: Bahan Rangsangan (Gambar Ilustrasi)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Laporan 2. Perbincangan 3. Pendapat 6. Perbincangan 7. Perbincangan 	Punca-punca pencemaran sungai. Hari Anugerah Cemerlang Sekolah. Petempatan Idaman Sekeluarga. Demam Denggi (Faktor dan Langkah Menangani) Sukan sebagai agen perpaduan antarabangsa. Kepentingan amalan berbudi bahasa dalam masyarakat (pantun sebagai pernyataan soalan)

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
JUN 2009	<p>BAHAGIAN A:</p> <p>Bahan Rangsangan (Gambar Ilustrasi)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pendapat Persiapan untuk menghadiri temu duga bagi mendapatkan biasiswa. 2. Syarahan “Keluarga bahagia penentu kecemerlangan anak-anak” 3. Perbincangan Kebaikan menyertai aktiviti sukan lasak. 4. Pendapat Usaha meningkatkan pengeluaran bahan makanan bagi keperluan negara. 5. Perbincangan Langkah mempromosikan seni dan budaya Malaysia ke luar negara. 	<p>Bantuan Kepada Mangsa Banjir</p>

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
NOVEMBER 2009	<p>BAHAGIAN A:</p> <p>Bahan Rangsangan (Gambar Ilustrasi)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Perbincangan 2. Perbincangan 3. Perbincangan 4. Pendapat 5. Komsas (Perbincangan) 	<p>Aktiviti badan beruniform serta faedahnya</p> <p>Usaha-usaha yang wajar dilakukan ibu bapa untuk melahirkan anak-anak menjadi insan berguna</p> <p>Kebaikan aktiviti bercucuk tanam untuk keperluan harian.</p> <p>Kepentingan pengetahuan tentang sejarah penubuhan negara difahami oleh setiap rakyat.</p> <p>Kesan Pemanasan Global Terhadap Bumi dan Hidupannya</p> <p>Pengajaran daripada novel yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan kita</p>

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
JUN 2010	<p>BAHAGIAN A:</p> <p>Bahan Rangsangan (Gambar Ilustrasi)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Gambaran 2. Pendapat 3. Rencana 4. Perbincangan 5. Komsas (Perbincangan) 	<p>Punca-punca Pencemaran Udara</p> <p>Pengalaman membantu mangsa bencana alam</p> <p>Kepentingan meraikan hari-hari istimewa (Hari Ibu, Hari Bapa dan Hari Lahir setiap ahli keluarga)</p> <p>“Peranan Pelbagai Pihak dalam Menangani Isu Kenaikan Harga Barang”</p> <p>Manfaat hubungan baik antara pemimpin-pemimpin negara di dunia</p> <p>Kepentingan Menguasai Pelbagai Ilmu (gurindam sebagai pernyataan soalan)</p>

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
NOVEMBER 2010	<p>BAHAGIAN A:</p> <p>Bahan Rangsangan (Gambar Rajah)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbincangan 2. Pendapat 3. Perbincangan 4. Huraian / perbincangan 5. Komsas (Cerpen) 	<p>Cara menjalani kehidupan yang sihat</p> <p>Peranan pengawas membantu pihak sekolah membentuk murid berdisiplin</p> <p>Tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapanya</p> <p>Peranan rakyat Malaysia dalam menjamin kesejahteraan negara</p> <p>Langkah negara-negara di dunia menangani wabak penyakit berjangkit</p> <p><i>Di mana ada kemahuan di situ ada jalan</i></p>

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
JUN 2011	<p>BAHAGIAN A:</p> <p>Bahan Rangsangan (Gambar Ilustrasi)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Perbincangan 2. Mengulas pendapat/ Komentar 3. Rencana 4. Perbincangan 5. Komsas (Cerpen) 	<p>Kepentingan Pengangkutan Awam.</p> <p>Faedah yang diperoleh daripada sesuatu hobi.</p> <p>Ibu bapa kurang memberi perhatian kepada anak-anak yang meningkat remaja berbanding semasa anak-anak di sekolah rendah.</p> <p>Potensi Industri Kraf Tangan di Malaysia.</p> <p>Langkah merealisasikan hasrat Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa.</p> <p>Menulis cerita berdasarkan maksud pantun:</p> <p style="text-align: center;"><i>Pulau Pandan jauh ke tengah, Gunung Daik bercabang tiga; Hancur badan dikandung tanah, Budi yang baik dikenang juga.</i></p>

TAHUN	FORMAT	TEMA / ISU
NOVEMBER 2011	<p>BAHAGIAN A:</p> <p>Bahan Rangsangan (Bahan Grafik)</p> <p>BAHAGIAN B:</p> <p>1. Pendapat</p> <p>2. Pendapat</p> <p>3. Syarahan</p> <p>4. Perbincangan</p> <p>5. Komsas (Pendapat)</p>	<p>Faedah belajar secara berkumpulan.</p> <p>Usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk merealisasikan cita-cita.</p> <p>Peranan keluarga menangani perlakuan negatif dalam kalangan remaja.</p> <p>Perpaduan Rakyat Asas Kemajuan dan Kemakmuran Negara.</p> <p>Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi membolehkan masyarakat dunia berkomunikasi dan memperoleh pelbagai maklumat dengan mudah, cepat, dan murah.</p> <p>Ciri – ciri sahabat yang baik berdasarkan maksud gurindam :</p> <p><i>Cari olehmu akan sahabat, Yang boleh dijadikan ubat.</i></p> <p><i>Cari olehmu akan kawan, Pilih segala orang setia kawan.</i></p>

3.2 ANALISIS JENIS BAHAN RANGSANGAN**BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)****KARANGAN - BAHAGIAN A****(2007 hingga 2011)**

BAHAN RANGSANGAN	TAHUN										
	Jun 2007	Nov 2007	Jun 2008	Nov 2008	Jun 2009	Nov 2009	Jun 2010	Nov 2010	Jun 2011	Nov 2011	2012
Gambar foto	✓	✓									
Gambar rajah								✓			
Gambar Ilustrasi			✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓	
Pelan											
Iklan											
Petikan											
Catatan											

3.3 ANALISIS KEKERAPAN JENIS KARANGAN**KERTAS BAHASA MELAYU 1 (1103/1)****(BAHAGIAN B)**

JENIS KARANGAN	TAHUN										
	Jun 07	Nov 07	Jun 08	Nov 08	Jun 09	Nov 09	Jun 10	Nov 10	Jun 11	Nov 11	2012
1.Surat Rasmi											
2.Surat Tidak Rasmi											
3. Laporan				✓							
4. Berita											
5. Ucapan / Syarahan / Ceramah / Pidato	✓		✓		✓					✓	
6.Dialog / Wawancara / Forum											
7.Gambaran/ Keperihalan							✓				
8. Cereka / Imaginasi											
9. Rencana		✓				✓	✓		✓		
10.Perbahasan / Bahaskan		✓									
11.Pendapat / Perbincangan/ Fakta	✓ ✓ ✓	✓✓ ✓ ✓	✓✓ ✓ ✓	✓✓ ✓✓ ✓✓	✓✓ ✓✓ ✓	✓✓✓ ✓ ✓	✓✓✓ ✓ ✓	✓✓✓ ✓ ✓	✓✓ ✓ ✓	✓✓ ✓✓ ✓✓	
12.Ulasan /Komentar / Ulasan Buku										✓	
13.Peribahasa/ Cogan Kata											
14.Skrip Drama											
15.Ulasan Drama / Cerpen											
16.Menulis Cerpen	✓		✓					✓	✓		

4.0 TIP PENULISAN KARANGAN BAGI MENGINDAHKAN PENULISAN

4.1 TAKRIF UNGKAPAN MENARIK:

- ✓ peribahasa (simpulan bahasa, bidalan, pepatah, petith dan perumpamaan).
- ✓ cogan kata.
- ✓ frasa menarik.
- ✓ petikan ucapan.
- ✓ kata-kata hikmat.
- ✓ maksud hadis.
- ✓ maksud ayat Al-Quran.

4.2 PERIBAHASA MELAYU (JENIS DAN CIRI- CIRINYA) :

Peribahasa ialah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu. Menurut Za'ba, peribahasa ialah susunan kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya.

BIL	JENIS PERIBAHASA	CIRI
1	SIMPULAN BAHASA 	<p>Rangkaian perkataan yang tersimpul dengan susunan yang khas.</p> <p>Terhasil daripada pemerhatian terhadap persekitaran, kepercayaan dan resam bahasa.</p> <p>Mempunyai makna yang tersirat.</p> <p>Terdiri daripada dua patah perkataan. Apabila perkataan dalam pasangan perkataan itu dipisahkan, perkataan yang berkenaan hanya membawa makna asalnya.</p> <p>Contoh : air muka, akal kancil, banyak mulut, batu api, bendera putih, cakar ayam, durian runtuh, cepat tangan.</p>
2	PERUMPAMAAN	<p>Membandingkan dengan apa-apa yang ada di sekeliling.</p> <p>Didahului dengan kata-kata perbandingan, “seperti umpama, bagi, seperti, laksana, ibarat dan bak”</p> <p>Mempunyai makna tersurat dan tersirat.</p> <p>Contoh : <i>seperti</i> anjing berebut tulang; <i>bagai</i> ayam disambar helang; <i>umpama</i> burung, mata terlepas badan terkurung; <i>ibarat</i> air di daun keladi; <i>laksana</i> katak diharung ular</p>

3	PEPATAH	<p>Mempunyai patah-patah perkataan yang disusun untuk menyampaikan maksud tertentu .</p> <p>Terdiri daripada dua baris atau lebih dan disebut satu demi satu seolah-olah orang sedang membuat perbilangan atau perkataan.</p> <p>Dibentuk berdasarkan sesuatu peristiwa yang berlaku dalam kehidupan .</p> <p>Bertujuan untuk mendidik masyarakat supaya berhati-hati dan berfikir sebelum melakukan sesuatu perkara .</p> <p>Mempunyai maksud yang jelas.</p> <p>Contoh : biar putih tulang, jangan putih mata; bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat; hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah; cubit paha kanan, paha kiri sakit juga; ditelan mati emak, diluah mati bapak.</p>
4	BIDALAN	<p>Susunan kata-kata yang umum digunakan.</p> <p>Seakan-akan pepatah.</p> <p>Mempunyai nilai, ilmu dan pengajaran.</p> <p>Merangkumi aspek kehidupan, pengajaran dan anutan atau fahaman sesebuah masyarakat .</p> <p>Mempunyai maksud selapis dan tidak mempunyai maksud tersembunyi .</p> <p>Contoh : air tenang jangan disangka tiada buaya; nasi sudah menjadi bubur; malu berkayuh perahu hanyut, malu bertanya sesat jalan; jika kail panjang sehengkal, lautan dalam jangan diduga; sambil menyelam minum air; rumah sudah pahat berbunyi.</p>

4.3 SENARAI PERIBAHASA DALAM BUKU TEKS BAHASA MELAYU**4.3.1 PERIBAHASA DALAM BUKU TEKS TINGKATAN 4****1. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat**

Maksud : Kata sepakat yang dicapai dalam mesyuarat.

2. Darah daging

Maksud : Anak dan saudara-mara daripada keturunan sendiri.

3. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

Maksud : mengalami susah senang bersama-sama.

4. Meninggi diri

Maksud : Sombong

5. Bermuka dua

Maksud : Tidak jujur.

6. Baik hati

Maksud : Bersikap baik dan penyayang (suka menolong).

7. Tulang belakang

Maksud : Punca kekuatan/ orang harapan

8. Bara yang digenggam biar sampai jadi arang

Maksud : Menggerjakan sesuatu yang sukar hendaklah sabar, sehingga mencapai kejayaan.

9. Bagai kaca terhempas ke batu

Maksud : Sangat sedih atau kecewa.

10. Melentur buluh biarlah dari rebungnya

Maksud : Mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi.

11. Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

Maksud : Dua orang atau dua pihak yang sama darjah dalam adat

12. Seperti lembu dicucuk hidung

Maksud : Orang yang selalu menurut kemahuan orang

13. Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing

Maksud : Bersama-sama menghadapi atau mengerjakan sesuatu.

14. Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air

Maksud : segala-gala yang dikehendaki sudah diperoleh.

15. Terang hati

Maksud : Lekas pandai.

16. Rendah hati

Maksud : Tidak sompong

17. Murah hati

Maksud : Pemurah.

18. Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas

Maksud : Adat yang tidak berubah; sesuatu yang tetap utuh.

19. Tangan kosong

Maksud : Hampa.

4.3.2 PERIBAHASA DALAM BUKU TEKS TINGKATAN 5**1. Lintah darat**

Maksud : Peniaga yang mengambil keuntungan yang terlalu tinggi.

2. Bagai aur dengan tebing

Maksud : Hubungan yang rapat antara sama sama yang lain dan saling membantu.

3. Anak dagang

Maksud : Orang luar yang datang menetap di sesuatu tempat

4. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri

Maksud : Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetapi negeri sendiri lebih baik lagi.

5. Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai

Maksud : Kalau takut berhadapan dengan penderitaan , lebih baik jangan melakukan sesuatu yang susah

6. Indah khabar daripada rupa

Maksud : Perkhabarannya tentang sesuatu perkara yang dilebih-lebihkan.

7. Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah

Maksud : Pengagihan yang sama banyak.

8. Bukit sama didaki, lurah sama dituruni

Maksud : Perhubungan yang sangat akrab, senang susah bersama.

9. Kacang lupakan kulit

Maksud : Orang yang melupakan asalnya atau orang yang pernah menolongnya setelah mendapat kesenangan.

10. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

Maksud : Menurut adat atau peraturan di tempat yang kita diamai atau tinggal.

11. Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak

Maksud : Menyesuaikan diri dengan tempat dan keadaan

12. Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua

Maksud : kesilapan yang dilakukan oleh seseorang menyebabkan orang lain yang menerima akibatnya..

13. Memerah otak

Maksud : Berfikir dengan bersungguh-sungguh.

14. Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya

Maksud : Tidak akan tercapai maksudnya kalau tidak mahu berusaha dan bersusah payah.

15. Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian

Maksud : Bersusah payah terlebih dahulu untuk mendapatkan kesenangan pada kemudian hari.

16. Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang

Maksud : Sesuatu benda tidak akan datang tanpa usaha

17. Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit

Maksud : Sabar mengerjakan sesuatu lama-lama berhasil juga.

18. Bak cendawan tumbuh selepas hujan

Maksud : Terlalu banyak pada sesuatu masa.

19. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.

Maksud : Kata sepakat yang dicapai dalam mesyuarat.

20. Yang kita kejar tak dapat, yang kita kendong pula berciciran

Maksud : Bernasib malang kerana mengejar sesuatu, yang sudah di tangan hilang pula.

21. Mencari jalan

Maksud : Berikhtiar menyelesaikan sesuatu perkara.

22. Biar mati anak, jangan mati adat

Maksud : orang yang kuat perpegang pada adat.

23. Sediakan payung sebelum hujan

Maksud : Berjaga-jaga dulu sebelum mendapat sesuatu bencana.

24. Berbesar hati

Maksud : Gembira.

25. Anak buah

Maksud : a. Anak saudara. b. Pekerja di bawah jagaan kita.

26. Tuan rumah

Maksud : tempat berlangsungnya sesuatu acara

27. Yang lama dikelek, yang baharu didukung

Maksud : Adat yang lama tetap diamalkan di samping budaya hidup yang baharu.

28. Batu penghalang

Maksud : Halangan yang dihadapi.

29. Untung anak lelaki cari-carikan, untung anak perempuan nanti-nantikan

Maksud : Orang lelaki yang merisik bakal isterinya.

30. Bagai ikan pulang ke lubuk

Maksud : Perantau yang pulang ke tempat asal.

4.4 PENERAPAN PERIBAHASA / UNGKAPAN MENARIK DALAM KARANGAN:

Cara menulis peribahasa dalam karangan adalah seperti berikut:

1. Menggunakan satu tanda petik ‘....’

Tanda petik jenis ini digunakan untuk menyatakan sesuatu tajuk atau bahagian yang difokuskan.

Contoh:

Peribahasa ‘**usaha tangga kejayaan**’ perlu dijadikan pegangan oleh sesiapa sahaja yang ingin mengcapai kejayaan dalam hidup ini.

2. Menggunakan dua tanda petik “....”

Tanda dua petik digunakan untuk maksud konsep cakap ajuk atau unsur personifikasi, iaitu seolah-olah ‘pepatah’ itu manusia atau orang tua yang memberikan nasihat atau berkata-kata.

Contoh:

(a) Ibu bapa hendaklah mendidik anak sejak kecil bak kata pepatah, ”**kalau hendak melentur buluh, biarlah dari rebungnya.**”

(b) Orang tua-tua mengatakan, ”**jauh perjalanan, luas pengalaman.**”(Tiada kata hubung

`bahawa')

3. Tanpa menggunakan tanda petik

Jika ayat tersebut berbentuk ayat cakap pindah atau keterangan, tanda petik tidak perlu digunakan.

Contoh:

(a) Setiap pelajar mestilah berusaha untuk mencapai kejayaan seseorang kerana ***kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.***

(b) Ibu bapa sepatutnya menjadi model kepada anak-anak mereka kerana pepatah Melayu mengatakan bahawa **bagaimana acuan begitulah kuihnya.** (Ada kata hubung `bahawa')

4.5 CONTOH PENERAPAN PERIBAHASA DALAM AYAT:

1. Hal ini bersesuaian dengan peribahasa....
2. Peribahasa Melayu ada menyatakan bahawa...
3. Hal ini jelas dinyatakan dalam peribahasa.....
4. Orang tua-tua pernah berkata...
5. Situasi ini boleh diperjelas melalui peribahasa...
6. Perkara ini bertepatan dengan maksud peribahasa....
7. Ibu bapa hendaklah mengasuh dan mendidik anak sejak kecil kerana ***kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya.***
8. Sebagai rakyat Malaysia kita mestilah mempertahankan negara kita daripada dijajah oleh musuh bak kata pepatah ***biar putih tulang jangan putih mata.***
9. Kita hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam pelajaran demi masa depan kerana **usaha tangga kejayaan.**
10. Sikap penduduk di taman itu yang selalu berbincang dan bermuafakat untuk melaksanakan sesuatu aktiviti ibarat ***hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.***
11. Sikap ***seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing*** perlu dielakkan, sebaliknya sikap ***ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni*** perlulah diamalkan dalam kalangan masyarakat setempat untuk memperkuuh perpaduan.
12. Kita hendaklah menjaga perpaduan yang telah kita bina dengan menghindarkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan ketegangan atau kehancuran ***ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua.***
13. Sikap sesetengah rakyat yang menjadi ***seperti api di dalam sekam*** menyebabkan pihak asing cuba mencampuri urusan pentadbiran negara kita.

14. Kita janganlah ***bermain api*** dalam keadaan negara kita yang aman damai ini kerana ***seekor kerbau yang membawa lumpur semuanya akan terpalit***, iaitu kesilapan yang dilakukan oleh seorang akan menyebabkan semua orang di sekelilingnya ditimpa kesusahan.
15. Kita hendaklah membala jasa ibu bapa yang telah memelihara dan membesar kita supaya kita tidak dikatakan ***bagai kacang lupakan kulit***

4.6 PERIBAHASA PILIHAN

Bil	Peribahasa	Maksud
1	Ada udang di sebalik batu.	Berbuat baik kerana ada hajat terselindung.
2	Air dicencang tak akan putus.	Perpecahan adik-beradik tidak berpanjangan.
3	Air perabung mengalir ke cucur atap.	Semua perwatakan ibu bapa diikuti oleh anak-anak.
4	Alang-alang mandi biar basah / alang-alang berdakwat biar hitam.	Apabila melakukan sesuatu kerja, lakukan sampai berjaya walaupun susah.
5	Bagai kerakap di batu, hidup segan mati tak mahu.	Orang yang malas berusaha tidak akan berubah selama-lamanya.
6	Batu yang sentiasa bergolek tidak akan mengumpul lumut.	Orang yang selalu bertukar kerja (berubah pendirian) tidak akan berjaya.
7	Beraja di mata bersultan di hati.	Meletakkan hukum mengikut nafsu sendiri.
8	Berbudi kepada tanah, tanah tidak tipu.	Hasil usaha bercucuk tanam pasti berjaya.
9	Berjagung-jagung dahulu sementara padi masak.	Sementara beroleh kerja yang kekal buatlah kerja-kerja sementara dahulu.
10	Berpantang mati sebelum ajal.	Jangan sengaja mencari nahas (maut).
11	Besar periuk, besarlah keraknya.	Semakin berada bertambah boros.
12	Besar sendal daripada gelegar.	Lebih berbelanja daripada pendapatan.
13	Biar putih tulang jangan putih mata.	Rela mati demi mempertahankan hak.
14	Biduk berlalu kiambang bertaut.	Perbalahan akan selesai apabila tiada penghasut.
15	Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar.	Mesti berhati-hati bercakap dalam perkara-perkara yang sulit dan rahsia.
16	Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum balik.	Perpecahan sesama ahli keluarga lambat-laun berbaik semula.
17	Cubit paha kanan, paha kiri pun sakit juga.	Memberi malu kepada kaum keluarga sendiri akhirnya diri kita pun terasa.
18	Dahan pokah (sekah) dedalu tumpang mati.	Mendapat susah apabila hilang tempat bergantung.
19	Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung.	Hormat akan tempat kita bernaung (berlindung).
20	Di mana-mana air bertakung di situ ikan berkampung.	Di mana-mana tempat berpeluang mencari rezeki orang akan bertumpu.
21	Direndam tak basah direbus tak empuk.	Sangat sukar ditewaskan / dilembutkan hatinya.
22	Gajah sama gajah berjuang pelanduk mati di tengah-tengah.	Pertembungan antara kuasa besar, rakyat jelata menanggung susah.

23	Harapkan pagar, pagar makan padi.	Orang yang tidak memegang amanah.
24	Harapkan sokong, sokong membawa rebah.	Orang yang tidak memegang amanah.
25	Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah.	Rela mati demi mempertahankan hak.
26	Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri.	Susah dan senang lebih baik di tanah air sendiri.
27	Ibarat berdagang buluh kasap, hujung hilang pangkal lesap.	Menjalankan perniagaan yang belum pasti akhirnya menanggung rugi.
28	Ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan terserak.	Selesaikan masalah secara baik dan tidak menimbulkan masalah sampingan.
29	Ikutlah resmi padi semakin berisi semakin runduk/tunduk.	Tidak sompong walaupun semakin berada.
30	Jarak panggang dari api.	Usaha yang tidak mendatangkan kejayaan.
31	Jauh berjalan luas pandangan, lama hidup luas pengalaman.	Ilmu dan pengalaman akan diperoleh apabila sentiasa belajar dan mengembara.
32	Jikalau tiada angin masakan pokok bergoyang.	Tidak timbul sesuatu perkara tanpa sebab.
33	Jong pecah yu yang menang.	Kejatuhan sesebuah negara memberi untung kepada musuh.
34	Kalah jadi abu, menang jadi arang.	Tiada untung berperang sama ada yang kalah atau yang menang.
35	Ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni.	Bermuafakat dan sentiasa bersatu padu.
36	Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi?	Perwatakan ibu bapa akan dituruti oleh anak-anak.
37	Keluar daripada mulut harimau masuk ke mulut buaya.	Tidak putus-putus dilanda bahaya (musibah).
38	Kerana nila setitik habis susu sebelanga.	Rosak maruah masyarakat kerana keburukan seseorang.
39	Kerja bertangguh tak menjadi, kerja beransur tak bertahan.	Sesuatu urusan tidak akan selesai jikalau selalu bertangguh.
40	Keruh di muara kerana di hulu keruh juga.	Rosak akhlak anak-anak akibat salah didikan ibu bapa.
41	Lempar batu sembunyi tangan.	Perbuatan yang tidak bertanggungjawab.
42	Lesung sama antan bertelingkah, ayam yang kenyang.	Bergaduh sesama adik-beradik, musuh yang mendapat habuan.
43	Ludah ke langit jatuh atas batang hidung sendiri.	Perbuatan menjatuhkan maruah keluarga sendiri, akhirnya kita yang mendapat malu.
44	Luka hilang parut tetap tinggal.	Perasaan terluka tetap ada walaupun sudah berbaik-baik.
45	Lunak gigi daripada lidah.	Manis tutur kata apabila berhajatkan sesuatu.
46	Macam mentimun dengan durian, digelek luka, menggelek pun luka.	Orang berkuasa tetap mengatasi orang lemah sama ada benar ataupun salah.
47	Macam melukut di tepi gantang.	Terasing dan tidak dipedulikan.

48	Menahan lukah dipergentingan.	Mencari untung pada saat-saat kesusahan.
49	Mencurah air ke daun keladi.	Nasihat yang tidak berbekas.
50	Mencurahkan garam ke laut.	Berbudi kepada si kaya tiada berguna.
51	Mendengar guruh di langit, air di dalam tempayan dicurahkan.	Mengharapkan sesuatu untung yang belum pasti, harta yang ada diboroskan.
52	Panas setahun basah bumi oleh hujan sehari.	Selama-lama kebaikan musnah dek sekali tersalah langkah.
53	Patah sayap bertongkat paruh.	Gigih berusaha walaupun kudrat terhad.
54	Patah tumbuh hilang berganti.	Memperoleh ganti yang sama dengan yang sebelumnya.
55	Pepat di luar rencong di dalam.	Sikap yang tidak jujur.
56	Pipit sama pipit, enggang sama enggang.	Tidak sama antara golongan berdarjat dengan golongan bawahan.
57	Pisang berbuah dua kali.	Mengulangi kesilapan yang sama.
58	Pucuk dicita ulam mendatang / orang mengantuk disorongkan bantal.	Memperoleh habuan serta merta atas perkara yang amat diingini.
59	Pukul anak sindir menantu.	Mengata-ngatai orang, tetapi sebenarnya perkataannya itu ditujukan kepada orang lain.
60	Rosak bawang ditimpa jambak.	Rosak anak-anak kerana perbuatan ibu bapa.
61	Sehari selembar benang lama-lama menjadi kain.	Walaupun dilakukan sedikit demi sedikit akhirnya selesai.
62	Sekali air bah, sekali pantai berubah.	Apabila bertukar pemimpin, berubahlah stail kepemimpinannya.
63	Seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.	Hidup yang hanya mementingkan diri sendiri.
64	Sepuluh jong masuk kuala anjing tetap bercawat ekor.	Orang yang berfikiran tertutup dan tidak boleh menerima kemajuan.
65	Serumpun bak serai, sesusun bak sirih.	Hidup yang saling bermuafakat.
66	Sudah jatuh ditimpa tangga.	Bencana yang bertimppla-timpa.
67	Tak akan buaya menolak bangkai.	Orang jahat tetap memilih kejahatan.
68	Tak dapat tanduk telinga dipulas.	Menggunakan pelbagai helah untuk memenuhi hajat.
69	Tangan yang menghayun buaian memerintah dunia.	Jasa ibu terlalu besar terhadap masa depan anak-anak.
70	Telunjuk lurus kelengkeng berkait.	Sikap yang bermuka-muka dan tidak jujur.
71	Tepuk air di dulang percik ke muka sendiri.	Menceritakan cela cacat sendiri atau keluarganya, maka diri sendiri juga yang dapat malu.
72	Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.	Keterlanjuran tutur kata amat buruk padahnya.
73	Tidak lari gunung dikejar, hilang kabus tampaklah juga.	Sikap yang hanya menunggu tidak akan mendapat apa-apa faedah.
74	Untung sabut timbul, untung batu tenggelam.	Habuan atau nasib kadang-kadang bergantung kepada tuah.

4.7 KATA-KATA HIKMAT

Aristotle – Tamadun sebenar sesuatu bangsa itu bukan terletak pada kesuburan tanahnya, tetapi kepada jiwa rakyatnya yang merdeka.

Bill Gates – Sekiranya kita mahu berubah selepas orang lain sudah berubah, sebenarnya kita tidak berubah.

Charles Fourier – Tinggi rendahnya darjat bangsa itu bergantung kepada ketinggian darjat kaum wanitanya.

Hamka – Hairan melihat setiap hari orang menyisir rambutnya tetapi tidak pernah menyisir otaknya, memperkemaskan dadanya tetapi tidak mencuci hatinya, digosok kasutnya tetapi tidak akalnya.

- Sesuatu kuasa apabila sudah berada terlalu tinggi, itulah petanda bahawa masa untuk jatuh sudah tiba.

- Wanita yang baik budi pekertinya adalah laksana matahari yang memancar pada waktu fajar bagi orang yang menunggu kedatangan siang.

Hukama – Orang yang mempunyai kekuatan peribadi ialah orang yang kuat kemahuannya dan sanggup melaksanakan sesuatu dengan tabah dan tekun mengikut prinsip yang dipegangnya.

Imam al Ghazali – Untuk mengenal wajah lihatlah pada cermin, untuk mengenal peribadi bercerminlah pada wajah.

Nabi Muhammad – Sebaik-baik umatku ialah mereka yang banyak manfaatnya. Berilah sesuatu walaupun sebuah senyuman sudah memadai daripada mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan hati.

Socrates – Terlalu banyak bercakap kerap kali membawa kekesalan, tetapi diam itu membawa keselamatan.

Sukarno – Sekiranya aku diberikan 10 orang peria, aku mampu menggoncangkan dunia ini, tetapi jikalau diberikan 100 orang tua aku pasti jatuh (tewas).

Tao – Jikalau kamu hendak hidup setahun tanamlah gandum, jikalau kamu hendak hidup sepuluh tahun tanamlah pokok, dan jikalau kamu hendak hidup selama-lamanya tanamlah jiwa manusia.

William Shakespeare – Berhati-hatilah dengan cemburu. Cemburu ialah raksasa yang mengejikan daging yang dimakan sendiri olehnya.

4.8 CADANGAN PERIBAHASA ATAU COGAN KATA YANG BERSESUAIAN DENGAN TEMA KARANGAN :

BIL	TEMA / ISU	PERIBAHASA/ COGAN KATA
01	Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> ● Malaysia Boleh ● Indahnya Malaysia ● Syurga dunia ● Jauh berjalan luas pandangan ● Kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan ● Budi bahasa budaya kita ● Kera di hutan disusukan, anak di pangkuhan mati kelaparan ● Negara Bersih Rakyat Sihat
02	Amalan Membaca	<ul style="list-style-type: none"> ● Membaca Jambatan Ilmu ● Ilmu Pelita Hidup ● Rakyat Berilmu Negara Maju ● Membaca Memerdekaan Minda ● Banyak berjalan luas pengalaman, banyak membaca luas pengetahuan ● Seperti katak di bawah tempurung ● Masyarakat Membaca Masyarakat Berilmu ● Bangsa Membaca Bangsa Berjaya ● Ulat buku ● Bahasa Jiwa Bangsa
03	Semangat Kejiranian	<ul style="list-style-type: none"> ● Seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing ● Bersatu teguh bercerai roboh ● Hidup sandar menyandar bagi aur dengan tebing ● Menjaga tepi kain orang ● Muafakat membawa berkat

		<ul style="list-style-type: none"> ● Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat ● Bagai isi dengan kuku ● Adat bersendi syarak, syarak bersendi hukum ● Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak ● Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
04	Patriotisme	<ul style="list-style-type: none"> ● Gajah mati meninggalkan tulang, manusia mati meninggalkan nama ● Harap sokong, sokong membawa rebah ● Biar putih tulang , jangan putih mata ● Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung ● Ibarat telor sesangkak, pecah satu, pecah semua ● Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing ● Berpantang maut sebelum ajal ● Bagai menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak ● Bersatu teguh bercerai roboh ● Seperti kaduk naik junjung ● Menang jadi arang, kalah jadi abu ● Gajah sama gajah bertempur, pelanduk mati di tengah-tengah.
05	Sukan	<ul style="list-style-type: none"> ● Menang kalah adat pertandingan ● Otak yang cerdas ada pada badan yang sihat ● Adat juara ada kalah menang ● Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni ● Kaki bangku

		<ul style="list-style-type: none"> ● Cencaru makan petang ● Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan ● Biar putih tulang, jangan putih mata
06	Amalan Menabung	<ul style="list-style-type: none"> ● Ingat sebelum kena, berjimat sebelum habis ● Sediakan payung sebelum hujan ● Sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit ● Besar sendal daripada gelegar ● Besar periuk, besar kerak ● Hutang biduk sebelum langsai, hutang pengayuh datang pula ● Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan ● Ikut hati mati, ikut rasa binasa ● Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian ● Berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak
07	Kemalangan Jalan Raya / Lumba Haram	<ul style="list-style-type: none"> ● Biar lambat asal selamat ● Malang tidak berbau ● Sudah terhantuk baru tengadah ● Nasi sudah menjadi bubur ● Indah khabar dari rupa ● Ikut hati mati, ikut rasa binasa ● Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara ● Alang-alang berdakwat biar hitam ● Alah bisa tegal biasa ● Bagai mencurah air ke daun keladi ● Sudah jatuh ditimpa tangga ● Kalah jadi abu, menang jadi arang

08	<p>Gejala Buli / Gejala Ponteng sekolah</p> 	<ul style="list-style-type: none"> ● Bagai anjing dengan kucing ● Mencegah lebih baik daripada mengubati ● Anak-anak ibarat kain putih dan ibu bapa pencoraknya ● Buku bertemu ruas ● Berjalan pelihara kaki, bercakap pelihara lidah ● Berani kerana benar, takut kerana salah ● Kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa ● Beraja di mata , bersultan di hati. ● Pendek akal ● Nasi sudah menjadi bubur ● Marahkan pepijat, kelambu dibakar ● Cepat tangan
09	Pekerja Asing	<ul style="list-style-type: none"> ● Kera di hutan disusukan, anak sendiri mati tak makan ● Di mana ada gula, di situ ada semut ● Di mana bumi dipijak , di situ langit dijunjung ● Diberi betis, hendak paha. ● Telunjuk lurus, kelengkeng berkait ● Harapkan pagar, pagar makan padi ● Serigala berbulu ayam ● Menangguk di air keruh ● Orang mengantuk disorongkan bantal
10	Bangunan Bersejarah	<ul style="list-style-type: none"> ● Tak lapuk dek hujan , tak lekang dek panas ● Hanya jauhari mengenal manikam ● Berganding bahu ● Tulang belakang

		<ul style="list-style-type: none"> ● Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih ● Harapkan sokong,sokong membawa rebah ● Bagai aur dengan tebing ● Tak kenal maka tak cinta ● Lupa daratan ● Serampang dua mata ● Sambil menyelam minum air ● Genggam bara api biat sampai jadi arang ● Melentur buluh biarlah dari rebungnya
--	--	---

4.9 CADANGAN PETIKAN KATA-KATA TOKOH YANG BERSESUAIAN DENGAN TEMA KARANGAN :

BIL	TEMA / ISU	PERIBAHASA/ COGAN KATA
01	Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> ● Socrates – Hanya orang yang halus perasaannya, keindahan dan rahsia alam dibuka oleh Tuhan untuknya. ● Datuk Seri Ng Yen Yen- ketibaan pelancong antarabangsa pada bulan Julai 2010 adalah sebanyak 2.2 juta dengan perbelanjaan sebanyak RM6 bilion. ● Datuk Seri Ng Yen Yen - kementerian bersetuju menubuhkan pusat sehenti bagi merumuskan formula mengenai keperluan guna tenaga yang diperlukan di sektor pelancongan melibatkan hotel, spa, taman tema kelab golf yang mempunyai program pelancongan golf antarabangsa ● Khalid Gibran- Perjalanan yang berbatu-batu jauhnya, dimulai dengan selangkah ● Emerson- Dunia menyediakan jalan bagi orang yang

		mengetahui apa-apa yang perlu dilakukannya
02	Amalan Membaca	<ul style="list-style-type: none"> ● Edmund Burke- Membaca tanpa berfikir , seperti makan tanpa dicemakan. ● Arthur Helps- Membaca adalah alat sederhana bagi mengubati fikiran. ● Disraeli- Takutilah orang yang hanya membaca satu buku ● Goethe- Membaca adalah memperkaya perbendaharaan jiwa.Hal ini sangat membahagiakan. ● Isaac D'Israeli- Membaca adalah seni, seperti halnya seni berfikir dan seni menulis. ● Socrates – Bertambah banyak aku tahu, bertambah sedarlah betapa tololnya diriku
03	Semangat Kejiranian	<ul style="list-style-type: none"> ● Lukman Al- Hakim-Carilah sahabat dalam pergaulan, kerana seribu sahabat belumlah banyak. Jauhilah seorang musuh kerana yang seorang itu sudah lebih saripada seribu rakan. ● Byron - ` Persahabatan adalah cinta tanpa sayap ● Katherine B. Hatahaway- Tidak ada yang lebih baik daripada dorongan sahabat yang baik ● John Keats – saya tidak mahu hidup tanpa kasih sahabat ● Hamka- Kalau anda memberi sesuatu kepada jiranmu, bererti memberi sesuatu kepada dirimu sendiri.
04	Patriotisme	<ul style="list-style-type: none"> ● Umar Al Khattab - Tidak ada satu yang lebih mahal daripada kemerdekaan dan tidak ada kebahagiaan yang lebih besar daripada menunaikan kewajipan. ● Tun Dr Mahathir- Tidak ada manusia di dunia ini

		<p>yang tidak mencintai negaranya sendiri.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Alexander Humboldt- setiap orang perlu memiliki semangat patriotism ● Gordian- Orang tertawa dan tersenyum kerana semangat patriotisme ● Cirdes – Sesuatu yang besar tidak mungkin tercapai tanpa semangat patriotism
05	Sukan	<ul style="list-style-type: none"> ● Ralph Wald Emerson- Percaya kepada diri sendiri adalah rahsia utama untuk mencapai kejayaan ● Winston Churchill- Faktor terpenting ialah kenal diri seseorang. Selepas itu tahu cara dia melaksanakannya, kemudian barulah ikuti apa-apa yang diperkatakannya. ● Kementerian Pelajaran-penyeritaan setiap murid dalam sukan adalah amat penting sebagai satu landasan mendokong aspirasi 1 Malaysia yang sihat, cergas, dinamik dan bersatu padu. Dasar ini selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri dalam mendokong semangat 1 Malaysia. ● Shakespeare – Jiwa yang sihat tidak punya waktu bagi tubuh yang sibuk ● Kementerian Belia dan Sukan - Antara program yang dianjurkan oleh Kompleks Sukan Negara untuk sepanjang tahun adalah Fiesta Futsal, Kejohanan Sepak Takraw Juara Putra, Urban Summer Camp dan Kejohanan Bola Jaring.
06	Amalan Menabung	<ul style="list-style-type: none"> ● Aesop - Menabunglah pada masa muda, belanjakanlah pada masa tua ● Samuel Smiles - Sifat suka menabung ialah puteri

		<p>daripada sikap hati-hati, saudara adalah daripada sikap tahu batas dan ibunya ialah kebebasan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● James Howell – Lebih baik membeli seliter susu dengan wang daripada memelihara seekor lembu. ● Victor Hugo - Orang yang menabung itu bagaikan bintang di langit ● J.P Richter – Tabungan adalah kebijaksanaan menghadapi bahaya
07	Kemalangan Jalan Raya / Lumba Haram	<ul style="list-style-type: none"> ● Peribahasa Sepanyol- Malang sekali orang yang tidak memiliki sifat sabar ● Hadis Nabi – Sabar itu separuh daripada iman ● Peribahasa Sepanyol – Lebih baik lambat daripada terburu-buru ● L. Schefer – Bebas daripada kemalangan adalah keuntungan besar ● JKJR - Perangkaan nahas jalan raya pada tahun 2010 menunjukkan sebanyak 3,693 penunggang dan pembonceng motosikal meninggal dunia dengan jumlah kes kematian paling tinggi berlaku di jalan-jalan Persekutuan, iaitu sebanyak 1,316 kes.
08	Gejala Buli / Gejala Ponteng sekolah	<ul style="list-style-type: none"> ● Bukhari dan Muslim - Kalangan kamu yang paling baik, ialah mereka yang paling baik akhlaknya ● Tan Sri Hanif Omar –Disiplin merupakan asas keimanan dan kemakmuran hidup manusia. ● Erwin H. Schell – Apabila sikap kita benar, kemampuan kita mencapai tingkat paling tinggi semakin cerah. ● Hukama- Apabila semua manusia insaf, maka beristirahatlah sang hakim

		<ul style="list-style-type: none"> ● Hadis Nabi – Sesiapa yang hilang sifat kelembutannya, hilang pula sifat-sifatnya yang terpuji. ● Edmund Burke – Yang salah tidak pernah berubah menjadi benar
09	Pekerja Asing	<ul style="list-style-type: none"> ● Ovidius – Di mana-mana pun, orang asing dianggap sepi ● Nabi Muhammad – Bekerja adalah beribadat ● Thessalanians – Orang yang tidak mahu bekerja, hendaknya jangan makan ● Schiller – Keindahan terdapat dalam kejujuran ● Benjamin Franklin – Yang mati kelaparan lebih sedikit daripada cinta kepada makanan
10	Bangunan Bersejarah	<ul style="list-style-type: none"> ● Tun Dr Mahathir- Sejarah adalah tetap sejarah. Namun yang lebih penting adalah daripada sudut manakah kita menterjemahkan sejarah? ● Jose Ortega – Sejarah adalah pengetahuan berkaitan manusia ● Bernard Berenson – Sejarah adalah seni yang tidak mengabaikan fakta-fakta yang diketahui ● Emerson – Semua sejarah adalah lukisan daripada beberapa catatan dan memiliki ketelusan yang tinggi ● Voltaire – Sejarah manusia tidak lain hanyalah gambaran masa dahulu sebagai pengajaran masa sekarang

4.10 MENYEDIAKAN RANGKA AWAL SEBELUM MEMASUKKAN UNSUR KEINDAHAN DALAM KARANGAN

Bil	Tema/Tajuk	Petikan Akhbar	Unsur Keindahan	
			Peribahasa	Frasa Menarik
1	Memelihara Warisan Kebangsaan	<p>“Peninggalan sejarah dan warisan merupakan aset yang mesti dipertahankan dan dijaga agar dapat dijadikan sumber rujukan serta tatapan generasi akan datang”</p> <p>“Dalam konteks memelihara dan memulihara produk warisan, pengisytiharan yang pertama pernah diadakan di Parlimen dengan mengisytiharkan 50 butiran warisan yang diangkat menjadi Warisan Kebangsaan”</p>	<p>“tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas”</p>	<p>“... mempunyai nilai keunggulan sejagat”</p> <p>“...merupakan cermin kebijaksanaan setempat”</p>
2	Pengangkutan Awam	<p>“Banyak orang tertanya-tanya apakah kadar tambang baharu itu wajar sekiranya keadaan kenderaan awam yang semakin uzur serta mutu perkhidmatan yang ditawarkan masih pada takuk yang sama,”</p> <p>“Empat langkah menjamin keselesaan dan keselamatan penggunaan kenderaan awam, iaitu mewujudkan bank data pemandu, menubuhkan ILPM, mewajibkan semua syarikat pengangkutan awam mempamerkan jadual perkhidmatan dan pemasangan meter resit”</p>	<p>Malang tidak berbau</p> <p>Ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan terserak</p> <p>Hangat-hangat tahi ayam</p> <p>Sudah terhantuk baru tengadah</p>	<p>“membentuk satu stigma dan imej negatif...”</p> <p>“untuk memasarkan Malaysia sebagai destinasi perniagaan dan pelancongan</p> <p>“negara kehilangan produktiviti untuk menjana pendapatan”</p> <p>“...jangan ada lagi bas yang tersengguk-sengguk atau mati di tengah jalan.”</p> <p>“Mengapa kenderaan pengangkutan awam di negara kita dianggap tua sebelum waktunya”?”</p>

3	Patriotisme	<p>Bagaimanakah anda membina jati diri dan menjiwai patriotisme yang kental? Segala-galanya bermula dari dalam diri. Sejak kecil kita diajar dengan nilai murni dan moral oleh ibu bapa di rumah dan guru di sekolah.</p> <p>Membentuk jiwa patriotisme tidak semudah menyebutnya, sebaliknya memerlukan apresiasi dan penghayatan. Oleh sebab itulah, di sekolah diwujudkan aktiviti kokurikulum bagi membentuk peribadi diri yang unggul.</p> <p>Pada tahun 2007 kerajaan merangka pembentukan Majlis Patriotisme Negara. Majlis ini akan berfungsi sebagai perangka dasar yang lebih tuntas kepada program berkaitan dengan pembinaan patriotisme.</p>	<p><i>Pepatah Cina, “Kalau seseorang itu mahukan seekor ikan, jangan berikan ikan kepadainya, sebaliknya berikan pancing untuknya.”</i></p> <p><i>Melentur buluh biar dari rebungnya.</i></p> <p><i>Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.</i></p>	<p>“...dapat menghalang spekulator yang memanipulasikan saham...”</p> <p>“Spekulator yang bertindak kejam memiskinkan banyak penduduk dunia perlu disingkirkan!”</p> <p>“Dunia dicanangkan oleh teknologi maklumat dan komunikasi.”</p> <p>“Maklumat berada di hujung jari”</p> <p>“Membentuk jiwa generasi mudanya menjadi kental dan berani menghadapi cabaran getir”</p>
---	--------------------	---	---	---

4.11 PENGGUNAAN FRASA MENARIK DALAM PERENGGAN KARANGAN

TEMA	PERENGGAN	CONTOH PENGGUNAAN DALAM AYAT
Warisan Budaya Bangsa Malaysia	Pendahuluan	<p><i>Kini, kemasukan budaya asing sudah mula menjajahi minda warisan yang dianggap pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.</i> Budaya “punk” dan “gothic” umpamanya menerapkan unsur bawah tanah, yakni alam kematian dan keseronokan yang bertunjangkan keghairahan melalui penggunaan pil khayal dan dadah.</p>

	Idea	<i>Jika kita membuat anjakan paradigma ini, nenek atau datuk kita pasti sejuk hati melihat kejayaan kita menyediakan makanan kegemaran mereka seperti tempoyak, budu, lepat pisang dan sebagainya.</i>
	Kesimpulan	<i>Tiada kusut yang tidak boleh dilerakan, tiada masalah yang tidak boleh diselesaikan. Oleh hal yang demikian, arus globalisasi yang mengalir deras dalam kehidupan kita tidak wajar menghakiskan jati diri kita yang sebenar.</i>

BIL	KOSA KATA	MAKSUD DAN APLIKASI DALAM AYAT
1	POLEMIK	<p>Maksud : <i>Perbahasan yang dilakukan dalam surat khabar atau dalam majalah mengenai sesuatu perkara</i></p> <p>Aplikasi dalam ayat [Tema: Lumba Haram] <i>Akhir-akhir ini, isu lumba haram kerap menjadi polemik dalam kalangan masyarakat.</i></p>
2	MARHAEN	<p>Maksud: <i>Rakyat jelata</i></p> <p>Aplikasi dalam ayat [Tema: Menabung] <i>Golongan marhaen tidak diabaikan oleh kerajaan dalam usaha mentransformasikan ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi.</i></p>
3	KULAWARGA	<p>Maksud: <i>Keluarga</i></p> <p>Aplikasi dalam ayat [Tema: Keluarga Bahagia] <i>Kulawarga yang harmonis mampu membentuk anak-anak bersahsiah mulia.</i></p>
4	DASAWARSA	<p>Maksud: <i>Dekad</i></p> <p>Aplikasi dalam ayat [Tema: Semangat Kejiraninan] <i>Dasawarsa ini , hubungan kejiraninan semakin diabaikan terutama dalam kalangan masyarakat metropolitan.</i></p>

5	IKHTISAR	<p>Maksud: Pendapat yang ringkas mengenai sesuatu</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Pelajar Cemerlang] Pelajar perlu memberikan ikhtisar yang mantap sewaktu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.</p>
6	AMSLAL/TAMSIL	<p>Maksud: Seperti,umpama, misal</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Menabung] <u>Amsalnya</u>, tabiat menabung bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat.</p>
7	WASILAH	<p>Maksud: Ikatan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Jasa Guru] Seseorang pelajar tidak wajar melupakan wasilah yang terjalin dengan guru.</p>
8	NIRMALA	<p>Maksud: Suci</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Budi Bahasa] Pada pagi yang nirmala ini, saya akan menyampaikan syarahan bertajuk, <i>Budi Bahasa Budaya Kita</i>.</p>
9	SAKINAH	<p>Maksud: Ketenangan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Keluarga Bahagia] Ajaran agama yang diterapkan dalam keluarga mampu menjamin sakinah berpanjangan.</p>
10	SINERGI	<p>Maksud: Kerjasama</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Inap Desa] Akhir kalamnya, rakyat dan kerajaan perlu bersinergi untuk merealisasikan pelancongan inap desa menjadi pilihan kalangan rakyat Malaysia .</p>

11	USLUB/ MINHAJ/ MANHAJ	<p>Maksud: Kaedah, cara</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Membaca] Membaca merupakan <u>uslub</u> berkesan untuk menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan pelajar.</p>
12	PRAKARSA	<p>Maksud: Inisiatif</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:Lumba Haram] <u>Prakarsa</u> perdana dalam membanteras gejala lumba haram ialah pemantauan ibu bapa di rumah.</p>
13	AFORISME	<p>Maksud: Ungkapan, peribahasa, bidalan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Gejala Ponteng Sekolah] Kasih sayang yang diberikan oleh ibu bapa terhadap anak-anak bertepatan dengan <u>aforisme</u>, melentur buluh biarlah dari rebungnya.</p>
14	SIRNA	<p>Maksud: Hilang</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Gejala Buli] Rasa perikemanusiaan semakin <u>sirna</u> daripada sanubari generasi pelajar pada hari ini.</p>
15	JAGATRAYA	<p>Maksud: Seluruh dunia</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Pelancongan] Malaysia terkenal di <u>jagatraya</u> sebagai sebuah negara yang memiliki keunikan budaya dan keindahan alam.</p>
16	SEANTERO	<p>Maksud: Seluruh</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Bangunan Warisan] <u>Seantero</u> dunia akan memandang tinggi negara Malaysia jika kita Berjaya mengekalkan warisan sejarah rakyat Malaysia.</p>

17	OBLIGASI	<p>Maksud: Kewajiban</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Semangat Patriotik] Sudah menjadi obligasi setiap rakyat Malaysia untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh.</p>
18	MAYAPADA/MARCAPADA	<p>Maksud: Dunia hari ini</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Kemalangan Jalan Raya] Mayapada, isu kemalangan remaja kerap disiarkan dalam media massa</p>
19	MAPAN	<p>Maksud: Tidak berubah, sudah diterima umum</p> <p>Aplikasi dalam ayat [Tema: Gejala Lumba Haram] Sudah terang lagi bersuluh, kempen merupakan prakarsa mapan yang mampu mengatasi gejala lumba haram.</p>
20	SEYOGIA	<p>Maksud: Sepatutnya</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Semangat Patriotik] Seyogia golongan remaja tidak terlibat dengan aktiviti subversif yang akan mencalarkan imej negara.</p>
21	SEMENTELAHAN	<p>Maksud: Tambah pula</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Semangat Kejiraninan] Sikap tidak ambil peduli merupakan punca hubungan kejiraninan semakin renggang sementelahan kesibukan bekerja menyebabkan komunikasi antara jiran semakin terbatas.</p>
22	MAUDUK	<p>Maksud: Pokok perbincangan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:Rakan Sebaya] Mauduk syarahan yang akan saya sampaikan ialah, Ciri-ciri Rakan yang Menjadi Pilihan Saya.</p>

23	PADAU	<p>Maksud: Layar</p> <p>Aplikasi dalam ayat Sebelum <u>padau</u> perbincangan saya gali lebih dalam, molek kiranya saya mulakan dengan pendefinisan tajuk terlebih dahulu.</p>
24	TEGAR	<p>Maksud: Tidak dapat dilenturkan, keras</p> <p>Aplikasi dalam ayat [Tema: Merokok] Pihak Kementerian Pelajaran gusar kerana ramai pelajar sekolah kini menjadi perokok tegar.</p>
25	KONGKALIKUNG	<p>Maksud: Sekongkol dalam melakukan sesuatu yang tidak baik</p> <p>Aplikasi dalam ayat [Tema: Ponteng Sekolah] Sekumpulan pelajar SMK Lepar Hilir berkongkalikung ponteng sekolah di ladang kelapa sawit.</p>
26	MENYISIR	<p>Maksud: Mengemaskan</p> <p>Aplikasi dalam ayat Sebelum saya <u>menyisir</u> usul perbahasan dengan lebih dalam, izikan saya mendefinisikan terlebih dahulu frasa demi frasa.</p>
27	MAHMUDAH	<p>Maksud: Terpuji</p> <p>Aplikasi dalam ayat [Tema: Remaja Berwawasan] Sifat <u>mahmudah</u> jika diaplikasi dalam kehidupan akan merubah personaliti remaja agar menjadi remaja cemerlang dan terbilang.</p>
28	GEMULAH	<p>Maksud: Arwah</p> <p>Aplikasi dalam ayat [Tema: Bangunan Bersejarah] Sewajarnya kita mencontohi sifat <u>gemulah</u> terdahulu yang sanggup mempertahankan warisan bangsa agar dapat dinikmati oleh anak cucu.</p>

29	CERITERA	<p>Maksud: Cerita</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:Remaja Berwawasan] Sebagai remaja berwawasan, kita sepatutnya tidak terpengaruh dengan <u>ceritera</u> palsu yang berlebar-lebar dalam kalangan masyarakat.</p>
30	INTI PATI	<p>Maksud: Bahagian yang penting</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:Remaja Berwawasan] Perlembagaan Persekutuan Malaysia merupakan <u>inti pati</u> yang wajar difahami dan dihayati oleh seluruh warga Malaysia.</p>
31	BERIJTIHAD	<p>Maksud: Memberikan tafsiran berdasarkan peraturan tertentu</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:Remaja Berwawasan] Remaja mesti mengkaji sesuatu isu agar mampu <u>berijтиhad</u> apabila ditanyakan tentang sesuatu isu oleh orang luar.</p>
32	MENGHADAP	<p>Maksud: Menghala, mengarah</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Remaja Berwawasan] Kita perlu <u>menghadap</u> serta mendepani sesuatu perkara dengan cara yang rasional.</p>
33	BELASUNGKAWA	<p>Maksud: ucapan takziah</p> <p>Aplikasi dalam ayat: Kami mengucapkan <u>belasungkawa</u> kepada keluarga Ali atas kematian anak tunggal mereka.</p>
34	KENDATIPUN	<p>Maksud: Meskipun</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Menabung] <u>Kendatipun</u> pendapatan kita sekadar cukup-cukup makan, kita seharusnya menyimpan sebahagian daripada pendapatan sebagai tabungan.</p>

35	SIGNIFIKAN	<p>Maksud: Penting</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Gejala Lumba Haram] Langkah-langkah signifikan perlu dilakukan untuk membasmi gejala lumba haram dalam kalangan remaja</p>
36	TERAMPIL	<p>Maksud: <i>Cekap dalam melaksanakan sesuatu</i></p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Remaja Berwawasan] Sifat terampil merupakan ciri yang perlu ada pada seorang remaja yang berwawasan.</p>
37	PROGNOSIS	<p>Maksud: <i>Ramalan,telahan</i></p> <p>Aplikasi dalam ayat [Tema:Ponteng Sekolah] Prognosis yang tepat dalam menilai keperibadian rakan sebaya perlu ada dalam memilih rakan sebaya.</p>
38	PROKLAMIR	<p>Maksud: Pengisytiharan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:Bangunan Bersejarah] Kerajaan telah memproklamir Melaka sebagai Bandar Raya Bersejarah.</p>
39	TRAGEDI	<p>Maksud: Peristiwa yang menyedihkan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Lumba Haram] Menjadi suatu tragedi yang menyedihkan apabila golongan remaja yang terlibat dengan lumba haram mencambah biak gejala sosial lain seperti seks bebas dan penagihan dadah.</p>
40	KULAWARGA	<p>Maksud: Keluarga</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Semangat Kejiraninan] Kulawarga dewan sekalian, Tajuk pidato saya pada hari ini ialah, Peranan Remaja dalam Menyemarakkan Semangat Kejiraninan.</p>

41	JALUR LEBAR	<p>Maksud: Rangkaian yang mempunyai julat yang besar</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:Teknologi Maklumat] Kemudahan <u>jalur lebar</u> yang disediakan oleh kerajaan dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat.</p>
42	NIHILISME	<p>Maksud: Fahaman yang menolak nilai</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Gejala Sosial Remaja] Remaja yang terlibat dalam gejala sosial mengamalkan <u>nihilisme</u> dalam kehidupan mereka.</p>
43	MOBILITI	<p>Maksud: Perihal mudah bergerak dan digerakkan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Ponteng Sekolah] Masyarakat berilmu pengetahuan akan bermobiliti ke arah kecemerlangan</p>
44	HEDONISME	<p>Maksud: Pandangan hidup yang mementingkan keseronokan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Gejala Sosial Remaja] Remaja perlu dinasihati agar tidak mengamalkan budaya <u>hedonisme</u> dalam kehidupan mereka.</p>
45	FRANCAIS	<p>Maksud: Kebenaran oleh pengeluar untuk memasarkan barangannya</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Pelancongan] Agensi pelancongan boleh mengaplikasikan konsep <u>francais</u> untuk mempopularkan produk dan perkhidmatan mereka kepada pelancong asing.</p>
46	SAF	<p>Maksud: Barisan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Lumba Haram] Remaja perlu menyusun <u>saf</u> agar dapat bergerak seiring menangani gejala lumba haram yang semakin mencengkam pada hari ini.</p>

47	PARADIGMA	<p>Maksud: Model yang jelas tentang sesuatu</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Remaja Berwawasan] Kita perlu melakukan anjakan paradigma untuk merubah senario negatif yang membelenggu golongan muda negara ini.</p>
48	KODIFIKASI	<p>Maksud: Kegiatan menyusun maklumat</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:Membaca] Remaja yang berpengetahuan mampu melakukan kodifikasi apabila membaca bahan bacaan daripada pelbagai sumber.</p>
49	ENTENG	<p>Maksud: Ringan, mudah</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema]: Sikap masyarakat yang memandang enteng gejala ponteng sekolah menyebabkan golongan remaja beraja di mata , bersultan di hati.</p>
50	CAKNA	<p>Maksud: Ambil berat</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:Gejala Lumba Haram] Ibu bapa perlu cakna akan perubahan yang berlaku dalam diri anak-anak mereka.</p>
51	TUNTAS	<p>Maksud: Menyeluruh dan lengkap</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Dasar 1 Murid 1 Sukan] Tuntasnya, Dasar 1 Murid 1 Sukan mampu memupuk minat bersukan dalam kalangan murid-murid sekolah..</p>
52	IZHAR	<p>Maksud: Jelas</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:OKU] Izharnya, golongan orang kurang upaya turut membantu perkembangan ekonomi negara Malaysia.</p>

53	AFDAL	<p>Maksud: Lebih baik</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Menabung] Prakarsa yang <u>afdal</u> bagi menggalakkan anak-anak menabung ialah ibu bapa membuka akaun simpanan di bank untuk anak-anak.</p>
54	JERAYAWARA	<p>Maksud: Pameran, ceramah</p> <p>Aplikasi dalam ayat: <u>Jerayawara</u> secara progresif perlu diadakan ke seluruh negara bagi menerangkan keburukan gejala lumba haram.</p>
55	REKAYASA	<p>Maksud: Penerapan unsur-unsur ilmu</p> <p>Aplikasi dalam ayat [Tema:Guru] Guru yang berkesan mampu melakukan <u>rekayasa</u> melalui pelbagai medium dan kaedah pengajaran di dalam kelas.</p>
56	EGOSENTRIK	<p>Maksud: Mementingkan keperluan diri</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema]: Sikap <u>egosentrik</u> yang ada di dalam dirinya menyebabkan dia tidak mahu meminta bantuan daripada kawan-kawannya.</p>
57	ADIWANGSA	<p>Maksud: Bangsa mulia</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Gejala Sosial] Remaja yang mampu menongkah arus kebejatan sosial akan menjadi <u>adiwangsa</u> yang mengharumkan nama negara..</p>
58	EGALITARIANISME	<p>Maksud: Fahaman bahawa semua orang sama rata</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Perpaduan] Konsep 1 Malaysia mampu merealisasikan <u>egalitarianisme</u> dalam pembudayaan budaya dan bahasa</p>

59	ATMA	<p>Maksud: Jiwa</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Gejala Sosial Remaja] Sementelahan , generasi muda pada hari ini mengalami gangguan atma sehingga menyebabkan mereka tidak memikirkan baik buruk sesuatu perkara.</p>
60	BOBROK	<p>Maksud: Rosak, binasa</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Gejala Sosial] Masyarakat yang bobrok akhlaknya akan merugikan negara.</p>
61	PENGITLAKAN	<p>Maksud: Membuat rumusan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Bangunan Bersejarah] Sebagai pengitlakan, kita seharusnya berganding bahu memulihara bangunan bersejarah untuk memastikan generasi hari muka dapat mewarisinya.</p>
62	EFISIEN	<p>Maksud: Berkesan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Pendidikan Vokasional] Langkah yang efisien mampu memperkasakan pendidikan vokasional di negara ini.</p>
63	GELANDANGAN	<p>Maksud: Merempat</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Menabung] Amalan menabung sejak kecil mampu merubah kehidupan gelandangan menjadi lebih baik.</p>
64	MUASIR	<p>Maksud: Kontemporari, semasa</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:Membaca] Muasir ini, budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia telah meningkat.</p>

65	SIMBIOSIS	<p>Maksud: Perkaitan hidup antara dua atau lebih organisma</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: OKU] Sememangnya <u>simbiosis</u> antara kerajaan dengan rakyat mampu menghasilkan sinergi yang merubah senario masyarakat.</p>
66	PIDANA	<p>Maksud: Kejahatan</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Gejala Sosial] Anak-anak terdorong untuk melakukan <u>pidana</u> dek galakan rakan-rakan sebaya.</p>
67	NINGRAT	<p>Maksud: Orang mulia</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Remaja Berwawasan] Remaja seharusnya berusaha menjadi golongan <u>ningrat</u> yang akan membanggakan nama ibu bapa dan negara.</p>
68	JEMBEL 	<p>Maksud: Miskin</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Krisis Makanan Antarabangsa] Seharusnya kita membantu negara-negara <u>jembel</u> di Afrika yang mengalami krisis makanan</p>
69	MURBA	<p>Maksud: Rakyat jelata</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema: Sukan] Sebagai golongan <u>murba</u>, kita seharusnya menyokong Dasar 1 Murid 1 Sukan.</p>
70	PROLETAR	<p>Maksud: Kaum yang suka membunuh/ membuat kacau</p> <p>Aplikasi dalam ayat[Tema:Gejala Sosial] Kita seharusnya memerangi gejala buli dan ponteng sekolah kerana kita tidak mahu melihat generasi akan datang menjadi masyarakat <u>proletar</u>.</p>

5.0 TEKNIK MENULIS YANG BERKESAN

BAHASA MELAYU KERTAS 1

Bahagian A - Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan [30 markah]

- (i) Pelajar akan diberikan satu bahan rangsangan yang terdiri daripada **gambar tunggal, gambar bersiri atau bahan grafik**.
- (ii) Pelajar akan diminta menulis sebuah karangan berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan.
- (iii) Panjang karangan pelajar hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

Bahagian B - Karangan Respons Terbuka [100 markah]

- (i) Karangan bagi bahagian ini masih mengelakkkan format lama, iaitu pelajar perlu menjawab satu soalan sahaja daripada beberapa soalan yang diberikan.
- (ii) Panjang karangan pelajar hendaklah **tidak kurang daripada 350 patah perkataan**.
- (iii) Karangan bahagian ini terdiri daripada lima bidang atau dimensi :

- (a) Diri /Individu
- (b) Keluarga/ Masyarakat
- (c) Negara
- (d) Antarabangsa
- (e) Kompenan Sastera

3. Masa yang diperuntuk untuk menjawab kedua-dua bahagian ini ialah **2 jam 15 minit**. Oleh itu, para pelajar perlu bijak membahagikan masa supaya mereka dapat menyiapkan kedua-dua buah karangan mengikut masa yang ditetapkan dan jumlah perkataan karangan yang ditulis pula biarlah sesuai dengan masa.

PENILAIAN PEMERIKSA

1. Pemeriksa akan menilai kebolehan calon dalam membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk atau tema soalan/bahan.
2. Pemeriksa akan menilai kebolehan calon melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan berkesan.
3. Pemeriksa akan menilai kebolehan calon menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakan untuk pelbagai tujuan. Di samping itu, pemeriksa juga akan menilai kebolehan calon membahagikan perenggan-perenggan mengikut susunan isi menarik. Tanda-tanda baca juga hendaklah ditulis dengan betul.
4. Pemeriksa akan menilai kebolehan calon menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, dengan menggunakan struktur ayat yang betul, gaya bahasa yang menarik, terdapat ungkapan menarik serta bersesuaian pula dengan tajuk karangan.
5. Pendek kata, pemeriksa akan memberi perhatian sepenuhnya kepada **penguasaan bahasa** dan **penyusunan serta pengembangan idea** yang tepat, jelas dan bernes.

5.1 PANDUAN MENJAWAB SOALAN

Karangan Bahagian A

1. Karangan mestilah menepati tema bahan rangsangan/menepati arahan soalan.
2. Karangan mestilah mempunyai isi-isi penting yang relevan dan tersusun.
3. Isi-isi penting itu pula perlu diuraikan dengan jelas dan disokong dengan contoh-contoh yang tepat dan menarik.
4. Perenggan-perenggan pula harus seimbang.
5. Karangan mestilah menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata luas dan tepat penggunaannya.
6. Unsur bahasa yang digunakan mestilah bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, hadis nabi, terjemahan ayat suci Al-Quran dan lain-lain.
7. Karangan juga harus mempunyai idea yang relevan dengan tema rangsangan yang diberi dan diuraikan dengan jelas.
8. Keseluruhan karangan mestilah memperlihatkan kematangan calon.
9. Karangan mestilah ditulis dengan tulisan yang kemas, bersih dan jelas.
10. Jumlah perkataan ***seboleh-bolehnya*** dalam lingkungan 250 hingga 300 patah perkataan. Walaupun tiada pemotongan markah, namun peraturan dalam pemarkahan boleh berubah pada bila-bila masa.

Karangan Bahagian B

1. Karangan mestilah menepati kehendak soalan/tugasan soalan.
2. Calon seboleh-bolehnya menulis tiga isi atau lebih.
3. Jumlah perkataan dalam karangan Bahagian B ini ***mestilah*** melebihi 350 patah perkataan atau sekurang-kurangnya tiga atau empat muka surat. Jangan menulis karangan yang pendek yang kurang daripada 350 patah perkataan.
4. Walaupun panjang karangan Bahagian B tidak dihadkan, namun calon-calon sebaik-baiknya menulis karangan yang ***tidak terlalu*** panjang kerana karangan yang terlalu panjang biasanya banyak kesalahan bahasa akibat kesuntukan masa untuk menyemak semula.
5. Perenggan-perenggan harus seimbang dan disertai isi utama, huraian serta contoh-contoh yang sesuai dan menarik.
6. Karangan mestilah menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata luas dan tepat penggunaannya.
7. Unsur bahasa yang digunakan mestilah bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, hadis nabi, terjemahan ayat suci Al-Quran dan lain-lain.
8. Karangan mestilah menggunakan gaya bahasa yang menarik dan laras bahasa yang sesuai dengan tugasan.
9. Keseluruhan karangan mestilah memperlihatkan kematangan berfikir.
10. Karangan mestilah ditulis dengan tulisan yang kemas, bersih dan jelas.

5.2 TEKNIK MENULIS KARANGAN BAHAGIAN B

5.2.1 (PENDEKATAN PROSES)

Amalan membaca sangat penting untuk mewujudkan budaya ilmu dalam sesebuah keluarga. Jelaskan peranan yang dapat dimainkan oleh ahli sesebuah keluarga untuk merealisasikan budaya ilmu tersebut.

Sebelum anda menghasilkan karangan jenis perbincangan, anda akan dibimbing dengan langkah-langkah penyediaan menulis karangan seperti ini. Anda akan dibimbing dengan enam langkah menulis karangan. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

Langkah 1

Menganalisis Soalan Karangan



Langkah 2

Membina Rangka Karangan



Langkah 3

Membina Perenggan Pendahuluan Karangan



Langkah 4

Membina Perenggan Isi Karangan



Langkah 5

Membina Perenggan Penutup / Kesimpulan Karangan



Langkah 6

Menyemak Hasil Penulisan Karangan

LANGKAH 1 : MENGANALISIS SOALAN KARANGAN

Nota : Anda akan dibimbing cara-cara untuk menganalisis soalan karangan sebelum didedahkan dengan kemahiran menulis karangan tersebut.

Aktiviti 1 :

Sila baca soalan karangan di bawah.

Amalan membaca sangat penting untuk mewujudkan budaya ilmu dalam sesebuah keluarga. Jelaskan peranan yang dapat dimainkan oleh ahli sesebuah keluarga untuk merealisasikan budaya ilmu tersebut.

Aktiviti 2 :

Sila analisis soalan karangan di bawah dengan menentukan Takrif, Fokus dan Tugasan (TFT). Kemudian garisi kata kunci berdasarkan TFT

Amalan membaca sangat penting untuk mewujudkan budaya ilmu dalam sesebuah keluarga. Jelaskan peranan yang dapat dimainkan oleh ahli sesebuah keluarga untuk merealisasikan budaya ilmu tersebut.

Takrif : Budaya ilmu melalui amalan membaca

Fokus : Peranan ahli keluarga melalui amalan membaca untuk mewujudkan budaya ilmu

Tugasan : Berikan penjelasan tentang cara-cara ahli keluarga dapat memainkan peranan melalui pembacaan untuk merealisasikan budaya ilmu

LANGKAH 2 : MERANGKA KARANGAN**Aktiviti 1 :**

Anda dikehendaki merangka butiran penting bagi setiap perenggan dan mencatatkan secara ringkas. Contoh rangka karangan adalah seperti berikut :

Rangka Karangan

- 1. Pengenalan*
- Tentukan jenis perenggan sama ada jenis definisi atau pendapat atau persoalan.
 - Pastikan ada ayat rangsangan
 - Pastikan ada ayat arah
- 2. Perenggan Isi*
- Isi Pertama :
 - Ibu bapa sebagai 'role model' – ibu bapa membaca dan anak-anak akan turut membaca (bapa borek anak rintik)
 - mengajak anak-anak membaca bahan bacaan secara bersama-sama – ada sesi / jadual / peruntukan masa berkualiti ahli-ahli keluarga
 - anak-anak diberi peluang menceritakan bahan yang telah dibaca / memberikan pendapat
 - masukkan ungkapan menarik seperti peribahasa atau slogan
 - Isi Kedua :
 - Keluarga perlu menyediakan peruntukan khas untuk membeli bahan-bahan bacaan daripada pelbagai jenis
 - anak-anak / ahli keluarga mengunjungi kedai buku / pameran buku dan membeli bahan bacaan
 - bentuk dan jenis bahan perlulah terdiri daripada pelbagai jenis untuk menarik minat anak-anak / ahli keluarga
 - masukkan ungkapan menarik seperti peribahasa atau slogan
 - Isi Ketiga :
 - Abang atau kakak dapat memainkan peranan memupuk minta membaca
 - Berbual-bual atau bercerita selepas aktiviti membaca
 - Ahli keluarga memainkan peranan membacakan buku cerita kepada anak-anak / adik yang masih kecil
 - masukkan ungkapan menarik seperti peribahasa atau slogan

- Isi Keempat :
- Keluarga perlu menyediakan tempat dan ruang pembacaan seperti perpustakaan mini
- Suasana dan keadaan latar perpustakaan mini mestilah sesuai, kondusif dan menarik
- Pelbagai bahan rangsangan untuk pembacaan perlulah dikendalikan secara teratur seperti perpustakaan sebenar
- Bahan audio dan video boleh juga disediakan (jika mampu)
- masukkan ungkapan menarik seperti peribahasa atau slogan

3. Perenggan Penutup

- Pastikan ada penanda wacana
- Mematuhi ciri-ciri binaan perenggan penutup seperti :
- Ada harapan, atau
- Pendirian, atau
- Cadangan, atau
- Gabungan daripada dua atau ketiga-tiga perkara tersebut
- Masukkan slogan / ungkapan menarik seperti peribahasa

LANGKAH 3 : MEMBINA PERENGGAN PENDAHULUAN

Nota : Sebelum menulis perenggan pengenalan / pendahuluan, anda perlu mengenal pasti jenis pengenalan yang hendak dituliskan. Pastikan jenis pengenalan yang sesuai dan tepat agar maksud yang hendak disampaikan dapat difahami oleh pemeriksa.

Aktiviti 1 : Bina perenggan pendahuluan.

Jenis Pendahuluan : _____

--

LANGKAH 4 : MEMBINA PERENGGAN ISI

Nota : Anda perlu memastikan bahawa setiap perenggan perlu ada ayat fokus (AF), ayat huraian (AH), ayat contoh (AC) dan ayat penegas (AP).

Aktiviti 1 : Bina perenggan isi pertama

Perenggan Isi Pertama

Ibu bapa sebagai suri teladan

Aktiviti 2 : Bina perenggan isi kedua.

Perenggan Isi Kedua

Keluarga perlu menyediakan peruntukan khas untuk membeli bahan-bahan bacaan

Aktiviti 3 : Bina perenggan isi ketiga.

Perenggan Isi Ketiga

Abang atau kakak dapat memainkan peranan memupuk minta membaca

Aktiviti 4 : Bina perenggan isi keempat.

Perenggan Isi Keempat

Keluarga perlu menyediakan tempat dan ruang pembacaan seperti perpustakaan mini

LANGKAH 5 : MEMBINA PERENGGAN PENUTUP

Nota : Anda perlu memastikan bahawa binaan perenggan penutup menepati aspek yang telah ditetapkan. Antara aspek yang perlu ada ialah harapan atau pendirian atau cadangan ataupun gabungan daripada dua atau tiga aspek berkenaan. Pastikan juga penanda wacana yang sesuai digunakan dan masukkan dalam perenggan ini.

Aktiviti 1 : Bina perenggan penutup (Pilihan 1).

Perenggan Penutup

Aspek : Harapan

LANGKAH 6 : MENYEMAK HASIL PENULISAN

Nota : Anda perlu menyemak semua hasil penulisan. Pastikan tiada kesilapan ejaan dan bahasa agar tiada penolakan markah dari aspek ejaan. Anda juga perlu merujuk kamus untuk memastikan ejaan yang disemak betul dan tepat.

Aktiviti 1 : Gunakan kamus ketika menyemak hasil penulisan anda (aspek ejaan).

Semakan Ejaan

Aktiviti 2 : Bina perenggan penutup (Pilihan 2).

Perenggan Penutup

Aspek : Pendirian

--

Aktiviti 3 : Bina perenggan penutup (Pilihan 3).

Perenggan Penutup

Aspek Gabungan : Harapan dan Pendirian

MUTIARA KATA PILIHAN :

“Kemahuan sangat penting kerana aksi dan kerja biasanya mengikut kemahuan dan dengan kemahuan itulah kita dapat membuka pintu ke arah kejayaan.”

(Louis Pasteur)

5.2.2 TEKNIK MUDAH PERENGGAN:

ALTERNATIF BAGI PELAJAR SEDERHANA DAN POTENSI

(Sumber :<http://teknikmudahperenggan.blogspot.com>)

A1 = Idea utama

A2 = Huraian

A3 = Huraian

A4 = Data, contoh, statistik, pendapat, peribahasa, ungkapan menarik

A5 = Kesimpulan perenggan

* A ialah ayat

B. PANDUAN PERMULAAN PERENGGAN PENDAHULUAN

Pelajar memulakan karangan dengan kata / frasa berikut ;

Akhir-akhir ini,.....

Kelakangan ini,.....

Sejak belakangan ini,.....

Mayapada,.....

Marcapada,.....

Dalam mengejar era modenisasi,.....

1. Pelajar tahu mengesan **tema** dan **arah** soalan dalam soalan yang diberi.
2. Selepas mengesan tema dan arah soalan, **pelajar mula menulis ayat 1 hingga ayat 5** mengikut kerangka konsep penulisan yang dicadangkan di bawah.
3. Pelajar **tidak boleh memasukkan isi** seperti sebab, cara, langkah, kesan, kepentingan dan sebagainya dalam bahagian pendahuluan.
4. Pelajar boleh **memasukkan peribahasa dan kosa kata menarik** dalam bahagian pendahuluan sama ada dalam **ayat 4 atau ayat 5 sebelum ayat kesimpulan perenggan**.

Secara ringkasnya, perenggan **pendahuluan** mempunyai bentuk seperti berikut:

Ayat 1	<i>Ayat penyataan tema(mayapada,marcapada.....)</i>
Ayat 2	<i>Definisi tema(Dari segi konsepsinya.....)</i>
Ayat 3	<i>Ayat rangsangan (mengapa/bagaimana/siapa)</i>
Ayat 4	<i>Ayat contoh / tokoh(Menurut.....)</i>
Ayat 5	<i>Ayat arah soalan(Oleh itu,...t arah soalan)</i>

MENGESAN TEMA DAN ARAH SOALAN

Latihan 1

Nyatakan **tema** dan **arah** soalan tajuk karangan di bawah.

Kegilaan terhadap pelbagai program televisyen realiti mengakibatkan tumpuan dalam bidang pelajaran anak-anak terabai

Berikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa dalam usaha mengawal kecenderungan anak-anak terhadap program televisyen realiti ini.

Tema :

Arah soalan :

C. PANDUAN MEMULAKAN PERENGGAN IDEA

Mulakan ayat idea utama kata arah soalan seperti berikut;

Punca/ cara/ usaha/ kepentingan yang perlu diperhalusi ialah,.....

1. Pelajar mengesan **arah** soalan dalam soalan yang diberi dan menyatakan isi.
2. Pelajar boleh mula menulis isi mengikut kerangka konsep penulisan yang dicadangkan di bawah.
3. Pelajar **memasukkan isi** seperti sebab, cara, langkah, kesan, kepentingan dan sebagainya.
4. Pelajar boleh **memasukkan peribahasa dan kosa kata menarik** dalam bahagian pendahuluan sama ada dalam **ayat 4 atau ayat 5 sebelum ayat kesimpulan perenggan**.
5. Pelajar perlu menjawab persoalan **mengapa, bagaimana, dan siapa**, bagi menjelaskan isi secara terperinci.

Secara ringkasnya, perenggan **isi** TMP mempunyai bentuk seperti berikut:

Ayat 1	Ayat arah soalan + isi
Ayat 2	Ayat rangsangan (mengapa, bagaimana, siapa)
Ayat 3	Ayat rangsangan (mengapa, bagaimana, siapa)
Ayat 4	Ayat contoh / tokoh(Menurut..../ Hal ini.....)
Ayat 5	Ayat rangsangan kesimpulan perenggan(Sekiranya,...)

D. PANDUAN MENULIS KESIMPULAN / PENUTUP KARANGAN

Mulakan ayat kesimpulan dengan kata berikut;

Kesimpulannya,.....

Secara tuntas,.....

Sebagai akhir kalam,.....

Konklusinya,.....

Sebagai intiha,.....

Ayat 1	<i>Ayat penyataan tema(Akhirul kalam....)salin A1P1</i>
Ayat 2	<i>Ayat rangsangan harapan (Semoga....)</i>
Ayat 3	<i>Ayat rangsangan Pandangan (sememangnya,....)</i>
Ayat 4	<i>Ayat rangsangan cadangan(Oleh itu, kita perlu....)</i>
Ayat 5	<i>Ayat rangsangan kesimpulan perenggan(Sekiranya....)</i>

E. KONSEP ASAS YANG PERLU DIKETAHUI PELAJAR

- | | | |
|---------------------|---|--|
| Tema | = | isu dalam soalan |
| Ayat Arah | = | ayat yang menjurus kepada kehendak soalan |
| Ayat Huraian | = | ayat yang menghurai idea |
| Ayat Contoh | = | ayat yang menyatakan contoh
(dimulakan dengan <i>Menurut</i> ...atau <i>Sebagai contoh,..</i>)
berdasarkan pengetahuan sedia ada pelajar tanpa merujuk bahan / maklumat |
| Ayat Penegas | = | ayat yang menggabungkan harapan, pandangan dan cadangan terhadap isu |

F. PROSEDUR PELAKSANAAN

1. Guru menjelaskan secara ringkas perkara A,B,C,D dan E
2. Guru mengedarkan bahan modul latihan bahagian pendahuluan, isi dan kesimpulan kepada pelajar.
3. Guru memudah cara dan membimbing pelajar bermula ayat 1 hingga ayat 5 bahagian pendahuluan, diikuti bahagian isi dan bahagian kesimpulan.
4. Guru perlu memastikan pelajar menulis ayat demi ayat bersama-sama. Jika ada pelajar yang masih belum menghabiskan ayat sebelumnya, guru perlu memastikan pelajar tersebut menulis sebelum memulakan ayat seterusnya.

G. CONTOH BAHAN PENGAJARAN

Semangat kejiranan dalam kalangan rakyat di negara kita semakin longgar. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang harus diambil supaya semangat kejiranan dalam kalangan penduduk dapat ditingkatkan.

PENDAHULUAN

Mayapada, ..[tema].....

.....(AH=Apa) Dari segi konsepsinya, (tema) ialah.....

(AH)BAGAIMANA/MENGAPA/SIAPA

(AC)Menurut.....

ISI.

Langkah yang harus diambil supaya semangat kejiranan dalam kalangan penduduk dapat ditingkatkan ialah

.....(AH) Justeru,

(AH)Hal ini demikian, kerana

(AC)Sebagai contoh,.....

(AS)Sekiranya,.....

KESIMPULAN

Akhirul kalam,

(Harapan)Semoga.....

(Pandangan)Sememangnya.....

(Cadangan)Oleh itu, kita perlu

5.2.3 PENGEMBANGAN ISI

FORMULA / RUMUS PENGEMBANGAN ISI ATAH (5W 1H II) ACAS

(Sumber: Datuk Hajah Meriam Mehad)

<i>Ayat Topik</i>	<i>Ayat arah soalan + isi/ idea utama</i>
<i>Ayat Huraian</i>	<i>Ayat rangsangan(apa, siapa, bila, di mana, mengapa)</i>
<i>Ayat Huraian</i>	<i>Ayat rangsangan(bagaimana, sekiranya) 5W 1H II</i>
<i>Ayat Contoh</i>	<i>Ayat contoh / tokoh(Menurut..../ Hal ini.....)</i>
<i>Ayat Simpul (Penegas)</i>	<i>Ayat Simpul</i>

”Sekiranya ”

Merujuk kepada KBKK

- Kaitan atau perhubungan
- Membanding atau membeza
- Meramal
- Merujuk kepada peribahasa

CONTOH APLIKASI RUMUS

Tema : Menabung

Arah soalan : Langkah menghadapi kemelut ekonomi

AT	Menabung merupakan aktiviti tradisi yang kita warisi sejak zaman nenek moyang lagi tetapi caranya sahaja yang berbeza.
AH 1 Apa	Aktiviti ini perlulah dihidupsuburkan bagi menghadapi kemelut ekonomi yang melanda negara.
AH 2 Mengapa	Kita pasti berasa terjamin terutama sekali pada masa kecemasan sekiranya tabungan sudah memadai.
AH 3 Bagaimana	Sementara itu, menabung tiga puluh peratus daripada pendapatan sangatlah digalakkan kerana jumlah ini dianggap berpatutan.
AH 4 Bila	Kita semua tentu sepandapat bahawa kepentingan menabung perlu ditekankan kepada setiap anggota keluarga sejak zaman kanak-kanak lagi.
AH 5 Siapa	Pelbagai bentuk tabung telah direka dan ditawarkan oleh bank-bank atau institusi kewangan untuk menarik perhatian kanak-kanak menabung.
AH 6 Sekiranya	Sekiranya setiap anggota keluarga memberikan komitmen yang tinggi terhadap aktiviti menabung, tentulah kemelut ekonomi akan dapat diatasi.
AC Di mana	Sebagai contoh, kita boleh menyimpan di bank dalam bentuk simpanan tetap, simpanan semasa atau melabur dalam dana tertentu.
AS Peribahasa	Jadi, pepatah nenek moyang kita yang berbunyi beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis patutlah dijadikan amalan hidup dan pegangan yang berterusan.

5.2.4 TEKNIK MEMBINA PERENGGAN YANG MATANG

Isi Pokok : :

1	Isi Pokok	
2	Siapa?	
3	Bagaimana?	
4	Analogi	
5	Kesan/akibat	
6	Kesan lanjutan	
7	Ungkapan Menarik	
8	Penegasan	

CONTOH APLIKASI TEKNIK :

Isi : Kecuaian pemandu menjadi punca kemalangan

1	Isi Pokok	Pemandu kenderaan yang cuai selalu menjadi punca berlakunya kemalangan.
2	Siapa?	Pemandu yang paling berisiko tinggi ialah penunggang motosikal .
3	Bagaimana?	Pemandu yang kurang sopan sewaktu di jalan raya selalunya memandu secara berbahaya , contohnya ialah pemandu yang terlibat dengan lumba haram, mabuk dan lain-lain.
4	Analogi	“Kalau berjalan di jalan berduri, perlulah berhati-hati” , begitulah juga di jalan raya, umpama mulut harimau yang sentiasa ternganga menunggu mangsa.
5	Kesan/Akibat	Diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain turut terdedah untuk mendapat kemalangan. Kadangkala orang yang tidak bersalah turut menjadi mangsa disebabkan oleh golongan cuai ini.
6	Kesan lanjutan	Mangsa kemalangan akan merana sepanjang hayat .
7	Ungkapan Menarik	Pemandu ini umpama “Apabila dibawa keranda barulah mereka bercucuran air mata” atau “sudah terhantuk baru tengadah” . Setelah mereka terkena barulah mereka menyesal.
8	Penegasan	Oleh itu, sebelum roh meninggalkan jasad, sebelum nasi menjadi bubur, pemandu mestilah berfikir terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara . Jadilah seorang pengguna yang berhemah tinggi.

5.2.5 PENANDA WACANA**(i) Fungsi :**

- (a) Menyambungkan ayat dengan ayat,
- (b) Menghubungkan perenggan dengan perenggan, agar berlaku kesinambungan antara ayat dan perenggan serta ayat menjadi gramatis.

(ii) Contoh Penanda Wacana Bahasa Melayu :**Penanda wacana memulakan karangan**

- A. Pada era globalisasi ini
- B. Dewasa ini
- C. Pada masa ini
- D. Dasawarsa ini
- E. Belakangan ini

Penanda wacana untuk ayat pertama setiap perenggan

- A. Sebagaimana yang kita ketahui
- B. Lazimnya dalam keadaan
- C. Umum mengetahui bahawa
- D. Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa
- E. Sementara itu
- F. Pada waktu yang sama

Penanda wacana huraihan isi karangan

- A. Hal ini demikian kerana
- B. Dalam konteks ini
- C. Dengan berbuat demikian
- D. Bertitik tolak daripada itu
- E. Hal ini bersangkut paut dengan

Penanda wacana bagi menerangkan huraihan/pendapat yang berbeza

- A. Walau bagaimanapun
- B. Kontradiksinya
- C. Jika dilihat dari sudut lain
- D. Di sebalik itu
- E. Namun demikian

Penanda wacana untuk menyatakan contoh

- A. Sebagai contohnya
- B. Sebagai analoginya
- C. Misalnya
- D. Tamsilnya
- E. Biar kita ambil contoh

Penanda wacana untuk menunjukkan statistik

- A. Berdasarkan perangkaan terkini yang diperoleh, didapati sebanyak
- B. Statistik yang sahih lagi tepat telah dikeluarkan oleh kementerian... pada tahun... menunjukkan bahawa sebanyak...

Penanda wacana menghuraikan contoh

- A. Jelaslah bahawa
- B. Oleh itu
- C. Maka
- D. Hal ini menyebabkan
- E. Hal ini menunjukkan

Penanda wacana menutup isi

- A. Kesannya
- B. Natijahnya
- C. Dengan berbuat demikian
- D. Justeru

Penanda wacana untuk kesimpulan karangan

- A. Sudah terang lagi bersuluh
- B. Intihanya (Sebagai intiha)
- C. Kesimpulannya
- D. Dengan ini diharapkan
- E. Konklusinya

6.0 CONTOH JAWAPAN PELAJAR

BAHAGIAN A (SPM 2011) Bahan Rangsangan – Gambar ilustrasi

TUGASAN / ISU : FAEDAH-FAEDAH BELAJAR SECARA BERKUMPULAN

CONTOH 1 : (CEMERLANG= 27 MARKAH)

PETIKAN KARANGAN PELAJAR	ULASAN
<p>Tamadun Yunani mentakrifkan manusia yang seimbang sebagai insan yang cemerlang dalam aspek rohani dan jasmani. Masyarakat Athens pada masa dahulu telah pun memberikan perhatian dalam aspek pendidikan untuk melahirkan manusia cemerlang yang berupaya memberikan sumbangan kepada masyarakat. Dalam meniti kehidupan marcapada, pendidikan amat penting dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, usaha-usaha seperti belajar secara berkumpulan atau menghadiri kelas tuisyen telah diperkenalkan untuk melahirkan golongan intelektual. Hal ini demikian kerana aktiviti belajar secara berkumpulan mempunyai pelbagai kemaslahatan.</p> <p>Antara manfaatnya adalah untuk mewujudkan suasana belajar yang menyeronokkan. Semasa belajar secara berkumpulan, pelajar-pelajar dapat berjenaka dan berbincang mengenai subjek yang dipelajari. Hal ini dapat mengelakkan kebosanan yang dialami semasa belajar bersendirian. Tambahan pula, suasana belajar tersebut yang kondusif dapat meringankan tekanan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa mengulang kaji pelajaran. Sebagai contoh, pelajar-pelajar tidak akan mengalami ketegangan jiwa dan dapat menenangkan minda mereka untuk menimba ilmu pengetahuan semasa belajar secara berkumpulan. Dengan itu, nota-nota yang dibincangkan oleh pelajar-pelajar semasa belajar secara berkumpulan dapat difahami dengan lebih cepat dan izhar.</p> <p>Selain itu, belajar secara berkumpulan juga memainkan peranan dalam perkongsian ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan membawa kemajuan dalam kehidupan bertepatan dengan ungkapan, ilmu pelita hidup. Melalui belajar secara berkumpulan, pelajar-pelajar dapat bertukar-tukar pendapat dan secara langsung dapat menimba ilmu pengetahuan dan maklumat yang baharu. Dengan berkongsi ilmu, pelajar-pelajar dapat mempercepat pembelajaran mereka dan tidak menghadapi masalah pembelajaran semasa guru mengajar. Sebagai contohnya, seseorang pelajar boleh memberitahu ahli kumpulannya tentang nota-nota penting dalam subjek Kimia dan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ayat <i>rangsangan</i> • <i>Contoh matang</i> • <i>Kosa kata luas</i> • <i>Ayat keterangan</i> • <i>Ungkapan menarik (peribahasa) sesuai</i> • <i>Ayat arah</i> • <i>Ayat fokus – matang</i> • <i>Ayat <i>huraian jelas dan sesuai</i></i> • <i>Kosa kata luas dan tepat</i> • <i>Ayat contoh sesuai</i> • <i>Bahasa gramatis</i> • <i>Ayat <i>penegas mantap dan tepat</i></i> • <i>Ayat fokus tepat dan sesuai</i> • <i>Ayat <i>huraian jelas dan berkembang</i></i> • <i>Kosa kata luas dan tepat</i> • <i>Bahasa gramatis</i>

mengajar mereka tentangnya. Tegasnya, pelajar-pelajar yang belajar secara berkumpulan dapat menimba ilmu pengetahuan baru walaupun guru belum mengejarnya.

Di samping itu, belajar secara berkumpulan dapat memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan ukhuwah pelajar-pelajar. Dengan belajar secara berkumpulan, pelajar-pelajar dapat mempelajari nilai saling membantu dan bekerjasama serta menyedari kemaslahatan semangat kerjasama. Oleh itu, mereka akan berganding bahu bagai aur dengan tebing untuk menyelesaikan kemelut dalam pembelajaran mereka. Mereka akan berusaha bersungguh-sungguh bersama-sama dan memberikan bantuan kepada rakannya yang menghadapi masalah dalam pembelajaran. Jelaslah bahawa sikap nafsi atau individualistik bagi enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing dapat dielakkan dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, pelajar-pelajar dapat belajar secara berkumpulan dengan mencari masa terluang dan duduk bersama untuk berbincang dan berkongsi informasi. Dengan itu, pelajar-pelajar dapat mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti berfaedah seperti belajar secara berkumpulan dan mengelakkan diri daripada terjerumus dalam gejala sosial seperti vandalisme, gengsterisme dan jenayah. Gejala negatif tersebut mampu meruntuhkan akhlak para pelajar dan memusnahkan masa depan pelajar. Deduksinya, aktiviti belajar secara berkumpulan dapat menjamin keperibadian pelajar yang mulia.

Secara tuntasnya, memang tidak dapat dinafikan bahawa belajar secara berkumpulan membawa banyak faedah kepada para pelajar. Dalam erti kata yang lain, para pelajar harus sedar tentang faedah aktiviti tersebut dan melibatkan diri untuk memperkembang potensi diri mereka secara menyeluruh serta merealisasikan Wawasan 2020 dan Gagasan 1Malaysia.

- *Ayat penegas sesuai*
- *Ayat fokus tepat*
- *Kosa kata luas dan tepat*
- *Ayat huraiian jelas dan berkembang*
- *Ungkapan menarik (peribahasa) tepat*
- *Ayat contoh sesuai*
- *Ayat penegas mantap dan tepat*
- *Ayat fokus sesuai*
- *Kosa kata luas dan tepat*
- *Ayat huraiian berkembang*
- *Ungkapan menarik tepat dan sesuai*
- *Ayat contoh sesuai*
- *Ayat penegas mantap dan tepat*
- *Ayat pendirian*
- *Ayat harapan*
- *Kosa kata luas dan ungkapan menarik sesuai dan terkini*

BAHAGIAN A (SPM 2011) Bahan Rangsangan – Gambar ilustrasi**TUGASAN / ISU : FAEDAH-FAEDAH BELAJAR SECARA BERKUMPULAN****CONTOH 2 : (CEMERLANG = 26 MARKAH)**

PETIKAN KARANGAN PELAJAR	ULASAN
<p>Pada musim peperiksaan kita dapat melihat sekumpulan pelajar sekolah akan belajar bersama-sama. Kebiasaannya, situasi ini dapat dilihat di kedai-kedai makan, sekolah, perpustakaan dan taman rekreasi. Kadang kala kita terfikir mengapa mereka memilih untuk belajar secara berkumpulan daripada belajar secara bersendirian? Ada juga sesetengah masyarakat yang kolot akan berfikir bahawa belajar secara berkumpulan hanya sia-sia ibarat menabur garam ke laut. Sebenarnya, terdapat banyak faedah belajar secara berkumpulan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● <i>Ayat rangsangan bervariasi</i> ● <i>Ayat arah</i> ● <i>Kosa kata luas</i> ● <i>Pengenalan jenis persoalan</i> ● <i>Ayat arah</i>
<p>Pertama sekali, dengan belajar secara berkumpulan kita dapat menimbulkan suasana belajar yang menyeronokkan. Tahukah anda bahawa otak terbahagi kepada dua bahagian? Untuk menelaah tarbiah anda digalakkan untuk menggunakan kedua-dua belah otak kita. Bagaimanakah kita dapat berbuat demikian? Cara yang paling mudah adalah dengan belajar berkumpulan kerana apabila ada suasana belajar yang menyeronokkan, kedua-dua belah otak kita akan dirangsang dan mampu menyimpan sesuatu maklumat dengan lebih efektif. Kita juga tidak akan cepat berasa bosan dan seterusnya dapat belajar untuk tempoh yang lebih lama. Oleh sebab yang demikian, saya percaya bahawa kaedah belajar secara berkumpulan mampu melahirkan suasana belajar yang menyeronokkan dan sererusnya meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● <i>Ayat fokus tepat</i> ● <i>Ayat huraian jelas</i> ● <i>Ayat contoh sesuai</i> ● <i>Kosa kata luas</i> ● <i>Bahasa gramatis</i> ● <i>Ayat penegas sesuai</i>
<p>Setelah itu, kebaikan belajar secara berkumpulan ialah pelajar dapat berkongsi ilmu. Ilmu boleh diibaratkan sebagai laut yang luas. Betapapun kita mencedok ilmu pasti tidak akan habis seperti yang terungkap dalam sajak ‘Di Perpustakaan’ yang menjadi teks KOMSAS pelajar tingkatan lima. Ekoran daripada itu, kita haruslah sentiasa berkongsi ilmu, memberi dan menerima ilmu supaya penuh ilmu di dada. Para pelajar bolehlah berkongsi cara-cara untuk menyelesaikan sesuatu soalan apabila ada banyak orang, maka banyaklah idea bernas yang boleh dijana. Tegasnya kaedah belajar secara berkumpulan merupakan suatu kaedah yang efektif, pragmatis dan proaktif dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● <i>Ayat fokus relevan</i> ● <i>Ayat huraian sesuai</i> ● <i>Ungkapan menarik</i> ● <i>Bahasa gramatis</i> ● <i>Ayat contoh sesuai dengan huraian</i> ● <i>Ayat penegas mantap</i>

Cara belajar secara berkumpulan merupakan wahana yang telah terbukti keberkesanannya dalam memupuk kerjasama dalam kalangan pelajar. Hal ini bertepatan dengan peribahasa, bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Hal ini kerana apabila pelajar belajar secara berkumpulan, pelajar terdorong untuk membantu membetulkan kesilapan orang lain dan membetulkan kesilapan sendiri. Dengan ini bermulalah babit-babit semangat permuafakatan dan saling menolong yang boleh membawa kepada persahabatan yang erat.

Kebanyakan ibu bapa tidak jemu-jemu menghantar anak mereka ke kelas tambahan siang dan malam sehingga pelajar tersebut tiada keinginan lagi untuk menimba ilmu. Golongan ibu bapa harus sedar setiap anak mempunyai cara belajar yang berbeza, bak kata peribahasa rambut sama hitam hati lain-lain. Oleh itu, belajar secara berkumpulan merupakan alternatif kepada pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka. Negara-negara atas angin juga banyak menggalakkan pelajar mereka untuk belajar secara berkumpulan. Jika kita menciplak pelbagai rancangan televisyen realiti yang berunsurkan hiburan dari negara mereka, tidak salahnya jika kita menciplak idea yang bernalas itu.

Akhir kalam, semua pihak harus bersatu padu menggembungkan tenaga supaya pelajar negara kita sedar akan faedah-faedah belajar secara berkumpulan dan mula mengimplimasikannya. Hal ini merupakan cara yang paling afdal dalam melahirkan modal insan yang berkualiti untuk menerajui pucuk pimpinan negara kelak. Hal ini akan selaras dengan cabaran keenam Wawasan 2020 dalam usaha kerajaan membina masyarakat yang maju dan saintifik.

- *Ayat fokus relevan*
- *Ayat huraian sesuai*
- *Kosa kata luas*
- *Ungkapan menarik (peribahasa) tepat dan sesuai*
- *Ayat contoh ada perkaitan*
- *Ayat penegas jelas*

- *Ayat fokus sesuai*
- *Kosa kata luas dan tepat*
- *Ayat huraian jelas*
- *Ungkapan menarik tepat*
- *Ayat penegas mantap*

- *Kosa kata luas*
- *Ada pendapat / pendirian*
- *Ayat harapan*
- *Penutup yang sesuai dan menarik*

BAHAGIAN A (SPM 2011) Bahan Rangsangan – Gambar ilustrasi**TUGASAN / ISU : FAEDAH-FAEDAH BELAJAR SECARA BERKUMPULAN****CONTOH 3 : (CEMERLANG= 28 MARKAH)**

PETIKAN KARANGAN PELAJAR	ULASAN
<p>Dasawarsa ini, lantaran terlalu dihidangkan dengan pelbagai pembangunan bertaraf dunia, kita sering lupa dan alpa kepada tanggungjawab kita. Semakin hari kita melihat budaya belajar secara berkumpulan semakin berkurangan dalam kalangan pelajar sekolah rendah, sekolah menengah mahupun pelajar universiti. Padahal umum mengetahui banyak faedah yang boleh diambil dan memberikan manfaat kepada setiap pelajar. Mereka tidak mengerti dan memandang enteng kepada cara belajar berkumpulan ini.</p> <p>Antara faedah belajar secara berkumpulan ini adalah menyediakan suasana belajar yang kondusif dan menyeronokkan. Pada pelajar tidak akan merasa kesunyian apabila belajar dalam kumpulan. Pelajar akan lebih mudah untuk belajar kerana pelajar tidak akan mengantuk berbanding belajar secara berseorangan. Tambahan pula, suasana ini akan menjadikan ilmu mudah untuk masuk ke dalam otak dan senang diingati. Kebiasaannya, pelajar akan melakukan aktiviti ini selepas waktu pembelajaran pada waktu petang. Pembelajaran yang optimum akan terhasil sekiranya kumpulan itu tidak melebihi empat orang. Kaedah yang biasa dipraktikkan adalah melalui musyawarah atau perbincangan tentang sesuatu mata pelajaran. Oleh sebab itu, kaedah belajar secara berkumpulan ini penting dalam menuntut ilmu.</p> <p>Di samping itu, faedah yang dapat dilihat melalui kaedah belajar secara berkumpulan adalah para pelajar dapat berkongsi ilmu dengan pelajar lain. Ilmu itu umpama titisan air yang berada di lautan dan tidak akan habis walaupun diambil terlalu banyak. Secara amnya, belajar secara berkumpulan ini memerlukan perbincangan dan diskusi tentang sesuatu mata pelajaran. Seorang pelajar akan membentangkan atau menghuraikan topik tersebut. Sekiranya, ada kesilapan ataupun kekurangan maklumat, pelajar lain boleh menambah dan menjelaskan semula hal tersebut. Secara tidak langsung, perkara yang dibincang akan menambahkan ilmu para pelajar. Selain itu, pelajar yang kurang faham akan bab tersebut boleh bertanya kepada rakan sekumpulan dengannya tanpa perlu menyusahkan diri untuk mencarinya dalam buku rujukan. Hal ini akan memudahkan lagi proses pembelajaran yang berlaku.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Ayat rangsangan bervariasi</i> • <i>Ayat arah</i> • <i>Kosa kata luas</i> • <i>Ayat arah</i> • <i>Ayat fokus tepat</i> • <i>Ayat huraian jelas</i> • <i>Ayat contoh sesuai</i> • <i>Kosa kata luas</i> • <i>Bahasa gramatis</i> • <i>Ayat penegas sesuai</i> • <i>Ayat fokus relevan</i> • <i>Ayat huraian sesuai</i> • <i>Ungkapan menarik</i> • <i>Bahasa gramatis</i> • <i>Ayat contoh sesuai dengan huraian</i>

Semua orang tahu bahawa bukan semua ilmu itu dapat diketahui oleh seseorang yang pandai. Malahan, orang yang pandai juga kadangkala memerlukan pertolongan. Kesimpulannya, jelaslah bahawa kaedah yang dipraktikkan ini memberikan faedah kepada pelajar.

Selain itu, belajar secara berkumpulan ini boleh memupuk semangat kerjasama antara satu kumpulannya. Ibarat aur dengan tebing, kerjasama akan terhasil apabila adanya pertolongan dan saling membantu antara kumpulan tersebut. Masyarakat yang berada di Malaysia bukannya seperti masyarakat yang berada di negara lain. Masyarakat yang berbilang kaum sudah tentu menampakkan pelbagai ragam kerana banyak udang, banyak garam ; banyak orang, banyak ragam. Semangat kerjasama yang dipupuk dalam aktiviti seperti ini boleh mengelakkan persengketaan antara rakan. Kebanyakan pelajar yang berada di sekolah terdiri daripada pelbagai bangsa. Sebagai contoh, terdapat pelbagai kaum yang bersekolah di sekolah menengah kebangsaan. Mereka akan membentuk kumpulan yang terdiri daripada kaum Cina, Melayu dan India serta bumiputra yang lain. Hal ini akan menjadikan mereka lebih intim sebagai rakyat Malaysia. Mereka berbincang bersama-sama dan tololong-menolong antara satu sama lain untuk menempa kejayaan pada masa akan datang. Oleh sebab itu, kaedah belajar berkumpulan perlu dipraktikkan dalam kehidupan seseorang pelajar agar seiring dengan matlamat Wawasan 2020.

Tuntasnya, pelbagai langkah yang drastik dan sistematik perlu diambil oleh semua pihak untuk memastikan amalan ini berkembang kerana anak-anak warisan negara ini bakal menerajui pucuk pimpinan negara. Jangan biarkan amalan ini ditelan arus permodenan supaya aktiviti ini tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

- *Ayat penegas mantap*
- *Ayat fokus relevan*
- *Ayat huraian sesuai*
- *Kosa kata luas*
- *Ungkapan menarik (peribahasa) tepat dan sesuai*
- *Ayat contoh ada perkaitan*
- *Ayat penegas jelas*
- *Ada pendapat / pendirian*
- *Ungkapan menarik*
- *Penutup yang sesuai dan menarik*

BAHAGIAN B (SPM 2011)**TUGASAN / ISU : USAHA-USAHA UNTUK MEREALISASIKAN CITA-CITA****CONTOH 1 : (CEMERLANG = 88 MARKAH)**

Setiap individu perlu mempunyai wawasan untuk mencapai cita-citanya.
Huraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk merealisasikan cita-cita anda.

PETIKAN KARANGAN PELAJAR	ULASAN
<p>Pada zaman globalisasi yang semakin moden dan canggih ini, pasti semua orang mempunyai cita-cita yang tersendiri. Ada dalam kalangan kita yang ingin menceburi bidang sains untuk menjadi seorang saintis yang pakar dalam teknologi ataupun seorang yang mencipta barang yang lebih inovatif, efisien dan juga moden, atau pekerjaan lain yang berkaitan dengan bidang tersebut. Ada dalam kalangan pelajar dewasa ini yang ingin menceburi bidang baru seperti kejuruteraan biokimia, kejuruteraan biomarin, kejuruteraan genetik dan lain-lain. Pada pendapat saya, semua penghuni di dunia ini mempunyai cita-cita yang ingin dicapai oleh mereka. Persoalannya, adakah mereka sanggup berusaha untuk mencapai cita-cita mereka? Semua orang harus berusaha untuk mencapai cita-cita walaupun menghadapi beribu-ribu halangan kerana pepatah Melayu pernah berkata bahawa <i>hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih</i>. Sebagai seorang anak tunggal kepada sebuah keluarga yang hidup dalam kesusahan, saya berazam untuk mencapai cita-cita saya tanpa pernah mengalah. Saya bercita-cita untuk menjadi seorang jurutera automobil dan selepas beberapa tahun saya ingin menyambung pelajaran untuk menjadi pereka automobil pula. Oleh itu, saya mengambil beberapa langkah untuk mencapai impian tersebut.</p> <p>Antara prakarsa yang telah saya laksanakan adalah dengan membuat persediaan awal. Saya sudah pun mula mempelajari kemahiran-kemahiran tertentu seperti melukis gambar rajah dua dimensi dan tiga dimensi. Hal ini demikian kerana dengan menguasai kemahiran tersebut saya mempunyai ‘bonus’ apabila saya memohon untuk memasuki universiti dalam jurusan reka cipta automobil. Tamsilnya, dengan kemahiran ini, saya akan dapat bersaing dengan semua pelajar yang memohon ke universiti yang sama terutama universiti ternama di luar negara seperti di Universiti Oxford atau Universiti Cambridge. Hal ini juga akan memberikan</p>	<p><i>Ada ayat rangsangan</i> <i>Pengetahuan luas</i> <i>Ayat huraian jelas</i> <i>Ada keragaman</i> <i>Ada ungkapan menarik</i> <i>Ayat penegas</i> <i>Ayat Fokus</i> <i>Isi berkembang</i> <i>Ayat contoh jelas</i></p>

saya satu kelebihan kerana masa yang akan saya perlukan untuk menyempurnakan kemahiran tersebut akan lebih singkat berbanding dengan pelajar yang lain. Saya juga telah mula mempelajari bahasa Jerman, bahasa Jepun dan bahasa Perancis kerana ketiga-tiga bahasa tersebut merupakan bahasa pertuturan negara tempat syarikat kereta yang terkenal bertapak. Penguasaan bahasa-bahasa ini melayakkan saya untuk menjadi seorang pereka cipta kereta berbanding para graduan yang tidak mengetahui bahasa tersebut. Jelaslah bahawa, persediaan awal dapat memberikan kelebihan apabila saya memohon untuk menyambung pelajaran ke **menara gading** dan seterusnya mendapatkan pekerjaan sebagai pereka cipta kereta di syarikat-syarikat pengeluar kereta yang terkenal.

Selain itu, saya juga akan belajar dengan bersungguh-sungguh. Hal ini demikian kerana dengan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, saya akan dapat meneruskan pelajaran ke universiti yang terbaik di luar negara. Semasa di menara gading tersebut, saya akan belajar bersungguh-sungguh untuk menjadi pelajar yang cemerlang di universiti itu. Tamsilnya, saya akan menyediakan jadual waktu khas untuk menentukan masa revisi, rekreasi dan juga membolehkan saya mempunyai waktu senggang untuk saya meneroka ilmu pengetahuan yang lain. Hal ini demikian kerana dengan pengurusan masa yang cekap, saya akan dapat menjalani hidup tanpa berasa stres dan lebih tenang. Saya juga akan dapat menikmati keseronokan usia remaja saya. Di samping itu, saya juga akan mencari kawan yang baik untuk melaksanakan pembelajaran secara berkumpulan. Hal ini demikian kerana melalui cara ini, saya akan menjimatkan masa untuk mempelajari topik yang sukar kerana tajuk-tajuk yang sukar tersebut telah diagihkan antara rakan-rakan dalam kumpulan dan jika saya tidak memahami sesuatu konsep, kawan-kawan akan menolong saya untuk memahami konsep tersebut kerana bapa saya pernah berkata, “Jikalau anda mengajar seseorang, ilmu, anda juga akan lebih dikuasai kerana anda lebih memahami ilmu yang ditelaah itu”. Oleh itu, **sudah terang lagi bersuluh**, pembelajaran yang bersungguh-sungguh dan secara berkumpulan, menjadikan saya semakin menghampiri impian saya untuk merealisasikan cita-cita saya sebagai seorang jurutera automobil dan seterusnya menjadi seorang pereka cipta kereta.

Seterusnya, saya akan menerokai bidang lain yang berkaitan dengan cita-cita saya walaupun tidak termasuk dalam skop pembelajaran di menara gading tersebut. Hal ini demikian kerana maklumat tersebut sudah pasti berfaedah kepada saya pada suatu hari nanti. Tamsilnya, saya akan pergi melihat pameran kereta

Ayat huraihan

Ayat penegas jelas dan ada penggunaan ungkapan menarik

Ayat fokus

Ayat huraihan

Ayat contoh sesuai

Ayat huraihan jelas

Ungkapan menarik

Ayat penegas

Ayat fokus

Ayat huraihan

apabila pameran tersebut diadakan. Saya berkesempatan untuk melihat pameran kereta yang sering kali diadakan di Kuala Lumpur. Selain itu, saya juga sudah membeli pelbagai majalah yang berkaitan dengan kereta pada setiap bulan. Hal ini kerana, saya tidak mahu menjadi *seperti katak di bawah tempurung* yang hanya mengetahui ilmu akademik semata-mata. Saya harus mengetahui bidang pendawaian elektrik dalam pembuatan kereta . Hal ini akan memberikan saya kelebihan apabila menjalani temu duga untuk menyertai syarikat automobil yang terkenal. Jelaslah bahawa, dengan prakarsa menelaah ilmu yang banyak dan sentiasa membaca berita terkini akan menjadikan saya seorang jutera yang terbaik di dunia ini pada hari muka.

Akhirnya, saya akan mengambil langkah-langkah untuk membetulkan diri saya dengan menelaah ilmu pendidikan moral dan agama serta mendengar nasihat daripada ibu bapa kerana hal inilah yang akan menjadi panduan kepada saya supaya tidak melakukan perkara yang tidak baik seperti merompak, mencuri, membunuh dan terlibat gejala negatif yang lain. Saya juga akan memotivasi diri pada setiap hari apabila saya hendak tidur dan bangun dari tidur. Saya juga akan mengkaji perancangan hidup saya. Saya akan mengkaji sejauh manakah tindakan yang telah saya lakukan agar menepati perancangan yang telah dibuat. Jelaslah bahawa dengan melaksanakan prakarsa ini, iaitu menelaah ilmu agama dapat mencapai matlamat hidup saya untuk menjadi seorang jurutera automobil dan seterusnya seorang pereka cipta kereta dunia pada masa hadapan. Di samping itu, berkat restu daripada ibu bapa serta memotivasi diri pada setiap hari, pasti saya akan dapat mencapai cita-cita saya.

Akhirul kalam, dengan melaksanakan usaha-usaha tersebut, saya yakin impian untuk menjadi seorang jurutera automobil yang efisien dan seterusnya pereka kereta yang unggul untuk syarikat-syarikat automobil yang terkenal seperti Aston Martin, Ferrari dan Bavarian Motor Works atau BMW akan tercapai. Selepas memanifestasikan cita-cita, saya merancang untuk pulang ke tanah air untuk menjawat jawatan sebagai Ketua Pereka Cipta di Proton. Hal ini demikian kerana saya ingin menjadikan Proton jenama kereta nasional Malaysia sebagai jenama kereta yang amat unggul yang diminati ramai seperti Mercedes Benz, Honda dan Toyota. Akhir sekali dengan segala usaha yang saya lakukan, sudah pastilah saya dapat merealisasikan cita-cita yang saya impikan.

Ayat contoh/ analogi

Ayat penegas jelas

Ayat fokus

Ayat huraijan jelas

Kosa kata luas dan tepat penggunaannya

Ayat penegas

Kesimpulan jelas dan sesuai

Ayat cadangan

Ayat harapan

BAHAGIAN B (SPM 2011)**TUGASAN / ISU : PERANAN KELUARGA BAGI MENANGANI PERLAKUAN NEGATIF REMAJA****CONTOH 2 : (CEMERLANG = 84 MARKAH)**

Perlakuan negatif seperti pergaulan bebas, merokok dan melepak dalam kalangan remaja semakin membimbangkan semua pihak.

Huraikan peranan keluarga bagi menangani masalah ini.

PETIKAN KARANGAN PELAJAR	ULASAN
<p><i>Perlakuan negatif boleh ditafsirkan sebagai sesuatu perbuatan yang melanggar undang-undang atau syarak serta perbuatan yang mendatangkan kesan buruk kepada pelakunya. Secara literal, perlakuan negatif membawa maksud perbuatan tidak elok.</i> Perbuatan negatif seperti pergaulan bebas, merokok dan melepak dalam kalangan remaja semakin hari semakin hangat diperkatakan di dada-dada akhbar dan dilaporkan di dalam media massa <i>seperti cendawan tumbuh selepas hujan</i>. Masalah sosial dan jenayah yang melibatkan kes juvana semakin meningkat dalam era yang serba moden ini. Remaja merupakan aset negara yang harus dipelihara agar dapat menyumbangkan kepada kemajuan negara pada masa akan datang. Namun keruntuhan akhlak remaja pada masa ini sudah menjadi semakin kritikal dan membimbangkan semua pihak. <i>Bagi mengatasi masalah ini banyak pihak seharusnya memainkan peranan mereka khususnya keluarga</i></p> <p><i>Keluarga merupakan orang yang paling rapat dan akrab dengan seseorang.</i> Anggota keluarga khususnya ibu dan bapa bertanggungjawab dalam memberikan didikan kepada anak-anak. Remaja kini menghadapi pelbagai cabaran dalam menempuh kehidupan akan datang. Jika mereka tersilap langkah dalam menilai atau menentukan sesuatu perkara maka hancur berkecailah masa depan mereka. Ibu bapa dan ahli keluarga perlu memberi bimbingan dan didikan kepada seseorang remaja untuk mempersiapkan diri dalam menempuh cabaran kehidupan. Ibu bapa perlu menasihati anak-anak mereka untuk melakukan kebaikan dan menjauhkan diri daripada melakukan perkara negatif. Didikan dari segi intelek dan ilmu pengetahuan semata-mata adalah tidak cukup kerana didikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Ada ayat rangsangan</i> • <i>Pengetahuan luas</i> • <i>Ayat huraian jelas dan sesuai</i> • <i>Ada keragaman ayat</i> • <i>Ada ungkapan menarik</i> • <i>Ayat arah</i> • <i>Ayat fokus</i> • <i>Isi berkembang</i> • <i>Ayat contoh jelas</i> • <i>Ayat huraian</i>

dari segi perbuatan dan tingkah laku juga perlu diutamakan. Ibu bapa perlu mendidik anak-anak untuk melakukan perkara yang baik seperti menasihati mereka untuk melakukan kerja amal, membantu orang lain serta melarang mereka daripada melakukan perkara sia-sia. ***Jika ahli keluarga bijak dalam mendidik anak-anak mereka, nescaya anak-anak mereka akan menjadi individu yang baik dan berketerampilan kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya.***

Sikap mengambil berat adalah sangat penting dalam sesebuah keluarga. Ahli keluarga khususnya ibu dan bapa perlu mengambil berat dan memamntau setiap perkara yang dilakukan oleh anak-anak. Perasaan bimbang dan khuatir adalah wajar untuk dirasakan oleh ahli keluarga terhadap anak yang sedang meningkat remaja kerana marcapada pelbagai perkara negatif boleh berlaku. Ibu dan bapa perlu tahu akan setiap perkara yang dilakukan oehl anak mereka. ***Hal ini tidak boleh dipandang enteng oleh anggota keluarga.*** Anggota keluarga tidak boleh lalai dalam memantau anak-anak mereka dan seharusnya anggota keluarga perlu menjadi kawan kepada anak dan bukan lawan mereka. ***Sebagai contoh, ibu dan bapa perlu memastikan bahawa anak-anak mereka tidak melakukan perkara negatif seperti merokok, merempit, melepak dan sebagainya.*** Anggota keluarga perlu mengenali rakan-rakan anak mereka dan memastikan bahawa anak mereka berkawan dengan golongan rakan sebaya yang baik. ***Akhbar pernah melaporkan sekumpulan remaja lelaki yang dicekup sedang menagih dadah di sebuah rumah kosong berdekatan sekolah mereka.*** Lebih menyedihkan, mereka yang lengkap berpakaian sekolah ketika serbuan mengaku bahawa ibu bapa mereka tidak pernah tahu akan perbuatan mereka itu. ***Hal ini menunjukkan bahawa peranan keluarga dalam memantau perbuatan anak-anak mereka sangat penting.***

Kasih sayang serta perhatian merupakan suatu perkara yang dapat melembutkan hati remaja untuk melakukan perbuatan yang baik serta menghindari perbuatan negatif. Anggota keluarga perlulah member kasih sayang serta tidak mengabaikan anak-anak mereka. Ibu bapa tidak boleh bersikap pilih kasih atau melebih-lebihkan anak yang lain. Hal ini akan mendorong hati remaja yang rapuh mencari perhatian di tempat lain dengan mengamalkan pergaulan bebas. Anggota keluarga perlulah menjadikan abak-anak mereka berasa diri mereka dikasihi sehingga tidak sampai hati melukakan hati ahli keluarga mereka dengan melakukan perbuatan negatif. Perhatian yang diberikan oleh ahli keluarga akan mematahkan niat anak-anak untuk mencari keseronokan di luar. ***Tansilnya, ahli keluarga boleh melakukan aktiviti bersama-sama di samping dapat meluangkan masa untuk anggota keluarga yang lain.*** Aktiviti seperti bercuti, berkelah dan berkebun boleh dilakukan

- ***Ungkapan menarik sesuai dan tepat***
- ***Ayat penegas jelas dan bahasa gramatis***
- ***Ayat fokus***
- ***Ayat huraihan berkembang dengan jelas***
- ***Fikiran matang***
- ***Ayat contoh sesuai***
- ***Ungkapan menarik sesuai dan tepat***
- ***Ayat penegas jelas***
- ***Bahasa gramatis***
- ***Penanda wacana tepat***
- ***Ayat fokus tepat***
- ***Ayat huraihan jelas dan berkembang***
- ***Ayat contoh relevan***
- ***Ungkapan menarik sesuai dan tepat***
- ***Bahasa gramatis***

dengan kekerapan yang konsisten dan bukan setahun sekali. Didikan agama juga merupakan salah satu aspek penting yang harus diajarkan kepada anak-anak supaya mereka menjadi individu yang lebih baik. Setiap agama mengajarkan penganutnya supaya melakukan kebaikan. Jika utuh agama seseorang itu, nescaya utuh juga hatinya dan perbuatan negatif dapat dihindari. Solat merupakan tiang agama dan agama merupakan pegangan hidup. Ibu bapa perlu menitikberatkan soal agama dan member didikan agama yang cukup kepada anak-anak mereka. *Mereka perlu dididik sejak kecil supaya pegangan agama dan prinsip mereka akan berkekalan sampai bila-bila seperti kata pepatah , melentur buluh biarlah dari rebungnya.* Berbekalkan agama yang kukuh, remaja akan tetap terus memegang prinsipnya dan tidak sesekali terpengaruh dengan budaya negatif pada masa ini.

Anggota keluarga juga perlu menunjukkan contoh serta teladan yang baik kepada anak-anak. Kita sering mendengar peribahasa mengatakan, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Peribahasa ini jelas menggambarkan bahawa perlakuan anak-anak dipengaruhi oleh ibu bapa serta anggota keluarga yang lain. Anggota keluarga perlulah bersikap positif dan tidak menunjukkan sikap negatif terutamanya di hadapan anak-anak. *Sebagai contoh, apabila seorang bapa merokok di hadapan anaknya, hal ini demikian dapat meningkatkan keinginan anak untuk mencuba dan meniru apa-apa yang dilakukan oleh bapanya. Pada awalnya, mungkin perbuatan itu sekadar ingin dicuba dan semakin hari perbuatan itu sudah menjadi kebiasaan dan akhirnya anak-anak menjerumuskan diri dalam penagihan dadah.*

Peranan ahli keluarga yang seterusnya dalam menangani isu ini adalah dengan memberikan sokongan moral kepada anggota keluarga yang lain. Sokongan harus diberikan kepada apa-apa jua bidang atau perkara baik yang ingin dilakukan oleh remaja. Hal ini demikian dapat meningkatkan jati diri serta nilai murni yang terdapat dalam diri seseorang remaja. Sebagai anggota keluarga, kita mestilah memberikan sokongan yang penuh kepada ahli keluarga kita yang lain supaya mereka tahu bahawa mereka sepatutnya melakukan kebaikan, bukan kejahanan.

Sebagai pengitlakan, banyak pihak berperanan dalam menangani masalah gejala negatif remaja pada masa ini. Namun demikian, peranan dan tanggungjawab keluarga merupakan perkara yang paling penting dan harus diutamakan bagi mengatasi kekangan ini. Institusi keluarga yang kukuh akan mempengaruhi pemikiran serta perlakuan anak-anak khususnya anak yang sedang meningkat remaja. *Anggota keluarga perlu mengambil berat dan memainkan*

- *Penanda wacana tepat*
- *Ayat penegas jelas*

- *Ayat fokus tepat*
- *Ayat huraiān berkembang dan jelas*
- *Ayat contoh relevan dan sesuai*
- *Ungkapan menarik tepat*
- *Bahasa gramatis*
- *Kosa kata luas*
- *Ayat penegas jelas*

- *Ayat pendapat*
- *Ayat huraiān jelas dan berkembang*

<p><i>peranan serta tanggungjawab agar negara dapat menghasilkan generasi yang berkualiti dan bebas daripada perbuatan negatif.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Ungkapan menarik sesuai dan tepat</i> • <i>Bahasa gramatis</i> • <i>Ada harapan</i>
---	--

BAHAGIAN B (SPM 2011)

TUGASAN / ISU : PERPADUAN RAKYAT ASAS KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN NEGARA

CONTOH 3 : (CEMERLANG = 86 MARKAH)

Anda telah menyertai pertandingan syarahan di sekolah anda. Tajuk syarahan anda ialah ‘Perpaduan Rakyat Asas Kemajuan dan Kemakmuran Negara’.

Tulis teks syarahan anda itu selengkapnya.

PETIKAN KARANGAN PELAJAR	ULASAN
<p>Yang saya hormati Tuan Penggerusi Majlis, barisan hakim yang arif lagi bijaksana, Yang Berusaha Tuan Pengetua, guru-guru dan rakan-rakan seperjuangan sekalian. Berdirinya saya di sini, pada pagi yang mulia ini adalah untuk menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk "Perpaduan Rakyat Asas Kemajuan dan Kemakmuran Negara."</p> <p>Para hadirin yang dihormati sekalian,</p> <p>Sebelum melangkah lebih jauh, terlebih dahulu izinkan saya mendefinisikan beberapa kata kunci yang terdapat dalam tajuk syarahan saya pada pagi ini. Maklumat yang diperoleh daripada Kamus Dewan mendefinisikan 'perpaduan rakyat' sebagai penggabungan entiti masyarakat di sesebuah negara . "Asas" pula didefinisikan sebagai teras atau syarat utama , "Kemajuan" diertikan sebagai perihal maju, manakala kemakmuran merujuk kepada keadaan mewah dan sejahtera. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa penggabungan entiti masyarakat menjadi prasyarat utama kemajuan dan kemakmuran di sesebuah negara.</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Kata alu-aluan sesuai</i> • <i>Ada dinyatakan tajuk</i> • <i>Definisi tepat dan jelas</i> • <i>Ada rumusan tentang tajuk yang akan dibincangkan</i>

Lain hulu lain parang, lain dulu lain sekarang. Zaman ini ialah zaman globalisasi yang berpaksikan sains dan teknologi. Rakyat Malaysia yang kini bernaung di bawah langit Malaysia yang berdaulat sentiasa berusaha untuk memajukan Malaysia supaya **duduk sama rendah berdiri sama tinggi** dengan negara-negara maju di seluruh pelosok dunia. Namun begitu, isu-isu rakyat yang mempersendakan undang-undang dan mencabar kedaulatan negara sering menghiasi dada akhbar dan menggemparkan rakyat. Rakyat berasa jengkel apabila terdengar isu-isu tersebut. Lantaran itu, ura-ura dan polemik tentang peranan rakyat Malaysia dalam menjamin kesejahteraan negara semakin hangat diperkatakan dari parlimen sampailah ke kedai kopi. Persoalannya, apakah peranan rakyat Malaysia tersebut?

Hadirin yang saya hormati,

Slogan ‘bersekutu bertambah mutu’, sering bermain-main di bibir rakyat. Oleh itu, rakyat haruslah menterjemahkan atau memanifestasikan slogan kosong ke tindakan konkret. Rakyat pascamerdeka mestilah bersatu padu dan memiliki semangat sandar-menyar dar **seperti aur dengan tebing**. Menerusi semangat perpaduan rakyat pada zaman penjajahan Inggeris, akhirnya negara kita mencapai kemerdekaan dan sebuah Malaysia yang berdaulat dapat dibangunkan. Mutakhir ini, rakyat dibelenggu oleh kehidupan yang pincang dan jarang dapat bersua dengan masyarakat sekeliling. Ibu bapa yang bersikap materialistik dan bertuhankan kebendaan pula sibuk bekerja dan tidak bertegur sapa dengan jiran walaupun mereka hanya tinggal bersebelahan. Perkara yang menyulitkan perpaduan rakyat lagi ialah sikap hambar segelintir rakyat. Sikap mereka yang **bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing** mestilah dihindari demi kesejahteraan negara. Lantaran itu, dapatlah dirumuskan bahawa perpaduan dalam kalangan rakyat akan menjamin kesejahteraan negara.

Hadirin-hadirat sekalian,

Laungan ‘Merdeka! Merdeka! Merdeka!’ pada hari kemerdekaan sering dapat didengar sama ada dalam media elektronik ataupun daripada rakyat Malaysia sendiri. Laungan yang amat bermakna tersebut berkumandang di sanubari setiap rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan budaya. Mengapakah laungan ini dihayati oleh semua rakyat? Hal ini demikian kerana rakyat harus bersyukur dengan apa-apa yang dimiliki terutamanya kemerdekaan negara yang telah dikurniai Tuhan. Setiap rakyat tanpa mengira usia dan jantina haruslah menghargai jasa tokoh-tokoh dan pejuang

- **Perenggan jenis induktif**
- **Huraian jelas dan berkembang**
- **Kosa kata luas**
- **Kata sapaan**
- **Ayat fokus relevan**
- **Huraian jelas dan matang**
- **Ungkapan menarik tepat dan sesuai**
- **Ayat penegas sebagai rumusan perbincangan**
- **Kata sapaan**
- **Ayat fokus relevan dan sesuai**
- **Ayat huraian jelas dan matang**
- **Ayat contoh yang tepat dan sesuai mantap dan berkesan**

kemerdekaan dahulu seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Dato' Onn Jaafar. Tanpa mereka, rakyat marcapada mungkin masih hidup dalam kemelaratan dan kejahilan dibuai kebobrokan negara. Selaras dengan itu, setiap rakyat harus meneladani semangat tokoh-tokoh tersebut agar dapat berjasa kepada negara kerana peribahasa Melayu ada mengatakan bahawa **hidup kayu biar berbuah, hidup manusia biar berjasa**. Tegasnya, kesyukuran yang bersarang di sanubari rakyat akan menjamin kesejahteraan negara.

Hadirin yang saya hormati,

Rakyat berperanan untuk mencerahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara. Semangat rakyat yang ampuh lagi bersepada ini merupakan rencah maslahat untuk menjamin kesejahteraan negara. Sekiranya rakyat memiliki semangat taat setia, mereka akan berusaha untuk membangunkan negara ini melalui kerjasama yang jitu dan keiltizaman yang kental. Mereka berganding bahu untuk mengeluarkan Malaysia daripada kepompong kemunduran ke arah negara maju agar dapat bersaing dengan negara-negara gergasi lain di seantero dunia. Rakyat yang taat setia akan mengelakkan diri mereka daripada terjerat dengan anasir-anasir subversif yang boleh memporak-perandakan negara tercinta ini. Deduksinya, rakyat sebagai anak watan Malaysia hendaklah membentengi sikap **bagai kacang lupukan kulit** yang boleh memudaratkan diri dan negara.

Sidang hadirin yang saya kasihi,

Jika kita renung sejenak, zaman ini merupakan zaman globalisasi yang ditunjangi K-Ekonomi. Banyak bangunan **pencakar langit** yang tersergam indah dan kemudahan infrastruktur moden kini dapat dinikmati di Malaysia. Segala kurnian Tuhan di nusa ini tidak akan berhasil tanpa usaha rakyat itu sendiri. Rentetan itu, rakyat berperanan penting untuk memajukan diri dan memperlengkap diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Strategi pragmatik yang boleh mencambahkan masyarakat celik huruf ialah sistem pendidikan yang menepati kehendak arus globalisi. Setiap rakyat harus mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat sehingga ke liang lahad. Kempen kesedaran tentang kepentingan pembelajaran sepanjang hayat harus diperbanyak dan tidak bermusim sekadar **hangat-hangat tahi ayam**. Rombakan dalam sistem pendidikan juga boleh dilaksanakan untuk menjana modal insan yang holistik dan seterusnya menjamin kesejahteraan negara. Sejajar dengan itu, rakyat harus belajar bersungguh-sungguh dan melaksanakan anjakan paradigma dalam gaya hidup mereka agar dapat menongkah arus globalisi dan seterusnya menempa kejayaan dalam pembangunan negara.

- *Ayat penegas*
- *Kata sapaan*
- *Ayat fokus relevan dan sesuai*
- *Ayat huraijan jelas dan matang*
- *Ayat contoh yang tepat dan sesuai mantap dan berkesan*
- *Ayat penegas*
- *Huraijan jelas dan berkembang*

- *Kata sapaan*
- *Ayat fokus relevan dan sesuai*
- *Idea dihuraikan dengan jelas dan matang*
- *Ayat contoh tepat, sesuai, mantap dan berkesan*
- *Ayat penegas mantap*

Hadirin sekalian,

Berdasarkan hujah-hujah yang telah saya sampaikan tadi, maka tidak dapat dinafikan bahawa setiap rakyat watan Malaysia berperanan penting dalam menjamin kesejahteraan negara. Oleh itu, pelbagai langkah drastik, proaktif dan konstruktif harus dilaksanakan bagi mencapai matlamat tersebut. Rakyat Malaysia merupakan aset negara dan bakal menerajui tampuk kepimpinan negara di persada dunia. Semua rakyat hendaklah menggembungkan tenaga walaupun terpaksa mengharungi liku-liku yang penuh dengan onak dan duri ini. Peganglah kata-kata keramat yang berbunyi “**kita mesti sampai ke pantai jaya apabila berperahu kemahuan besi dan waja dalam mengharunginya**”. Semoga berkat keiltizaman kental daripada rakyat Malaysia, sebuah negara yang sejahtera dan bebas daripada kepincangan dapat diwujudkan.

Saya sudahi syarahan saya dengan lafaz yang mulia wabilahittaufik Walhidayah Wassalamualikum Warahmatullahi wabarakatuh.

- **Kata sapaan**
- **Ayat fokus relevan dan sesuai**
- **Ayat huriaian jelas dan matang**
- **Ayat contoh yang tepat dan sesuai mantap dan berkesan**
- **Ayat penegas**
- **Penutup yang tepat walaupun ringkas**

BAHAGIAN B (SPM 2011)

TUGASAN / ISU : MANFAAT ICT KEPADA MASYARAKAT DUNIA

CONTOH 4 : (CEMERLANG = 88 MARKAH)



Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi(ICT) membolehkan masyarakat dunia kini berkomunikasi dan memperoleh pelbagai maklumat dengan mudah, cepat dan murah. Bincangkan.

PETIKAN KARANGAN PELAJAR	ULASAN
<p><i>Dalam usaha Negara kita merealisasikan Wawasan 2020, sama ada kita sedar atau tidak, kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di negara kita tidak dapat dinafikan lagi. Hal ini demikian kerana, negara kita telah memiliki teknologi yang bertaraf dunia dan digunakan dalam pelbagai bidang seperti bidang pendidikan, penyiaran, pengurusan dan dalam urusan kewangan. Penggunaan teknologi seperti komputer elektronik, papan interaktif dan persembahan multimedia dalam bidang pendidikan sudah lama</i></p>	<p><i>Ungkapan menarik sesuai dan tepat</i></p> <p><i>Kosa kata luas dan tepat</i></p>

dipraktikkan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi. Fenomena penggunaan teknologi dalam pelbagai bidang *ibarat cendawan tumbuh selepas hujan*. Pelbagai *faedah* dapat diperoleh daripada kemajuan teknologi seperti ini.

Dasawarsa ini, penggunaan teknologi maklumat telah menjimatkan masa pengurusan sesuatu perkara. Urusan-urusan penyimpanan dan pengeluaran wang dapat dilakukan di seluruh dunia dengan hanya menggunakan mesin pengeluaran wang automatik. Mereka tidak perlu lagi berurus di kaunter-kaunter bank dengan menunggu giliran sebelum dapat berurus dengan pihak bank yang biasanya mengambil masa yang lama. *Tamsilnya*, urusan pembayaran pinjaman perumahan dan insurans kereta dapat dilakukan dengan lebih pantas dan mudah. Keadaan ini membolehkan masyarakat pada masa ini melakukan tugas-tugas lain dengan segera. Kesibukan para pekerja tidak menghalang mereka untuk berurus dengan pihak bank. Tuntasnya, penggunaan teknologi dalam masyarakat dunia dapat mengatasi *kekangan* masa yang dihadapi oleh mereka.

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) juga *dapat mengurangkan kos pentadbiran*. Maklumat-maklumat dapat *diakses* dengan mudah dan murah apabila diperlukan oleh masyarakat. *Amsalnya*, majikan sesuatu syarikat tidak perlu lagi mengarahkan pembantu peribadinya menghantar dokumen-dokumen menggunakan perkhidmatan pos sebaliknya hanya menggunakan mel elektronik atau e-mel. Teknologi ini bukan sahaja murah dan menjimatkan kos malahan dijamin sampai kepada penerima dengan selamat. Hal ini memberikan kebaikan kepada kedudukan kewangan sesuatu syarikat dan berupaya memajukan syarikat tersebut apabila kos pengeluaran dapat disalurkan ke bahagian yang lebih penting. Jadi kemajuan teknologi berupaya menjimatkan kos pentadbiran sesuatu bidang.

Seterusnya, kemajuan ICT juga *membolehkan masyarakat madani pada zaman globalisasi ini berkomunikasi dengan seseorang* di negara lain dengan mudah dan tidak perlu bersua muka. Mereka dapat menghubungi orang tersayang seperti keluarga, isteri dan rakan-rakan dengan mudah dan tanpa sempadan. Kemajuan teknologi seperti telefon pintar, komputer riba dan kamera web membolehkan masyarakat *seantero* dunia membuat panggilan audio dan lebih canggih lagi ialah panggilan video. Mereka dapat berkomunikasi secara bersemuka antara satu sama lain dengan menggunakan kecanggihan teknologi yang terdapat pada zaman ini iaitu *zaman era langit terbuka* ini. Antara golongan yang menggunakan teknologi ini ialah para pelajar yang

Ayat arah menjurus kepada tugas soalan

Ayat Fokus tepat dan relevan

Ayat huraian jelas dan mudah difahami

Penanda wacana tepat

Ayat Contoh sesuai dan relevan

Ayat penegas sesuai dan kosa kat luas serta tepat

Ayat Fokus relevan dan sesuai

Kosa kata luas dan ungkapan menarik sesuai

Ayat penegas sesuai dan berkesan

Ayat fokus relevan dan tepat

Ayat Huraian jelas dan relevan

Kosa kata tepat dan ungkapan menarik sesuai

<p>berada di perantauan dan menggunakan nya untuk berkomunikasi dengan insan yang berada di tanah air. Sesungguhnya, kemajuan ICT telah mewujudkan fenomena dunia tanpa sempadan dalam sistem komunikasi.</p>	<p><i>Ayat penegas tepat</i></p>
<p>Di samping itu, produktiviti sesuatu barang juga dapat ditingkatkan dengan kemajuan ICT. Penggunaan teknologi juga berupaya meningkatkan kualiti sesuatu barang yang dihasilkan apabila sistem yang digunakan dalam menyiapkan sesuatu barang dapat mengawal kualiti dan kuantitinya. Sebagai contohnya, pada zaman dahulu kerja-kerja pemasangan kereta dilakukan secara manual dan menggunakan tenaga manusia tetapi dengan kemajuan ICT, pemasangan kereta dilakukan oleh robot. Hal ini akan mengurangkan tenaga kerja dan meningkatkan kualiti sesuatu produk yang bakal dipasarkan kepada orang ramai. Tuntasnya, kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah meningkatkan produktiviti sesuatu produk dan akan membawa durian runtuh kepada individu yang memasarkannya.</p>	<p><i>Ayat Fokus relevan</i></p>
<p>Kemajuan teknologi maklumat juga dapat mewujudkan suasana kerja tanpa kertas. Bahan-bahan rujukan dapat diakses dengan mudah dan lebih berkesan. Tamsilnya, kita tidak perlu lagi membeli akhbar, majalah, buku-buku rujukan yang tebal di kedai tetapi hanya mengaksesnya di internet. Teknologi yang disediakan seperti akhbar dalam talian dapat dilanggan daripada syarikat penerbitan. Hal ini bukan sahaja berupaya mengurangkan permintaan terhadap kertas bagi tujuan mencetak akhbar-akhbar tersebut, malahan aktiviti penebangan pokok-pokok yang bernilai tinggi dapat dikurangkan. Pencemaran juga dapat dielakkan natijah daripada wujudnya suasana tanpa kertas. Jadi, kita akan hidup dalam keadaan yang selesa apabila bebas daripada pencemaran yang wujud akibat kertas yang tidak diurus dengan baik.</p>	<p><i>Ayat Huraian jelas</i></p>
<p>Berdasarkan percambahan minda yang telah dibincangkan tentang faedah-faedah kemajuan ICT, dapatlah disimpulkan bahawa masyarakat di seluruh dunia kini boleh berkomunikasi dan memperoleh pelbagai maklumat dengan cepat, murah dan mudah. Kemajuan ICT pada masa ini haruslah dikekalkan dan ditambah baik agar negara kita dapat bergerak seiring dengan negara-negara maju dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad iaitu mantan Perdana Menteri Malaysia. Oleh itu, masyarakat haruslah berusaha untuk keluar dari kepompong penjajahan minda dan bersikap terbuka untuk menggunakan teknologi yang kian pesat ini.</p>	<p><i>Ayat contoh sesuai</i></p> <p><i>Ungkapan menarik dan sesuai. Kosa kata luas dan tepat</i></p> <p><i>Ayat Penegas tepat dan bervariasi</i></p>
<p></p>	<p><i>Ayat fokus relevan</i></p> <p><i>Ayat huraian jelas dan berkembang</i></p> <p><i>Ayat contoh sesuai dan tepat</i></p> <p><i>Ayat penegas tepat</i></p> <p><i>Kesimpulan jelas</i></p> <p><i>Ada ayat harapan</i></p> <p><i>Kosa kata luas</i></p> <p><i>Ungkapan menarik tepat dan sesuai</i></p> <p><i>Penutup mantap</i></p>

BAHAGIAN B (SPM 2011)**TUGASAN / ISU : CIRI – CIRI SAHABAT YANG BAIK****CONTOH 5 : (CEMERLANG = 85 MARKAH)**

*Cari olehmu akan sahabat,
Yang boleh dijadikan ubat.*

*Cari olehmu akan kawan,
Pilih segala orang setiakawan.*

Petikan gurindam di atas menjelaskan kepentingan memilih sahabat.
Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri sahabat yang baik.

PETIKAN KARANGAN PELAJAR	ULASAN
<p>Orang bijak pandai ada mengatakan bahawa kawan ketawa senang dicari, kawan menangis sukar dicari. Secara amnya, sahabat merupakan insan yang paling rapat dengan kita terutamanya dalam aspek emosi. Mereka yang menjadi tempat kita meluahkan perasaan khasnya apabila kita berhadapan dengan cabaran alam keremajaan. Sebagai remaja, kita lebih rapat dengan sahabat-sahabat jika dibandingkan dengan ibu bapa. Sekiranya kita bergaul dengan rakan yang baik, maka bertuahlah kita tetapi betapa malangnya nasib kita jika kita berkawan dengan mereka yang berperilaku negatif. Oleh itu, kita haruslah berfikir secara rasional dan bergaul dengan sahabat-sahabat yang baik. Sebenarnya, terdapat beberapa ciri sahabat yang baik yang boleh dijadikan panduan semasa memilih rakan.</p> <p>Pertama sekali, seorang rakan mestilah mempunyai pegangan agama yang kukuh. Agama merupakan pelita hidup kita dan ajaran agama mestilah dijadikan sebagai pedoman hidup. Setiap agama menyeru umatnya untuk berbuat baik dan meninggalkan amalan yang negatif. Seseorang yang berpegang dengan pegangan agama yang kukuh akan mempunyai sifat peribadi yang unggul dan akhlak yang baik. Mereka juga mempunyai jati diri yang utuh dan tidak mudah digoda oleh syaitan untuk melakukan perkara mungkar. Biarpun kita telah berdosa dan melakukan perkara yang sukar untuk dimaafkan, mereka akan mendorong kita untuk bertaubat dan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Ungkapan menarik sesuai dan tepat</i> • <i>Kosa kata luas dan tepat</i> • <i>Ayat arah menjurus kepada tugasannya soalan</i> • <i>Ayat fokus relevan</i> • <i>Ayat huraian jelas</i> • <i>Ayat contoh sesuai</i> • <i>Ungkapan menarik dan sesuai.</i>

mengakui kesilapan kita. Sememangnya, rakan atau sahabat yang warak sukar dicari dalam dunia yang fana ini tetapi tidak bermakna mereka tidak wujud. Oleh hal yang demikian, insan yang menjalani kehidupannya seiring dengan seruan agama merupakan ciri sahabat yang baik.

Seterusnya, kecemerlangan dalam bidang akademik dan kokurikulum juga merupakan ciri yang penting. Hal ini adalah kerana terdapat kajian saintifik yang menyatakan bahawa tahap *Intelligent Quotient* (IQ) kita akan meningkat jika kita bergaul dengan golongan cerdik yang gigih menuntut ilmu dalam pelbagai aspek kehidupan. Kecemerlangan mereka bukan sahaja mendorong kita untuk mencapai kemajuan yang serupa, malah, akan wujud persaingan yang sihat antara kita dengan sahabat kita. Perkongsian ilmu juga akan berlaku. Walau bagaimanapun, kecemerlangan akademik mestilah diiringi dengan penglibatan aktif dalam bidang kokurikulum kerana tiada gunanya jika kita hanya bijak dalam akademik tetapi tidak menguasai kemahiran-kemahiran yang lain. Intinya, seorang sahabat yang baik seharusnya seorang yang menguasai kemahiran membaca, menulis, dan mengira, di samping bergiat aktif dalam bidang pembelajaran di luar kelas.

Waktu kita dilanda masalah dan ditimpa musibah merupakan masa yang sebenar untuk menguji keperibadian rakan-rakan kita. Keraguan segelintir sahabat untuk membantu kita akan menimbulkan pelbagai persoalan dalam minda kita. Sebaliknya, kesanggupan orang lain untuk menolong kita akan membuktikan bahawa mereka adalah sahabat yang baik. Sahabat yang baik merupakan mereka yang akan menemani kita sewaktu kita menghadapi pancaroba kehidupan. Mereka akan membantu kita mengatasi kemelut tersebut. Tiada gunanya jika kita mempunyai ramai sahabat tetapi tiada satupun yang sanggup menolong kita tatkala kita ditimpa masalah. Sahabat yang unggul peribadinya akan membantkitkan semangat kita dan menghulurkan bantuan yang diperlukan pada setiap masa, bak kata pepatah bukit sama didaki, lurah sama dituruni. Maka, kesanggupan dan kesediaan untuk membantu orang lain merupakan antara ciri sahabat yang baik.

Golongan inteligensia di Amerika Syarikat menyatakan bahawa tingkah laku dan gaya pemikiran kita merupakan cerminan tingkah laku dan mentaliti masyarakat sekeliling kita. Maka, sahabat yang baik seawajarnya bersikap positif dan optimistik dalam apa-apa jua keadaan supaya kita juga akan menjadi insan yang tidak pesimistik. Dalam jangka masa yang panjang, kita akan memiliki pandangan hidup yang bukan sahaja optimistik tetapi juga positif. Tambahan pula, sikap sebegini amat penting sebagai suntikan

- **Kosa kata luas dan tepat**
- **Ayat Penegas tepat dan bervariasi**
- **Ayat fokus relevan dan tepat**
- **Ayat huraian jelas dan berkembang**
- **Ayat contoh sesuai dan ungkapan menarik dan sesuai.**
- **Kosa kata luas dan tepat**
- **Ayat penegas sesuai dan tepat**
- **Ayat fokus relevan**
- **Ayat huraian jelas**
- **Ayat contoh sesuai**
- **Ungkapan menarik dan sesuai.**
- **Kosa kata luas dan tepat**
- **Ayat fokus relevan dan matang**
- **Ayat huraian jelas**
- **Ayat contoh sesuai**

semangat dan keyakinan kita . Mereka yang bersikap negatif sehingga tidak akan menggapai kecemerlangan. Tambahan pula, penulis buku “The Secret” yang termasyhur ada mengatakan bahawa orang yang berfikiran positif akan berjaya dalam bidang yang diceburinya. Sikap dan perangai yang optimistik merupakan elemen yang penting dalam memacu pembangunan kemanusiaan khasnya pada era globalisasi ini.

Akhir kalam, sahabat dan taulan kita amat berpengaruh dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini kerana, secara tidak langsung, mereka akan mempengaruhi segala tindakan serta percakapan kita. Oleh yang demikian, kita sewajarnya bijak memilih rakan atau sahabat yang memiliki ciri-ciri yang wajar disanjungi. Ibu bapa pula haruslah memantau aktiviti sosial anak-anak khasnya hubungan mereka dengan sahabat mereka agar anak-anak tidak akan rosak mindanya. Kita mestilah mengenali sifat sebenar rakan-rakan kita agar sifat unggul mereka boleh kita jadikan sebagai teladan. Melalui bersahabat dengan sahabat yang baik dan berketerampilan modal insan dan intelek negara boleh dilahirkan selaras dengan aspirasi negara.

- *Ungkapan menarik dan sesuai.*
- *Kosa kata luas dan tepat*

- *Ayat cadangan sesuai dan menarik*
- *Kosa kata luas*
- *Ungkapan menarik*
- *Ayat harapan*

MUTIARA KATA PILIHAN :

“Orang yang sebenarnya berani ialah mereka yang tidak lekas patah hati, tetapi bertahan dengan sabar menghadapi setiap dugaan dan cubaan.”

(Mohd. Ali Jinah)

7.0 SOALAN KLON SPM


7.1 SOALAN KLON BAHAGIAN A :

Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kesan-kesan pencemaran sungai. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

GRAFIK PENCEMARAN SUNGAI




Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan industri kraf tangan**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.


GRAFIK INDUSTRI KRAF TANGAN



Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]


Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah gotong-royong. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

GRAFIK GOTONG-ROYONG

Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]


Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang punca kemalangan jalan raya. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

GRAFIK KEMALANGAN JALAN RAYA

Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]


Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang langkah meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

GRAFIK KESIHATAN RAKYAT

Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang *ciri-ciri remaja berkualiti*. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

GRAFIK REMAJA BERKUALITI

7.2 SOALAN KLOM BAHAGIAN B DAN CONTOH JAWAPAN LENGKAP :

Contoh 1 :

Wajib lulus mata pelajaran Sejarah mampu meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar. Bahaskan.

Tema / Isu : Semangat patriotik

Tugasan soalan : Membahas pernyataan yang diberi

Dasawarsa ini, isu semangat patriotik yang semakin luntur dalam **atma** rohani generasi akar umbi kerap menjadi perbincangan dalam kalangan **marhaen** di Malaysia. Dari segi konsepnya, semangat patriotik boleh didefinisikan sebagai semangat cinta akan tanah air dan sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan negara tercinta. Biasanya, golongan remaja yang tidak menyedari kepentingan sejarah silam tidak memiliki semangat patriotik. Hal ini bertepatan dengan peribahasa, **bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing**. Menurut Tun Dr Mahathir, tiada bangsa di dunia yang tidak mencintai tanah airnya sendiri. Natijahnya, negara akan menjadi mundur, masa depan negara kabur jika generasi pelapis **luntur** semangat patriotiknya. Oleh itu, langkah kerajaan yang akan mewajibkan pelajar peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lulus mata pelajaran Sejarah merupakan langkah yang **pragmatik** untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan belia.

Antara sebab kerajaan mewajibkan pelajar lulus mata pelajaran Sejarah adalah kerana **sifat menyeluruh isi kandungan mata pelajaran Sejarah**. Hal ini kerana peristiwa dan tarikh yang tercatat dalam sejarah tidak boleh dipesongkan kerana faktanya tepat dan tidak terseleweng. Justeru, peristiwa 31 Ogos 1957 dan 13 Mei 1963 wajar dijadikan **iktibar** agar generasi muda lebih menghargai dan menyedari kepentingan sejarah silam. Hal ini bertepatan dengan peribahasa, **yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan**. Menurut Datuk Dr Haji Fadzillah Kamsah, manusia tanpa sejarah, melakukan kesalahan yang sama berulang kali. Sekiranya mata pelajaran Sejarah bersifat menyeluruh dipelajari dan dihayati oleh generasi pelajar, maka pastinya semangat patriotik akan lebih **membara** dalam jiwa mereka.

Selain itu, **tiada cara lain yang lebih berkesan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam diri pelajar selain daripada mata pelajaran Sejarah**. Hal ini kerana, mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik tidak membantu secara langsung pemupukan semangat patriotik. Menurut kajian yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia, mendapatci mata pelajaran Sejarah memberikan pendedahan kepada golongan pelajar untuk memahami dan menghayati perjuangan tokoh-tokoh terdahulu. Hal ini bertepatan dengan peribahasa, **ta kenal maka ta cinta**. Menurut Abraham Lincoln, **semangat patriotik merupakan asas pembentukan sebuah negara bangsa**. Sekiranya segenap lapisan marhaen di Malaysia menghayati sejarah negara, maka Malaysia akan menjadi sebuah negara maju, aman dan harmonis.

Dalam pada itu, **semangat patriotik yang semakin luntur dalam kalangan remaja hari demi hari menyebabkan mata pelajaran Sejarah perlu diwajibkan untuk lulus**. Hal ini demikian

kerana terdapat banyak insiden tidak bermoral seperti menjadikan Jalur Gemilang sebagai kain basahan dan sikap kurang ajar Namawee yang menukar lirik lagu Negaraku ke Negarakuku. Justeru, mata pelajaran Sejarah perlu disuntik secara paksa dan lebih mendalam dengan cara wajib lulus. Hal ini bertepatan dengan peribahasa, *kalau hendak melentur buluh, biarlah dari rebungnya*. Sekiranya pelajar sedar dan percaya akan kepentingan wajib lulus mata pelajaran Sejarah, maka pastinya hasrat mahu melihat generasi muda lebih bersemangat patriotik akan tercapai.

Selain itu , antara kekuatan mata pelajaran Sejarah ialah pengungkapan *perjuangan tokoh-tokoh yang berjuang demi kemerdekaan negara*. Kita dapat melihat betapa murninya perjuangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Tun Hussein Onn dalam merungkai penjajahan British di Tanah Melayu. Bukan itu sahaja, detik pembangunan negara juga *terungkap* dalam mata pelajaran Sejarah. Dalam konteks ini, generasi muda dapat menghayati semangat yang terkandung dalam *tinta* buku teks Sejarah. Natijahnya, negara Malaysia akan dihuni oleh rakyat yang sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan negara. Sekiranya, segenap lapisan masyarakat negara ini sedar dan percaya akan semangat yang tercatat dalam catatan sejarah, maka negara kita dapat menggapai mimpi *nirmala* iaitu Wawasan 2020, tepat pada masanya.

Seyogia mata pelajaran Sejarah yang bakal diwajibkan lulus pada peringkat SPM mulai tahun 2013 mampu *menimbulkan kesedaran dalam diri pelajar*. Kita sering menonton televisyen tentang insiden yang *memalitkan calar hitam* pada imej Malaysia. Hal ini seolah-olah menggambarkan rendahnya jati diri rakyat Malaysia di kaca mata dunia. Mudah-mudahan dengan mewajibkan lulus mata pelajaran Sejarah, maka generasi muda akan tersedar daripada lena serta bangkit menyusun *saf* memperkasakan semangat patriotik yang sudah lama *luntur* dalam diri. Hal ini bertepatan dengan peribahasa, *sesat di hujung jalan, kembali ke pangkal jalan*.

Akhir kalam, isu semangat patriotik yang semakin luntur kerap menjadi polemik dalam kalangan rakyat Malaysia. Sememangnya, semangat patriotik dalam diri rakyat Malaysia kini berada pada tahap yang rendah dan tidak boleh dibanggakan. Semoga api semangat patriotik terus berkobar-kobar dan bernyala dalam diri setiap insan. Oleh itu, kita perlu *bersinergi* supaya semangat patriotik dalam kalangan *marhaen* lebih baik. Sekiranya, semangat patriotik kita tinggi, maka negara kita menjadi lebih utuh dan kukuh seperti *negara-negara atas angin*.

MUTIARA KATA PILIHAN :

“Ilmu yang paling rendah mutunya ialah ilmu yang berlegar di hujung lidah dan ilmu yang paling tinggi ialah yang melahirkan kesan kepada tingkah laku dan anggotanya.”

(Sayidina Ali Abi Talib)

Contoh 2:

Gejala buli semakin berleluasa dalam kalangan remaja.

Bincangkan peranan pelbagai pihak dalam menangani gejala buli di sekolah.

Tema / Isu : Gejala buli

Tugasan : peranan pelbagai pihak

Belakangan ini, isu gejala buli ***sering meniti dari bibir ke bibir*** golongan ***marhaen*** di negara ini. Dari segi konsepsinya, gejala buli boleh ***ditakrifkan*** sebagai perbuatan memeras ugut pelajar lain hingga mengakibatkan kecederaan atau kehilangan nyawa. ***Biasanya***, murid sekolah menengah yang bermasalah terlibat dalam gejala buli ini. Keadaan pembuli dan masanya bertepatan dengan ***peribahasa, bagai anjing dengan kucing***. Oleh itu, terdapat pelbagai ***strategi untuk mengatasi*** gejala buli di sekolah.

Antara ***prakarsa yang pragmatik*** dan berkesan untuk menangani gejala buli ialah remaja seharusnya bijak memilih rakan sebaya. Hal ini demikian dapat mengelakkan remaja daripada terlibat dalam gejala negatif. Justeru, remaja perlu mencari rakan yang ***Islamik***, taat kepada kedua ibu bapa dan mempunyai budi pekerti mulia sebagai rakan akrab. ***Natijahnya***, remaja boleh menghindarkan diri daripada terlibat dalam gejala buli serta perlakuan negatif yang lain. ***Hal ini bertepatan dengan peribahasa Arab, jika kita berkawan dengan penjual minyak wangi kita akan berbau wangi dan jika berkawan dengan tukang besi kita akan terasa bahangnya.*** Rakan yang baik boleh ***dianalogikan*** seperti bunga ros yang sentiasa mekar dan harum baunya. ***Menurut Datuk Dr Hajji Fadzillah Kamsah, orang yang cemerlang dan hebat dalam pergaulan bermula daripada cetusan aura apabila dikelilingi rakan-rakan yang hebat. Sekiranya*** remaja Malaysia bijak dalam bersahabat, maka pastinya gejala buli dapat dikurangkan.

Selain itu, langkah seterusnya ialah ibu bapa bertanggungjawab memantau tingkah laku anak-anak mereka. Hal ini demikian, ibu bapa boleh mengesan sebarang perlakuan aneh anak-anak mereka. Justeru, ibu bapa seharusnya mengetahui ***keberadaan*** anak-anak mereka dengan sentiasa berhubung melalui telefon bimbit. Natijahnya, ibu bapa boleh menghindarkan anak-anak mereka daripada sebarang perlakuan songsang terutamanya buli. ***Hal ini bertepatan dengan peribahasa, anak-anak ibarat kain putih dan ibu bapa pencoraknya.*** Pemantauan berkesan oleh ibu bapa dalam menangani gejala buli boleh ***dianalogikan*** seperti selimut yang menutup tubuh ketika kesejukan. ***Sekiranya***, ibu bapa peka dengan tingkah laku anak-anak maka statistik masalah buli dalam kalangan remaja di sekolah akan berkurangan.

Sudah terang lagi bersuluh, pihak sekolah turut memainkan peranan dalam menangani gejala buli. Sebagaimana yang kita ketahui, pihak sekolah melalui Unit Kaunseling dan Badan Disiplin sekolah merupakan pihak yang bertanggungjawab mencegah dan memulihkan semula pembuli dan mangsa buli. Umum mengetahui bahawa tindakan tegas pihak sekolah merupakan satu-satunya cara paling berkesan dalam menangani masalah buli. Pencegahan melalui tindakan tegas pihak sekolah bertepatan dengan peribahasa ***mencegah lebih baik daripada mengubati.*** Mudah-mudahan masalah buli dapat diatasi secara hikmah dan bijaksana tanpa melukakan hati mana-mana pihak jika tindakan tegas terpaksa diambil oleh pihak sekolah.

Selain itu, pihak kerajaan boleh **menjenamakan semula kempen** antibuli yang selama ini saban tahun diadakan di sekolah. Hal ini kerana kempen antibuli yang berteraskan ceramah dan pameran agak kurang berkesan dalam hati para pelajar. Pihak sekolah melalui Unit Disiplin Sekolah boleh **menukar strategi kempen yang proaktif dan provokatif bagi tujuan menakut-nakutkan bakal pembuli**. Pihak sekolah umpamanya boleh meminta kerjasama pihak Jabatan Penjara Malaysia atau Polis Diraja Malaysia bagi memastikan kempen antibuli menjadi lebih berkesan. **Kerjasama pelbagai pihak dalam menangani gejala buli boleh diumpamakan seperti ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni**. Sekiranya, kempen antibuli berjaya **meresapi nurani** pelajar maka pastinya sekolah menjadi tempat yang lebih selamat untuk semua pelajar.

Sungguhpun demikian, media massa turut berperanan dalam menangani gejala buli ini. Dalam konteks ini hebahan siaran tentang kesan buli kepada pembuli dan mangsa buli dapat diuar-uarkan ke seluruh pelosok negara. Suatu hal yang tidak boleh dikesampingkan ialah rasa takut dan benci terhadap gejala ini dapat ditanam dalam jiwa pelajar sekolah. Oleh sebab itu, televisyen boleh menayangkan dokumentari atau filem yang berkaitan dengan kesan buruk gejala buli. Jika semua pihak berganding bahu, ibarat **ke bukit sama di daki, ke lurah sama dituruni** insya-Allah gejala buli dapat kita kurangkan sedikit demi sedikit sehingga menjadi sifar.

Sebagai pengitlakan, gejala buli yang menjadi **polemik** dalam kalangan masyarakat pelajar di negara ini perlu ditangani segera. *Sememangnya* gejala buli masih wujud namun banyak kes terpencil **disensasikan** oleh media massa di negara ini. *Semoga* gejala buli dapat ditangani secara bijaksana oleh pihak berkuasa dengan kerjasama pihak sekolah. *Oleh itu, kita perlu bersinergi* dalam memastikan gejala buli dapat dilenyapkan di bumi bertuah ini. sekiranya gejala buli tidak wujud, maka Malaysia mampu berdiri gah di persada dunia dan **mendabik dada** kerana generasi mudanya bertaraf dunia

Contoh 3 :

Masyarakat Malaysia perlu menjadikan amalan membaca sebagai budaya yang mampu merubah masa depan rakyat Malaysia.

Bincangkan peranan ibu bapa dalam memupuk minat membaca dalam kalangan anak-anak di rumah .

Tema/ Isu : Amalan Membaca
 Tugasan : Peranan ibu bapa dalam memupuk minat membaca

Dasawarsa ini, isu masyarakat Malaysia yang dikatakan antara masyarakat yang malas membaca menjadi **polemik** dalam kalangan marhaen di Malaysia. Dari segi konsepinya, membaca dapat ditakrifkan sebagai amalan mulia yang boleh mencambah biak ilmu pengetahuan. Melalui amalan membaca, kita dapat mengetahui isu-isu semasa sama ada di dalam ataupun di luar negara. Biasanya, golongan pelajar perlu lebih kerap membaca kerana mereka berada dalam lingkungan dunia pendidikan. **Amalan membaca bertepatan dengan cogan kata, Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya.** Oleh itu, terdapat banyak prakarsa yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak di rumah.

Kita dapat menyaksikan pelbagai usaha telah dijalankan bagi memupuk minat membaca dalam kalangan anak-anak terutamanya oleh ibu bapa. **Tamsilnya**, pihak kerajaan dan swasta sering kali mengadakan pameran buku ilmiah pada setiap tahun. Malangnya, usaha tersebut bagai melukut di tepi gantang apabila hanya dihadiri oleh sebahagian kecil penggemar buku. Bagi sesetengah orang, gejala hedonisme yang mencengkam telah menyebabkan mereka lupa tanggungjawab untuk menambah ilmu pengetahuan. **Demi merealisasikan visi kudsi** Wawasan 2020, marilah sama-sama kita menjadikan amalan membaca sebagai budaya hidup masyarakat Malaysia.

Prakarsa perdana yang boleh diimplementasikan oleh ibu bapa dalam memupuk amalan membaca ialah membeli bahan bacaan secara berkala. Hal ini demikian kerana anak-anak akan sentiasa membaca bagi menambahkan ilmu pengetahuan serta menjadi insan berguna pada masa hadapan. Ibu bapa perlu memperuntukkan wang sebanyak RM50 sebulan bagi membeli bahan bacaan. Biasanya, ibu bapa yang prihatin dan mementingkan masa depan anak-anak akan membeli banyak bahan bacaan khusus untuk anak-anak. Implikasinya, anak-anak yang didedahkan dengan bahan bacaan meluas dapat berfikir secara rasional dalam semua bidang bagi memenuhi tuntutan membangunkan negara ke persada antarabangsa. Anak-anak yang didedahkan dengan bahan bacaan sejak kecil bertepatan dengan peribahasa, **belakang parang jika diasah lagikan tajam. Ibu bapa yang sentiasa membelikan anak-anak bahan bacaan setiap bulan boleh dianalogikan seperti pelukis handal yang mencorakkan dinding yang buruk.** Menurut Datuk Dr Haji Fadzillah kamsah, ibu bapa merupakan pencorak budaya membaca dalam jiwa anak-anak. Sekiranya, semua ibu bapa di negara kita mengamalkan sikap murah hati dalam membelikan bahan bacaan untuk anak-anak, maka generasi yang lahir nanti dapat bersaing dan duduk sama rendah dengan generasi maju di negara Barat.

Sementelahan pula, prakarsa afdal yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk memupuk amalan membaca di rumah adalah dengan menyediakan suatu ruangan sebagai perpustakaan mini di rumah. Dalam konteks ini, mengapa perlunya perpustakaan mini di rumah? Hal ini demikian, kerana apabila ada perpustakaan mini di rumah, anak-anak tidak akan membuang masa menyertai aktiviti yang tidak sihat di luar rumah. Seperti yang dinyatakan, ibu bapa haruslah menyediakan suatu ruang kecil atau pun bilik kecil di rumah bagi menempatkan bahan bacaan supaya anak-anak berasa selesa sewaktu membaca. Biasanya ibu bapa yang berkemampuan serta memiliki rumah yang besar, mampu menyediakan perpustakaan mini di rumah. Natijahnya, anak-anak yang memiliki budaya membaca dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli keluarga. **Hal ini bertepatan dengan peribahasa, sambil menyelam minum air.** Sekiranya ibu bapa berjaya menwujudkan perpustakaan mini di rumah, nescaya anak mereka akan menjadi insan yang cemerlang pada masa hadapan.

Selain itu, ibu bapa boleh membawa anak-anak mereka ke ekspo atau pameran buku. Lazimnya dalam keadaan ini, ibu bapa boleh memberikan kebebasan kepada anak-anak memilih bahan bacaan sendiri. Dalam zaman yang serba canggih ini, kebanyakan ibu bapa gemar membelikan permainan untuk anak-anak mereka justeru, dengan membawa anak-anak ke pameran buku dapat memantapkan pengetahuan sedia ada anak-anak mereka. Hal ini secara tidak langsung dapat mendidik jiwa dan melahirkan rasa cinta akan buku dalam diri anak-anak. Sebagai amsalnya, Pesta Buku Antarabangsa yang diadakan pada bulan November setiap tahun boleh

menjadi medan terbaik oleh ibu bapa dalam melazimkan tabiat membaca kepada anak-anak. Hal ini bertepatan dengan peribahasa ***melentur buluh biarlah dari rebungnya***.

Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak menyertai pertandingan kebahasaan. Sebagai amsalnya, aktiviti NILAM menggalakkan pemurnian jiwa anak-anak dalam menelaah bahan bacaan ilmiah. Bukan itu sahaja, galakan ibu bapa terhadap anak-anak mampu membina ***minda glokal*** dalam merencana masa hadapan yang cerah. Natijahnya, generasi muda kita tidak berani melakukan pidana kerana sibuk menyertai pertandingan kebahasaan. Pertandingan Pidato Piala Diraja, Pertandingan Bahas Ala Parlimen, Pertandingan Forum Remaja DBP dan Pertandingan Deklamasi 1 Malaysia merupakan pertandingan bahasa yang boleh disertai oleh para pelajar. ***Kendatipun demikian***, kita masih boleh menyertai pertandingan kebahasaan peringkat sekolah atau peringkat daerah jika tidak berpeluang menyertai pertandingan peringkat negeri dan kebangsaan. Bertitik tolak daripada hal itu, penyertaan pelajar dalam aktiviti kebahasaan mampu membantu peningkatan markah kurikulum pelajar di sekolah. Hal ini membuktikan akan kepentingan aktiviti membaca dalam kehidupan seseorang pelajar.

Tiada penyakit yang tiada penawarnya, maka langkah-langkah yang konkret, sistematik dan pragmatik harus dijalankan secara berterusan agar masalah ini boleh dibasmi hingga ke akar umbi. Oleh itu, ibu bapa boleh memberi hadiah berupa buku ketika sambutan hari kebesaran anggota keluarga. Amsalnya, ibu bapa boleh memberikan buku sebagai hadiah hari lahir atau hadiah kecemerlangan anak-anak dalam peperiksaan. Lazimnya dalam keadaan ini, anak-anak pastinya berasa teruja apabila mendapat hadiah buku daripada orang yang tersayang. Bagi sesetengah orang buku mungkin tiada nilainya, namun untuk jangka masa panjang, buku menyimpan seribu khazanah yang tidak ternilai harganya. Sekiranya, semua ibu bapa di negara ini menghadiahkan buku ilmiah untuk anak-anak mereka sewaktu menyambut hari kebesaran maka pastinya masyarakat Malaysia menjadi masyarakat kelas pertama.

Akhirul kalam, rakyat Malaysia dikatakan antara masyarakat yang malas membaca. Semoga amalan membaca dapat diteruskan sepanjang masa. Oleh itu, kita perlu bersinergi bersama-sama dengan ibu bapa, pihak swasta dan kerajaan untuk memupuk amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia pada masa hadapan. Sekiranya amalan membaca berjaya dipupuk sejak peringkat akar umbi oleh ibu bapa, maka bangsa Malaysia akan menjadi lebih cemerlang serta mampu bersaing seperti kata peribahasa Melayu, ***duduk sama rendah, berdiri sama tinggi*** dengan negara-negara maju di dunia.

MUTIARA KATA PILIHAN :

“ Sesiapa yang menempuh jalan dengan maksud mencari ilmu pengetahuan, maka Allah memudahkan baginya jalan ke syurga.”

(Maksud Hadis)

Contoh 4 :

Amalan menabung perlu digalakkan sejak kecil lagi . Jelaskan kebaikan amalan menabung.

Tema : Amalan menabung

Tugasan : Kebaikan

Pada era globalisasi, isu menabung kerap menjadi **polemik** dalam kalangan marhaen di Malaysia. Dari segi konsepsinya, menabung boleh ditakrifkan sebagai amalan menyimpan wang ke dalam tabung untuk diguna pakai pada masa hadapan. Biasanya, kanak-kanak menabung seawal usia 5 tahun. Amalan menabung bertepatan dengan peribahasa, sikit-sikit lama-lama jadi bukit. Oleh itu, terdapat banyak kebaikan yang dapat saya peroleh hasil daripada amalan menabung.

Antara kebaikan menabung ialah dapat menggunakan wang yang ditabung untuk menyambung pelajaran. Hal ini demikian, dapat meringankan beban yang ditanggung oleh ibu bapa. Seyogia, kita mestilah menabung dalam jumlah yang **konsisten** setiap bulan. Natijahnya, ibu bapa kita tidak perlu bergolok bergadai untuk membayai kos pelajaran anak-anak. Hal ini bertepatan dengan peribahasa Melayu, **sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna**. Sekiranya, ibu bapa memikirkan kemaslahatan masa depan anak-anak dengan menabung sejak awal lagi, maka pastinya masa depan anak-anak akan cerah.

Selain itu, **kemaslahatan** menabung ialah wang yang disimpan dapat digunakan pada waktu kecemasan. Hal ini demikian, wang tersebut dapat digunakan untuk membayar hutang dan membayar kos perubatan luar jangka. Sementelahan, kita mestilah menabung agar memudahkan kita pada kemudian hari. **Hal ini bertepatan dengan peribahasa, sediakan payung sebelum hujan**. Sekiranya, kita bersedia menghadapi saat-saat kecemasan sejak awal lagi maka, kita tidak akan mengalami kesusahan.

Kemaslahatan amalan menabung seterusnya ialah dapat mengelakkan sikap suka berhutang dalam kalangan masyarakat. Umum mengetahui bahawa orang yang sering mengalami kesempitan wang tidak berhemat dalam berbelanja. Kebobrokan sikap boros berbelanja sepatutnya diganti dengan didikan dan amalan menabung. Dengan adanya wang simpanan, maka hutang yang ada dapat dilangsaikan dan hidup kita tidak terbeban. **Seyogia** kita dapat mengelakkan diburu pemutang atau diisyiharkan muflis apabila gagal membayar hutang. **Akhirnya kulasentana sakinh dapat diwujudkan dalam menirmalakan sebuah keluarga bahagia**.

Seyogia, faedah amalan menabung yang seterusnya ialah dapat membeli barang mewah yang dihajati. Dalam konteks ini, barang mewah dan berkualiti mampu kita miliki hasil amalan menabung. Biasanya, barang mewah diimpikan oleh golongan berpendapatan sederhana dan berpendapatan rendah. **Natijahnya**, mereka tidak perlu berhutang walaupun memiliki barang eksklusif dan mewah. Hal ini bertepatan dengan peribahasa, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Sekiranya, semua pelajar mengamalkan amalan menabung sejak kecil lagi, maka mereka dapat membeli pelbagai barang tanpa menyusahkan kedua-dua ibu bapa mereka.

Kita dapat menyaksikan kesan jangka panjang yang mewarnai hidup orang yang mengamalkan amalan menabung. Pada realitinya, memang tidak dinafikan bahawa masa depan

kita lebih terjamin apabila menabung. Hal ini demikian kerana, kehidupan akan menjadi lebih selesa apabila tiada masalah kewangan yang *memberat dipundak fikiran*. *Aforisme* yang menjadi amalan orang yang berusaha menabung ialah *berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian*. Sekiranya wang yang ditabung mampu menjamin kestabilan hidup kita di dunia, maka kemaslahatan diri dan keluarga akan terpelihara.

Tuntasnya, isu menabung yang menjadi polemik dalam kalangan masyarakat perlu diberikan perhatian oleh golongan pelajar. Semoga, amalan menabung dapat disubur biak dari peringkat *akar umbi* lagi. Sememangnya amalan menabung memberikan pelbagai kemaslahatan kepada umat manusia. Oleh itu, kita perlu *bersinergi* untuk memastikan amalan menabung dapat menjadi amalan masyarakat Malaysia. Ingatlah bahawa sesungguhnya peribahasa bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian akan memayungi hidup golongan yang suka menabung.

Contoh 5 :

Sebagai wartawan sebuah majalah sukan, anda ditugaskan untuk menulis rencana yang bertajuk “Peranan Masyarakat untuk Meningkatkan Mutu Sukan Negara”.

Tulis rencana itu selengkapnya.

Tema / Isu	: Sukan
Tugasan	: Peranan Masyarakat

Peranan Masyarakat untuk Meningkatkan Mutu Sukan Negara **Oleh: Mohd Shafiq Hazizie**

Kemenangan tipis pasukan Malaysia kepada Hong Kong 3 – 2 dalam Piala Thomas dan kekalahan pasukan bola sepak Malaysia dalam kelayakan Olimpik baru-baru ini, seolah-olah mengesahkan bahawa mutu sukan Malaysia semakin merudum. Hal ini belum lagi mengambil kira prestasi atlet olahraga, berbasikal, tinju, bola keranjang dan sebagainya. Kemerosotan pencapaian atlet-atlet negara ketika bertanding, sama ada pada peringkat serantau maupun antarabangsa telah menimbulkan pelbagai tanggapan negatif dalam kalangan peminat sukan di negara ini. Persoalannya, apakah masalah sebenar atlet kita dalam mencapai kecemerlangan? Ataupun adakah atlet kita tidak bermotivasi dan lebih memikirkan pulangan wang semata-mata? Walau apa-apa pun pertikaianya, *prakarsa konkrit* dan menyeluruh perlu diambil untuk meningkatkan mutu sukan negara, agar kita mengembalikan kegemilangan silam sukan Negara kita. Usaha pasti akan membawa hasil kalau pelbagai *langkah yang efektif dan drastik* dilakukan segera untuk mengatasi masalah yang sudah bersarang lama di negara kita ini.

Sebagaimana yang kita maklumi, merombak jawatankuasa induk yang menaungi sesebuah persatuan sukan merupakan usul perdana yang perlu kita lakukan dalam membuat transformasi. Bukan lagi rahsia, kebanyakan persatuan sukan di Malaysia dipimpin oleh pemimpin politik. Hari ini, kita dapat melihat Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Persekutuan Hoki Malaysia (PHM),

Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dinaungi oleh orang politik. Malangnya, para pemimpin yang dipilih secara demokrasi ini, sering menjadikan persatuan berkenaan sebagai medan untuk meneruskan *kelangsungan* politik mereka. *Keghairahan mereka memenuhi agenda peribadi, menyebabkan program pembangunan sukan dan atlet telah dianaktirikan.* Pengetahuan mereka tentang bidang sukan serta kegagalan memahami transformasi yang berlaku, menyebabkan pencapaian para atlet kita masih di takuk lama. Mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi pernah mengingatkan agar para pemimpin politik melepaskan jawatan mereka dalam persatuan sukan agar program pembangunan sukan dipimpin oleh individu yang berkelayakan. Kita mengakui hakikat sewajarnya barisan kepimpinan sukan ini dirombak dan memberikan laluan kepada muka-muka baru yang mempunyai latar belakang bidang sukan serta beriltizam tinggi untuk memajukan mutu sukan negara.

Di samping itu, pihak berkenaan perlu menjenamakan semula program-program pembangunan atlet dan diberi nafas baru dalam usaha melahirkan atlet yang bertaraf dunia. Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan peruntukan yang cukup banyak untuk menyokong program-program pembangunan sukan di negara ini seperti penubuhan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN). Aspek-aspek kritikal seperti kewangan, kejurulatihan, pemakanan, psikologi, dan sebagainya perlu diberi perhatian serius dalam mengatur program yang dirancang. Suatu perkara yang menjadi tanda tanya ialah, kebanyakannya para pemain bola sepak negara lebih menggemari roti canai, nasi lemak, dan merokok. Hal ini menyebabkan kegagalan demi kegagalan terus dicipta oleh atlet Malaysia yang bertanding di luar negara. *Sebagai contohnya sejak menjuarai Piala Thomas pada 1992, Persatuan Badminton Malaysia (BAM) terus gagal membentuk sebuah pasukan kebangsaan yang mampu memecah penguasaan China dan Indonesia dalam arena badminton.* Biarpun munculnya “gandingan emas”, Koo Ken Kiat dan Tan Boon Heong, namun kegagalan pasukan negara dalam Piala Thomas menterjemahkan segala-galanya. Namun begitu, segala kelemahan tidak harus menjadi noktah untuk kita terus berusaha. Dengan penggembangan *minhaj* dan iltizam daripada semua pihak, *pastinya masih ada sinar yang dapat dijelmakan untuk mengangkat martabat sukan negara kita berada di mercu kecemerlangan.*

Selain itu, para atlet negara juga perlu didedahkan dengan kejohanan-kejohanan antarabangsa secara lebih kerap. Penyertaan secara berterusan amat penting dalam usaha memantapkan persempahan serta menyesuaikan diri di dalam situasi pertandingan yang sebenarnya. *Pasukan bola sepak Negara Harimau Muda contohnya dihantar menyertai Liga S di Singapura.* Pastinya pemain yang mempunyai latar belakang kemahiran dan peribadi yang berbeza dapat diuji oleh pemain muda Negara kita. Pencapaian ratu squasy negara, Nicole Ann David dan Datuk Lee Chong Wei membolehkan mereka berada pada kedudukan teratas senarai pemain terbaik dunia, berpunca daripada penyertaan yang tidak putus-putus dalam pertandingan peringkat antarabangsa. *Hal ini bertepatan dengan peribahasa, ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras. Perlu ditegaskan bahawa kejayaan yang diunggulkan tidak boleh dijelmakan dengan usaha secara ala kadar kerana yang bulat tidak datang bergolek , yang pipih tidak datang melayang.*

Pada masa yang sama, syarikat korporat perlu menaja atlet yang berpotensi memperoleh pingat bagi menyokong kemajuan sukan negara Malaysia. Bertitik tolak daripada itu, syarikat

korporat boleh menaja bagi membantu membiayai kos latihan atlet di dalam dan di luar negara. *Nati jahnya*, atlet negara akan menikmati kemudahan sukan bertaraf dunia. *Sementelahan itu*, peralatan sukan yang terbaik mampu dimiliki oleh atlet bagi meningkatkan prestasi mereka ke tahap terbaik. Kesemua ini menyumbang peningkatan imej dan lonjakan semangat atlet yang bakal bertanding dalam kejohanan antarabangsa. *Tamsilnya, Datuk Nicol Ann David ditaja oleh CIMB Berhad sebanyak RM380,000 setahun bagi membiayai latihan dan peralatan*. Mudah-mudahan perkara ini terus berlanjutan bagi meneruskan legasi atlet bertaraf dunia.

Pelbagai langkah *yang efektif dan drastik* perlu dilakukan dengan segera untuk mengatasi masalah yang sudah bersarang lama di negara kita ini. Oleh itu, sokongan moral daripada peminat sukan cukup diperlukan dalam memastikan aura semangat terus membara. *Sebagai amsalnya, peminat bola sepak Malaysia menu buhkan kelab penyokong Ultras Malaya bagi memberikan sokongan kepada pasukan Harimau Muda*. Kita dapat menyaksikan setiap kali pasukan Harimau Malaya turun beraksi, penyokong Malaysia pasti turun memberikan sokongan padu. Keadaan ini seharusnya boleh menaikkan semangat atlet yang telah berputus asa untuk terus berjuang di gelanggang. *Sekiranya penyokong Malaysia turun memberikan sokongan kepada atlet yang bertanding maka pastinya semangat membara yang terjana mampu menghasilkan kejayaan yang membanggakan negara*.

Konklusinya, kemerosotan mutu sukan negara tidak seharusnya dibiarkan terus berlanjutan. Sememangnya kemerosotan mutu sukan di negara kita masih berada pada tahap yang boleh diperbaik. Semoga mutu sukan negara akan terus ke puncak dengan syarat semua pihak *bersinergi* dan tidak kenal putus asa. Mungkin tiada salahnya untuk kita belajar dengan negara-negara seperti Trinidad dan Tobago atau pun Kenya yang telah berjaya melayakkan diri dalam pertandingan akhir bola sepak Piala Dunia 2006 serta mampu melahirkan atlet olahraga bertaraf dunia. Oleh itu, kejayaan Safee Sali yang kini bermain di Indonesia dan memperoleh kontrak RM2 juta menjadi ikutan atlet muda yang lain. Sekiranya mutu sukan kita meningkat, maka secara automatiknya martabat negara kita turut *melonjak naik*.

MUTIARA KATA PILIHAN :

“Berhati – hati apabila mengungkapkan kata, walaupun sedang duduk bersendirian, kerana tidak ada kata-kata yang terlepas daripada pendengaran Tuhan.”

(Hamka)

8.0 KEMAHIRAN MERUJUK SEBELUM MENULIS (MSM)

8.1 KERATAN MAJALAH

(Sumber : Fokus SPM, Ogos 2009, ms 30-33)



Rencana Umum

Oleh HAJI SAMAT BIN BUANG Foto KKSB

PENDAHULUAN

ISU yang mendapat perhatian dan menjadi kebimbangan masyarakat kini ialah isu gejala "samseng jalanan" atau "mat rempit" yang bukan semakin berkurangan atau terkawal, tetapi sebaliknya semakin menjadi-jadi. Mereka bukan sekadar mencetus ketidaksesuaian malah turut mengancam nyawa pengguna jalan raya yang lain. Barubaru ini Ketua Trafik Bukit Aman, Datuk Abdul Aziz Yusof berkata istilah "mat rempit" perlu ditukar kepada "samseng jalanan", di samping dikenakan hukuman lebih berat termasuk penjara mandatori kepada golongan ini. Pindaan tersebut mampu memberi kesan lebih besar untuk membanteras kegiatan itu yang makin berleluasa.

Membanteras

Samseng Jalanan

Sebenarnya, gejala mat rempit hanya wujud di Malaysia, malah tiada sebarang jurnal antarabangsa yang pernah melaporkan masalah itu kecuali di negara ini. Pakar pengangkutan awam yang juga Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Abdul Rahim Md Nor, sebelum ini pernah mengemukakan beberapa faktor termasuk penggunaan motosikal sebagai pengangkutan utama di

Malaysia berbanding negara asing. Di Eropah, Amerika Syarikat dan Australia misalnya, banyak orang berkereta atau menggunakan kenderaan awam ke tempat kerja. Tidak banyak yang bermotosikal. Malah jika ada motosikal pun, mereka menggunakan motosikal berkuasa tinggi. Keadaan sebaliknya di sini kerana banyak bermotosikal. Jadi, wujudlah kelompok atau kumpulan tersendiri seperti mat rempit sama ada di luar bandar dan

bandar. Tegasnya, merempit itu sudah menjadi satu budaya dalam kalangan pemilik motosikal ini. Di luar negara, jika ada pun, hanyalah lumba kereta haram dan bukannya motosikal. Hanya ada beberapa negara yang melaporkan kejadian lumba kereta haram seperti Australia, New Zealand, Amerika, United Kingdom, Sweden, Croatia, Jepun, dan Hong Kong. Walau bagaimanapun, keadaan di luar negara terkawal, tidak seperti Malaysia yang hampir setiap malam ada-saja kejadian merempit.

Langkah Pencegahan

Isu samseng jalur raya kini kembali mendapat perhatian apabila seorang wanita hamil dua bulan, ditemui mati di kawasan kediiamannya di Taman Ayer Hitam, Batu Pahat, Johor Bharu, 3 Mei lalu akibat diragut. Tiga hari selepas itu, seorang lagi wanita hamil, turut terbunuh angkara peragut

30

Fokus SPM | Ogos '09

- 116 -

<http://edu.joshuatly.com/>
<http://fb.me/edu.joshuatly>

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bersetuju supaya pihak media menggunakan istilah 'samseng jalanan' dalam laporan mereka bagi menggantikan istilah 'mat rempit' yang digunakan sebelum ini.

di Kampung Padang Raja, Jalan Melor-Ketereh, Kota Bharu walaupun hanya membawa beg tangan berisi wang tunai sebanyak RM2 sahaja. Ekoran daripada peristiwa tragik seumpama itu, kerajaan perlu segera memikirkan langkah pencegahan yang terbaik untuk mengelakkan lebih banyak orang awam menjadi mangsa.

Gelaran samseng jalanan lebih sesuai kerana tindakan dan kelakuan ganas golongan itu boleh mengancam nyawa orang lain. Oleh itu, diharap selepas ini tiada lagi istilah "mat rempit" digunakan. Itulah yang diputuskan oleh pihak polis kerana gelaran itu nampaknya tepat bagi menggambarkan kekacauan yang dicetuskan oleh mereka. Banyak pihak sebelum ini menyatakan bahawa gelaran mat rempit terlalu "hebat" untuk golongan tersebut. Mereka berlagak di atas jalan raya dan istilah "mat rempit" itu turut menyemarakkan semangat anak-anak muda yang kononnya "tidak takut mati" itu.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bersetuju supaya pihak media menggunakan istilah 'samseng jalanan' dalam laporan mereka bagi menggantikan istilah 'mat rempit' yang digunakan sebelum ini. Menterinya, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, pendekatan berkenaan selari dengan usaha kementerian melaksanakan langkah-langkah praktikal bagi membina negara dan bangsa.

Perkara ini telah mendapat perhatian pelbagai pihak dan semakin menjadi sebutan ramai. Justeru, kita bersetuju dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya tidak menggunakan istilah "mat rempit" ataupun istilah lain yang mudah mencerminkan suatu golongan yang rendah mutu dirinya. Walau bagaimanapun, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Shabery Cheek pula tidak bersetuju istilah samseng jalanan digunakan bagi menggantikan gelaran mat rempit untuk merujuk kepada penunggang motosikal yang

berlumba secara haram di jalan raya dan turut berkelakuan ganas.

Gelaran samseng jalanan agak keterlaluan. Hanya segetintir sahaja daripada mereka dalam kalangan mat rempit yang terlibat dengan jenayah manakala sebahagian besar lagi hanya anak muda biasa. Namun, walaupun apa-apa pun gelaran yang diguna pakai, aktiviti mereka tetap menimbulkan pelbagai reaksi dan masalah kepada orang awam.

Pembabitan Remaja Melayu


Kajian akademik pertama satu ketika dahulu mengenai isu mat rempit itu juga pernah mendedahkan peningkatan pembabitan remaja Melayu yang mencapai 95 peratus daripada keseluruhan mat rempit seluruh negara, berbanding kajian kali pertama pada 2002 yang merekodkan 80 peratus.

Menurut Ketua Program Psikologi, Universiti Kebangsaan, Prof. Madya Dr. Rozimi Ismail yang menjalankan kajian mengikut geran penyelidikan UKM secara berperingkat selama enam tahun bermula 2002 hingga 2006 membabitkan tiga tajuk kajian. Kajian pertama bertajuk 'Mat Rempit dan Hubungan dengan Masalah Sosial (2000 hingga 2002) diikuti kajian

kedua bertajuk 'Faktor Pembabitan Mat Rempit (2003-2004). Seterusnya, kajian terbaru berjudul 'Pembabitan Mat Rempit dalam Jenayah' lebih kepada melihat tahap serta jenis jenayah berpunca daripada golongan berkenaan.

Hasil kajian mendapati, 97 peratus daripada mereka disifatkan sebagai 'kepala angin' atau sanggup melakukan apa-apa saja untuk mencari keseronokan manakala bakinya kira-kira tiga peratus digelar sebagai mat motor, iaitu individu yang benar-benar suka akan motosikal. Kebanyakan mat motor ini pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang lebih kepada mencari keseronokan ketika masa lapang atau melepaskan tekanan menjelang peperiksaan.

Kira-kira 24 peratus daripada mereka yang terlibat dengan kegiatan merempit mengaku pernah terbabit dalam jenayah, misalnya pecah rumah, curi motosikal, kumpulan samseng, vandalisme, dan seks bebas. Mereka berusia antara 14 hingga 25 tahun dan majoritinya berusia lingkungan 21 ke atas. Usia terlalu muda juga menyebabkan mereka mudah taksuh kepada ketua kumpulan terdiri daripada mat rempit senior. Tidak menghairankan jika dikaji latar belakang mat rempit, ada yang datang daripada





Rencana Umum

keluarga berpendapatan rendah dan sederhana. Logiknya mereka juga mempunyai tahap pendidikan agak rendah dan ada antara mereka tercincir daripada pengajian sekolah.

Apa yang mereka lakukan ialah mencari hiburan tetapi dengan cara tersendiri yang jelas membahayakan nyawa sendiri bahkan boleh menjadi iguan ngeri kepada pengguna jalan raya lain. Kebanyakan mereka penganggur yang tidak mempunyai pendapatan tetap, pekerja kilang (bahagian am), mat despatch (penghantar surat), penjual burger jalanan, pembantu bengkel kenderaan dan pelajar (sekolah dan IPT).

Kajian yang dijalankan dengan kerjasama cawangan Trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu juga mendapati, 85 peratus daripada mereka tidak mempunyai lesen memandu atau tamat tempoh sah. Ironinya, mat rempit mempunyai sikap setia kawan yang cukup tinggi dan sering mengutamakan kumpulan.

Contoh paling mudah ialah jika berlaku kemalangan sama ada ketika operasi atau berlumba, mereka akan mlarikan rakan mereka dan motosikal secepat mungkin sebelum dicekup polis.

Langkah Memerangi

Bagi memerangi golongan itu, pihak polis bukan sahaja mengubah gelarannya malah turut mengemukakan cadangan agar kerajaan meminda Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Bukit Aman mahu samseng jalanan tersebut dikenakan hukuman penjara mandatori, sesuai dengan kesalahan yang mereka lakukan.

Ketika ini, Seksyen 42 (1) hanya memperuntukkan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara sekurang-kurangnya lima bulan. Hukuman tersebut terlalu ringan berbanding dengan akibat buruk yang dicetuskan oleh samseng jalanan yang menguasai jalan-jalan raya pada waktu dinihari tersebut.

Tindakan pihak polis itu sekali gua membuktikan gejala lumba haram semakin tidak terkawal. Hanya tindakan keras menerusi peruntukan undang-undang sahaja yang diyakini mampu membendung mereka. Datuk Seri Najib Tun Razak ketika merasmikan Majlis Perasmian Pengeluaran Ulung Mercedes-Benz E-Class dari kilang pemasangan MTB empat tahun lalu, pernah mencadangkan dua langkah bagi menangani isu samseng jalan raya yang menghantui pengguna jalan raya di negara ini. Pertama, beliau berharap agar tindakan segera dan pantas diambil atas pihak-pihak yang bertanggungjawab melakukan tindakan samseng semasa berada di jalan raya. Hukuman berat juga perlu diaturuhkan kepada mereka ini.

Langkah jangka panjang pula ialah membentuk nilai budaya masyarakat yang sentiasa bersopan dan mengambil berat tentang perasaan orang lain. Hal ini ada kaitan dengan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni yang dilancarkan oleh kerajaan. Tegasnya, permasalahan samseng jalan raya akan dapat diatasi sepenuhnya jika rakyat diajar untuk menghormati orang lain.

Selain itu, Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta kerajaan pusat menetapkan hukuman yang lebih berat kepada samseng jalanan untuk mengelakkan mereka terus melakukan jenayah itu. Menurutnya, hukuman itu perlulah menimbulkan rasa gerun terhadap golongan itu yang selalu melakukan lumba haram di atas jalan raya sehingga membahayakan nyawa sendiri dan orang ramai.

Samseng jalanan ke atau mat rempit sekarang menjadikan nyawa manusia murah, harta benda orang murah. Kita perlu buat undang-undang yang menggerunkan supaya mereka rasa takut untuk buat lagi. Beliau diminta mengulas mengenai cadangan Ketua Trafik Pasukan Bukit Aman, yang telah mengemukakan cadangan supaya kerajaan meminda segera Seksyen 42 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 tersebut. kerajaan perlu segera memikirkan langkah pencegahan yang terbaik untuk mengelakkan lebih ramai orang awam menjadi mangsa. Walau bagaimanapun beliau turut menyatakan supaya banyak langkah pencegahan diambil untuk mengelakkan lebih ramai nyawa orang awam terkorban.



Kesimpulan

Secara tuntas, diharap semua pihak termasuk sekolah dapat bekerjasama dalam memberikan didikan serta nasihat kepada golongan muda supaya mereka tidak mudah terjebak dalam aktiviti yang merugikan itu dan menjelaskan masa depan mereka. Mudah-mudahan aktiviti samseng jalanan yang diterajui golongan muda dapat dibantas sepenuhnya menerusi pendedahan dan didikan berkaitan undang-undang, serta keselamatan jalan raya di peringkat sekolah. Pihak berkuasa seperti polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ) sepatutnya mewujudkan satu pangkalan data khas bagi pesalah merempit ini, khususnya mengesan mereka yang tegar dan harus dikenakan hukuman lebih berat apabila mengulangi kesalahan itu. Pangkalan data itu menjadi catatan rekod kesalahan dan rujukan pihak berkuasa itu sendiri. Selain itu, kerajaan juga harus lebih tegas dan serius dalam menangani permasalahan mat rempit ini.

Fokus

oleh JULIANA MANSOR

Hidup Berjiran Muafakat Masyarakat



Remaja cemerlang atas pembinaan tamadun bangsa.

MASYARAKAT bermula daripada jiran. Jiran pula terdiri daripada semua lapisan umur. Oleh hal itu, remaja merupakan satu daripada entiti yang memenuhi definisi kejiranan. Dalam hal ini, remaja ada perannanya yang tersendiri. Konsep kejiranan serta persaudaraan cukup menarik dan mesti dikekalkan oleh masyarakat, khasnya oleh golongan remaja. Melalui persaudaraan dan semangat kejiranan, rasa kasih, sayang-menayangi dan bantu-membantu dapat mewujudkan kekuatan dalam kalangan rakyat untuk tolong-menolong, ingat-mengingati dan tegur-menegur, sehingga seseorang itu berasa dirinya begitu lemah jika hidup tanpa berjiran. Semangat kejiranan dan

persaudaraan yang akrab juga dapat menghilangkan perasaan iri hati, dengki, bermusuhan dan sifat negatif lain yang boleh membawa perpecahan.

Sikap mementingkan diri sendiri menyebabkan tiada kawalan sosial masyarakat. Pengaruh sikap acuh tidak acuh terhadap persekitaran masyarakat akan menyebabkan urusan keselamatan harta dan nyawa diserahkan kepada polis sepenuhnya. Rakyat Malaysia perlu mensukuri, menghayati dan menghargai keamanan yang dinikmati di negara ini. Mereka perlu meningkatkan semangat kejiranan. Hal ini demikian kerana semangat kejiranan mampu mengekalkan keamanan, keselamatan dan ketenteraman. Sekiranya negara berada dalam keadaan huru-hara, usaha pemulihan ke arah keamanan semula bukanlah perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Oleh sebab itu, peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 haruslah dijadikan iktibar.

Meningkatkan Kejiranan

1. Remaja boleh mengaktifkan diri melalui persatuan masyarakat seperti Rukun Tetangga (RT). Kini, aktiviti RT semakin meluas fungsinya, seperti mengadakan aktiviti pendidikan, sukan, rekreasi, kesihatan dan alam sekitar, kebajikan, keagamaan, kesenian dan kebudayaan dan ekonomi.
2. Jiran yang sepakat dan bersatu-padu mampu menjamin keselamatan kawasan setempat daripada ancaman kecurian, pecah rumah, najis dadah, penculikan,

Fokus



Jiran gembira keluarga sejahtera.

samseng dan pemerkosaan. Semuanya dapat dibendung jika jiran memainkan peranan masing-masing dan mengambil inisiatif dengan melaporkannya kepada pihak berwajib setiap kali menyedari berlakunya perkara yang meragukan.

3. Ibu bapa dan guru berperanan untuk memastikan golongan remaja berupaya mentafsirkan peranan masing-masing dalam masyarakat apabila dewasa kelak. Hasil interaksi yang saling mempengaruhi dapat membentuk cara pemikiran, emosi dan tindakan remaja.
4. Agama perlu dijadikan pegangan utama remaja. Mereka perlu mengetahui, memahami dan menghayati matlamat hidup di dunia. Hal ini akan menjadikan remaja lebih bertanggungjawab kepada diri sendiri, agama, bangsa dan negara.
5. Remaja perlu mempunyai daya tahan dari segi fizikal dan mental. Elemen jati diri, waja diri dan kawalan diri yang kukuh dapat mengawal perasaan, emosi dan nafsu daripada terjerumus ke lembah gejala sosial yang hina.

Memupuk Semangat Kejiranan

1. RT perlu berbincang dan bersepakat dalam melaksanakan program yang bersesuaian dengan remaja demi kemudahan penduduk. Sebagai contoh, pengajuran Hari Keluarga dapat merapatkan hubungan silaturahim antara penduduk, bak kata pepatah, "sepakat membawa berkat".
2. Masyarakat perlu mempunyai kesedaran untuk berubah. Janganlah menjadi seperti "enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing". Hasil kajian Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPIN) menunjukkan bahawa sikap mementingkan diri merupakan faktor utama kelunturan semangat kejiranan.

3. Polis Diraja Malaysia (PDRM) berusaha mengintegrasikan aspek kepolisian, masyarakat dan teknologi terkini dalam usaha membendung kes jenayah. Rakan Cop yang diperkenalkan pada 9 Ogos 2004 diliharkan atas kesedaran bahawa polis merupakan elemen pelengkap sesebuah masyarakat yang aman dan harmoni. Pendekatan Rakan Cop adalah untuk membentuk interaksi dua hala antara polis dengan masyarakat serta menggalakkan pembabitan orang ramai dalam penyaluran maklumat. Rakan Cop akan bertindak sebagai "mata dan telinga" polis dalam mengawasi serta melaporkan sebarang kejadian yang melibatkan keselamatan jiran mereka.

4. Menyajakan kempen 1Malaysia amat perlu bagi menanam sifat perpaduan dan bersatu-padu dalam kalangan rakyat. Gagasan 1Malaysia sangat menekankan semangat perpaduan antara semua kaum di Malaysia. Sinergi dan usaha sama begini wajar dijadikan contoh dan diaplikasikan dalam institusi masyarakat bagi memupuk semangat kejiranan yang utuh. Bak kata pepatah, "ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua".

5. Media massa berperanan penting dalam menyemarakkan semangat kejiranan. Misalnya, memaparkan artikel, dokumentari dan program penyiaran yang menekankan perihal pentingnya semangat kejiranan dan perpaduan di Malaysia.

Segala usaha untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun, sentiasalah beringat bahawa "tiada gunung yang tidak dapat didaki, tiada lurah yang tidak dapat dituruni". Demi melahirkan masyarakat yang bersatu padu, semua pihak dan anggota masyarakat perlu berganding bahu.



Semangat kejiranan mampu membanteras jenayah.

**Rencana
Umum**

Peranan Kerajaan Terhadap Golongan OKU



Golongan istimewa ini wajar diberi perhatian dalam semua aspek kehidupan.

Oleh HAJI SAMAT BUANG Foto: KKSB

Pendahuluan

DI Malaysia, tarikh 3 Disember setiap tahun telah dipilih oleh Jemah Menteri sebagai Hari Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan mulai tahun 1994 khususnya untuk golongan istimewa atau lebih dikenali sebagai Orang Kurang Upaya (OKU). Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), takrif OKU ialah seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosialnya, sebagai seorang individu yang normal, akibat daripada kekurangan keadaan fizikal atau mentalnya. Takrif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula, OKU ialah seseorang itu dianggap kurang upaya untuk menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagiannya daripada keperluan biasa seseorang itu dan atau tidak dapat bermasyarakat sepenuhnya disebabkan oleh sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal atau mental serta berlaku sejak lahir atau kemudian daripada itu.

Walau apa-apa pun istilah atau takrif mengenai OKU yang diberikan oleh beberapa pihak yang kebanyakannya tepat, soal penekanan masa depan OKU adalah antara isu yang kini mula mendapat perhatian di mata dunia. Kebebasan dan kelantangan bersuara badan-badan bukan kerajaan dalam mengetahui pendapat dan masalah mengenai OKU di negara-negara Barat terutamanya, menyebabkan nasib golongan itu kian terbelah. Di Malaysia, nasib golongan istimewa ini turut mendapat perhatian serius daripada pihak kerajaan dan masyarakat.

Sebenarnya antara tujuan sambutan hari tersebut adalah untuk memberi pengiktirafan kepada golongan ini agar berganding bahu menjadikan negara Malaysia sebagai

sebuah negara maju menjelang alaf baru nanti. Selain itu, objektif utama perayaan tersebut adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa golongan istimewa juga merupakan sebahagian daripada komuniti yang mempunyai hak dalam apa-apa bidang dan peluang sekalipun. Perayaan ini juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab mereka terhadap golongan ini seterusnya mengerakkan komuniti supaya lebih meningkatkan kemudahan-kemudahan khusus untuk golongan ini.

Peranan kerajaan terhadap golongan istimewa

Golongan istimewa negara ini sentiasa mendapat perhatian dan pembelaan daripada kerajaan yang amat prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik ini. Kesungguhan dan komitmen tinggi kerajaan terhadap peningkatan kualiti hidup golongan istimewa telah diperkuuh dengan penerimaan "Proklamasi Penyertaan Penuh dan Penyamaan Peluang Bagi Orang Kurang Upaya Rantau Asia dan Pasifik" yang



Kerajaan amat prihatin terhadap golongan istimewa dan memastikan mereka menerima kemudahan yang disediakan.



Kemudahan mesra OKU di bangunan awam dan sistem pengangkutan awam perlu dipertingkatkan.

ditandatangani pada 16 Mei 1994 di Kuala Lumpur.

Dengan menandatangani Proklamasi ini, kerajaan telah memberi komitmen serta jaminan bawaha peluang-peluang bagi penyertaan penuh dan penyamaan peluang kepada golongan orang kurang upaya akan diberi perhatian. Di samping itu, penerimaan Hak Kanak-kanak (*Convention on the Rights of the Child*) oleh kerajaan, iaitu antara lain menentukan hak kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya sentiasa dijaga supaya mereka sama-sama menikmati kemudahan dan peluang yang terdapat dalam arus perdana pembangunan negara daripada segi ekonomi dan sosial.

Kerajaan juga amat komited untuk mencapai objektif atau sasaran yang ditetapkan dalam Agenda for Action for the Asia and Pacific Decade of Disabled Persons bagi tempoh 1993-2002. Di bawah agenda ini, pada 25 Februari 1998, kerajaan telah bersetuju untuk menujuhkan Majlis Penasihat dan Perundingan Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya. Majlis ini dianggotai oleh Kementerian dan Jabatan, pertubuhan kebajikan sukarela dan orang perseorangan yang mempunyai hubung kait dengan isu-isu orang kurang upaya.

Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggesa semua sektor ekonomi, sosial, dan masyarakat seluruhnya untuk memberi perhatian terhadap kepentingan mengintegrasikan golongan OKU seiring dengan pembangunan negara melalui persekitaran bebas halangan atau *barrier-free environment*.

Antara tanggungjawab majlis ini adalah untuk merangka satu Pelan Tindakan dengan memberi tumpuan kepada 12 bidang tertentu atau *12 Areas of Concern* seperti yang terkandung dalam Agenda Tindakan *Asian and Pacific Decade of Disabled Persons*. Bidang-bidang ini termasuk urusan penyelaras di peringkat nasional, pengumpulan maklumat, kesedaran awam, perundangan, kemudahan akses

dan komunikasi, pendidikan, latihan dan pekerjaan, pencegahan sebab-sebab kecacatan, pemulihan, alat-alat kemudahan, pertubuhan sukarela dan kerjasama serantau.

Bagi merealisasikan komitmen yang dibuat ini, kerajaan sentiasa menyediakan pelbagai perkhidmatan khususnya perkhidmatan pemulihan, pendidikan dan latihan. Semuanya bertujuan menyediakan orang kurang upaya supaya bersemangat berdikari serta mampu meningkatkan tahap ekonomi mereka pada masa hadapan.

Seperti yang kita sedia maklum bawaha golongan OKU merujuk kepada individu yang memerlukan perkhidmatan istimewa bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam komuniti. Misalnya, orang yang cacat penglihatan memerlukan kemahiran membaca dan menulis Braille sebelum mereka dapat menggunakan kemahiran itu untuk belajar atau mendapat pendidikan untuk hidup berdikari. Begitu juga, orang yang cacat pendengaran memerlukan kemahiran memahami dan menggunakan bahasa isyarat sebelum dapat menggunakanannya untuk berkommunikasi dengan orang lain.

Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggesa semua sektor ekonomi, sosial, dan masyarakat seluruhnya untuk memberi

perhatian terhadap kepentingan mengintegrasikan golongan OKU seiring dengan pembangunan negara melalui persekitaran bebas halangan atau *barrier-free environment*. Dalam konteks pembangunan semasa, golongan istimewa ini wajar diberi perhatian dalam semua aspek kehidupan yang merangkumi pendidikan, ekonomi, kebebasan untuk bergerak, bekerja dan berekreasi, serta aspek sosial yang lain.

Taraf hidup golongan istimewa ini kini merupakan sesuatu yang membanggakan kerana persekitaran mereka semakin teratur malah lebih baik berbanding sebelumnya. Walau bagaimanapun, masih terdapat pelbagai kekangan bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat. Kerajaan amat prihatin akan kemudahan yang perlukan disediakan untuk golongan ini. Usaha menambah dan memperbaikkan kemudahan mesra OKU seperti kawasan *barrier-free*, kemudahan ICT, dan sebagainya turut disediakan.

Perkhidmatan juru bahasa isyarat ditambah untuk membantu golongan kurang upaya pendengaran dan percakapan. Selain itu, langkah-langkah telah pun diambil bagi memastikan mereka dapat menggunakan pelbagai kemudahan akses yang disediakan di bangunan-bangunan awam, sistem pengangkutan awam, dan sebagainya dengan merangka Kod Amalan Akses yang melibatkan pindaan terhadap Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (*The Uniform Building By Law*) 1984.

Sehubungan dengan itu, diharap pihak yang bertanggungjawab terutamanya Pihak Berkusa Tempatan dapat menguatkuaskan Kod Amalan tersebut bagi memastikan bangunan-bangunan baru dilengkapi dengan kemudahan bebas dan tidak memberi kelonggaran atau pengecualian kepada mana-mana pihak sebelum kelulusan yang sewajarnya diberi, di samping memastikan semua bangunan lama yang dinaikkan taraf dengan

Rencana Umum

menyediakan kemudahan untuk golongan ini.

Dengan adanya kemudahan ini, secara tidak langsung faedahnya dapat juga dinikmati oleh golongan warga emas, kanak-kanak, wanita mengandung termasuk ibu bapa yang membawa kanak-kanak menggunakan *baby stroller*. Sekiranya setiap pihak memainkan peranan dan mengambil tanggungjawab ini dan mempunyai kesedaran terhadap keperluan mereka, maka tidak akan timbul unsur penghalang bagi mereka menjalani kehidupan harian yang lebih baik.

Selain itu, kerajaan juga memperluas potongan cukai berganda kepada majikan yang mengambil pekerja OKU. Kerajaan telah menambahkan bagi pelepasan pengecualian cukai bagi ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya di bawah umur 18 tahun. Malah, kerajaan turut memberi rebat cukai kepada pembayar cukai bagi membeli alat-alat khas bagi kegunaan sendiri atau kegunaan anak dan ibu bapa yang kurang upaya.

Sebagai galakan berterusan bagi memelihara OKU dan sebagai pelepasan tambahan kepada potongan diri RM5,000 dan potongan untuk isteri RM3,000. Kerajaan telah meluluskan pelepasan tambahan bagi OKU dinaikkan daripada sebanyak RM5,000 kepada RM6,000 diberi kepada pembayar cukai yang kurang upaya dan sebanyak RM2,500 dinaikkan kepada RM3,500 kepada pasangan yang kurang upaya.

Syarikat-syarikat pengangkutan juga digalakkan supaya memberi tambang konsesi kepada OKU. Baru-baru ini, kerajaan turut memberikan eluan RM150 sebulan kepada mereka yang tidak bekerja manakala eluan murid OKU di sekolah pendidikan



Golongan ini terus mendapat peluang bagi membina masa depan yang lebih gemilang.

khas ditambah daripada RM50 kepada RM150 sebulan. Pembantu guru di sekolah pendidikan khas juga mendapat habuan bayaran insentif RM200 sebulan.

Pelbagai pendekatan dilaksanakan untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan istimewa dilaksanakan bagi memastikan golongan ini terus terbelia dan mempunyai masa depan yang lebih cerah sebagaimana golongan lain. Hal ini demikian kerana komitmen kerajaan untuk membuka peluang pekerjaan kepada golongan istimewa terbuти melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/1988 yang telah dikeluarkan dengan memberi kuota sebanyak satu peratus peluang kerajaan di sektor awam kepada mereka.

Bagi sektor swasta pula, Jawatankuasa Penggalakan Pengajian Orang Cacat Di Sektor Swasta telah ditubuhkan dalam tahun 1990 di bawah Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia dengan mewujudkan Kod Amalan Penggajian Orang Kurang Upaya di Sektor Swasta yang merupakan suatu garis panduan kepada agensi kerajaan, majikan, pertubuhan majikan, pekerja, kesatuan sekerja dan pertubuhan orang kurang upaya serta OKU sendiri untuk pendaftaran dan penempatan kerja di sektor swasta.

Di samping itu, kerajaan juga memberikan insentif kepada syarikat-syarikat yang mengambil orang kurang upaya sebagai pekerja mereka. Syarikat-syarikat diberikan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan gaji pekerja kurang upaya yang bekerja dengan mereka. Syarikat-syarikat juga diberikan potongan cukai dua kali atas perbelanjaan untuk melatih golongan kurang upaya yang bukan pekerja syarikat di institusi latihan di Malaysia. Syarikat-syarikat juga diberikan potongan cukai atas perbelanjaan untuk membeli peralatan bagi kegunaan pekerja kurang upaya mereka.

Kerajaan juga telah menyediakan peluang-peluang pemulihian dan latihan. Lima buah institusi Taman Sinar Harapan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan program pemulihian untuk sebanyak 950 orang. Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat



Lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan istimewa bagi memastikan golongan ini terus terbelia.


juga mengendalikan dua buah institusi latihan iaitu Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan di Bangi dan Pusat Pemulihan di Cheras. Kedua-dua institusi ini dapat menampung sebanyak 450 pelatih pada sesuatu ketika.

Latihan diberi dalam bidang perisian komputer bersesuaian dengan keperluan dan kehendak pembangunan negara pada masa kini, kesetiausahaan, pembaikan dan penyelenggaraan komputer, elektronik, rekaan dan fesyen. Banyak daripada kalangan pelatih ini yang telah dapat memulakan perniagaan masing-masing setelah tamat latihan ini. Ada juga yang dapat bekerja dengan syarikat-syarikat swasta. Tegasnya, kerajaan amat prihatin terhadap golongan istimewa serta sentiasa memastikan mereka menerima kemudahan yang disediakan oleh kerajaan sekali gus mendapat pembelaan yang sama rata.

Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan tersebut jelas menunjukkan bahawa dalam kehairahan menjelaki alaf baru, golongan istimewa di negara ini tidak pernah disisihkan dalam setiap agenda pembangunan negara. Sesuai dengan matlamat Wawasan 2020, iaitu membentuk sebuah masyarakat yang makmur tanpa mengira kedudukan mereka, golongan ini terus mendapat peluang bagi membina masa depan yang lebih gemilang. Hal ini kerana setiap individu yang mendiami negara ini dianggap mempunyai hak yang sama untuk menikmati segala peluang dan kemakmuran negara. Di samping itu, masyarakat juga perlu mengikis sikap kurang yakin terhadap keupayaan golongan istimewa untuk melaksanakan tugas yang lebih mencabar.

Rencana
Umum



Usaha Mensifarkan Nahas Jalan Raya

Sikap pemandu yang tidak mematuhi undang-undang jalan raya dan tidak mempedulikan kenderaan lain merupakan punca meningkatnya kemalangan.

Oleh HAJI SAMAT BUANG
Foto Koleksi KKS

Pendahuluan

ISU nahas atau kemalangan dan kematian di jalan raya sudah menjadi masalah negara yang sering menghantui kita setiap hari. Kemalangan jalan raya yang banyak berlaku pada musim perayaan khususnya bukan sahaja satu kerugian kepada keluarga mangsa dan rakan-rakannya, tetapi kerugian modal insan yang besar kepada negara. Setiap nyawa yang hilang akibat kemalangan jalan raya merupakan kerugian kepada negara kerana banyak wang dan perbelanjaan telah dikeluarkan ke atas mereka bagi tujuan persekolahan, peperiksaan serta latihan pekerjaan.

Sebenarnya pelbagai modus operandi telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya khususnya pada musim perayaan. Ops Pacak, Ops Sikap, Ops Statik, penggunaan helikopter untuk memantau pergerakan kenderaan, pengedaran poster, kempen kesedaran dan termasuk penguatkuasaan dijalankan merupakan antara prakarsa kerajaan untuk memastikan rakyat Malaysia sentiasa selamat ketika berada di jalan raya.

Ops Sikap yang telah diadakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini misalnya lebih menumpukan kepada sikap pengguna jalan raya yang menjadi faktor kemalangan dan peningkatan kadar kematian di jalan raya terutamanya pada musim perayaan. Namun, apa yang dilihat ialah masih banyak jumlah kemalangan dicatatkan dan nahas jalan raya kini menjadi ancaman nombor satu di Malaysia yang semakin menggawatkan lebih-lebih

lagi dengan penambahan jumlah kenderaan saban tahun. Angka kematian bukan sahaja tidak pernah menurun malah pemandu-pemandu semakin rakus menjadikan jalan raya sebagai tempat untuk berlumba, selain mengambil kesempatan menguji kemampuan kenderaan masing-masing memecut.

Usaha mensifarkan kemalangan jalan raya bukanlah impian pihak kerajaan semata-mata. "Tiada apa yang mustahil di dalam dunia ini." Pepatah Melayu ini sangat sinonim dengan sesiapa sahaja yang bertekad untuk melakukan sesuatu di luar jangkaan. Hal ini juga seolah-olahnya merupakan kenyataan beraramar bawah sekiranya seseorang mahukan sesuatu, mereka akan melakukan apa-apa sahaja. Manusia, sekiranya dalam keadaan terpaksa boleh melakukan sesuatu yang luar biasa. Perdana Menteri, Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tiada mahu langsung kemalangan jalan raya pada musim perayaan walaupun ramai menganggapnya mustahil. Menurutnya, keadaan "nahas sifar" ini boleh dicapai kerana kajian menunjukkan kebanyakannya kemalangan jalan raya disebabkan oleh faktor manusia dan bukannya faktor kenderaan atau jalan tidak elok. Memang Ops Sikap itu membantu kerana tanpa Ops Sikap, kita tidak dapat membayangkan betapa banyak lagi yang akan mati di atas jalan raya. Persoalannya takkan sehingga kita terpaksa mengharapkan Ops Sikap sepanjang tahun, tetapi pemandu itu sendiri tidak mahu mengubah sikap mereka sendiri. Slogan "Anda Mampu Mengubahnya" memang tepat sebagai peringatan kepada semua pengguna jalan raya.

Menara tinjau polis

Enam belas menara pemerhati polis beroperasi di seluruh negara bermula penghujung Jun tahun ini dalam usaha pihak berkuasa untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya terutama kemalangan maut. Dengan kehadiran polis trafik yang dapat dilihat dari jarak jauh oleh pengguna jalan raya di semua menara berkenaan akan memberi kesedaran dan mengingatkan pengguna supaya memandu dengan lebih berhemah dan bertimbang rasa.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan berkata, tiga buah menara itu yang dibina oleh Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) Berhad sebelum ini telah terbukti

berkesan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Berdasarkan itu, cawangan trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM) memanangkan idea pembinaannya yang dicetuskan Perdana Menteri dan diluluskan Kabinet ke jalan persekutuan berdasarkan statistik kadar kemalangan yang agak tinggi di situ. Senarai lokasi menara pemerhati polis selain di Ayer Keroh ialah di Km. 33 Jalan Kuala Terengganu-Kuantan, Km. 81 Jalan Jerangau-Jabor, Km. 51 Jalan Alor Star-Butterworth, Km. 85.5 Jalan Kuala Lumpur-Ipoh, Km. 29.3 Jalan Klang-Teluk Intan, Km. 15 Jalan Tampin-Segamat, Km. 36 Jalan Kuantan-Kemaman, Seksyen 57 Jalan Kota Tinggi-Sungai Rengit, Km. 184 Jalan Johor Baharu-Seremban, Km. 83

yang lebih diberikan kepada penunggang dan pembonceng motosikal kerana peratusnya sangat tinggi, iaitu sebanyak 60 peratus daripada keseluruhan jumlah kes kemalangan yang direkodkan. Lantaran itu, pihak kerajaan akan membina lorong khas motosikal di jalan-jalan Persekutuan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang banyak melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, projek yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun itu membabitkan pembinaan lorong motosikal sejauh 323 kilometer dengan kos kira-kira RM140 juta. Projek ini akan



Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PPKJR) dapat membantu memberi kesedaran dan pandu arah untuk menjadi pemandu yang berhemah di peringkat yang lebih awal lagi.

Jalan Gua Musang-Kuala Krai, Km. 62 Jalan Gua Musang-Kuala Krai, Jelutong Expressway; Km. 40 Jalan Sibu-Bintulu, Km. 30 Jalan Kuching-Serian, dan Km. 4.8 Jalan Tuaran, Sabah.

Laluan motosikal di seluruh negara

Tidak dinafikan bahawa setiap kali Ops Sikap diadakan, tumpuan

dibina di jalan-jalan Persekutuan, iaitu jalan raya yang dibina dan diselenggarakan oleh Kerajaan Persekutuan. Tumpuan projek pembinaan lorong khas itu akan diberikan kepada jalan raya yang dikenal pasti sebagai kawasan sering berlaku kemalangan.

Perangkaan nahas jalan raya pada tahun lepas menunjukkan sebanyak 3,693 penunggang dan pembonceng motosikal meninggal dunia dengan jumlah kes kematian paling tinggi berlaku di jalan-jalan Persekutuan, iaitu sebanyak 1,316 kes. Kerajaan yakin dengan adanya lorong khas itu dapat mengurangkan kadar nahas di negara ini khususnya kes-kes kemalangan maut.



Hotline.....1-800-88-4774
SMS.....33238 atau 33ADU
Faks.....03-8888 6681
E-mel.....adudisiplin@moe.gov.my

Rencana Umum

Pelbagai program pendidikan

Selain usaha pihak kerajaan mengkang kemalangan jalan raya, langkah yang paling tepat untuk dilaksanakan ialah melalui pendidikan. Tidak ada yang tidak kena dengan kempen atau ops yang dilancarkan setakat ini, cuma pemandu di Malaysia ini perlu diberikan pendidikan, barangkali seawal mungkin. Melalui pendidikan sahaja, sikap pemandu di Malaysia ini berupaya diperbetul.

Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PPKJR) yang telah diperkenalkan di 7,601 sekolah rendah terpilih akan dapat membantu memberi kesedaran dan pandu arah untuk menjadi pemandu yang berhemah di peringkat yang lebih awal lagi. Begitu juga dengan terlaksanya program keselamatan jalan raya melalui komuniti yang membabitkan majikan, pemimpin, ahli politik, ketua agama, pendidik,

badan profesional, sukarelawan dan belia juga diharapkan akan menjadi pemangkin bagi merealisasikan hasrat murni kerajaan dan seluruh warganegara.

Analisis dalam beberapa Ops Sikap sebelum ini mendapati, sikap pemandu yang tidak mematuhi undang-undang jalan raya dan tidak mempedulikan kenderaan lain merupakan punca peningkatan kemalangan. Dengan kata lain, pemandu secara umumnya hanya mematuhi peraturan atau bersikap hipokrit apabila ada kelibat polis dan bukan kerana sikap untuk keselamatan jalan raya. Peraturan jalan raya sepaututnya dipatuhi atas dasar sedar tentang kebaikannya dan bukan takut daripada disaman pihak berkuasa.

Sebenarnya, kesediaan untuk mematuhi peraturan, arahan, dan barisan tidak memerlukan kita berpendidikan tinggi dan tidak pula menjatuhkan apa-apa juga nilai baik yang ada dalam diri kita. Kempen

Keselamatan Jalan Raya bukanlah untuk menyusahkan, tetapi memberi faedah kepada pengguna. Segala peraturan jalan raya, serta papan-papan tanda amaran adalah sebagai panduan bagi memelihara keselamatan jalan raya untuk semua pemandu.

Menghidupkan kembali 'demerit' pesalah jalan raya

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan baru-baru ini mahu kaedah pemberian mata 'demerit' kepada pesalah jalan raya dihidupkan semula bagi memastikan pemandu kenderaan yang banyak menerima saman disenaraihitamkan. Sistem tersebut berupaya beroperasi dengan baik sekiranya diselenggarakan dengan betul. Malah, kaedah pemberian mata 'demerit' itu mampu mengurangkan masalah kemalangan jalan raya kerana lesen pemandu yang kerap melakukan kesalahan jalan raya



Kemalangan jalan raya bukan sahaja mengakibatkan kehilangan nyawa tetapi kerugian modal insan yang besar kepada negara.

tidak dibenarkan diperbaharui.

Pada awal tahun ini, PDRM meminta supaya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menghidupkan kembali kaedah pemberian mata "demerit" kepada pesalah jalan raya bagi membendung jumlah kemalangan maut yang semakin serius sehingga mencécah 6,000 kematiian setiap tahun dan mengakibatkan negara kerugian kira-kira RM9 bilion setiap tahun. Ketua Trafik Pasukan Bukit Aman ketika itu, Senior Asisten Komisioner (SAC) II Nooryah Md. Anvar memberitahu, sistem pemberian mata demerit bagi setiap kesalahan jalan raya yang dilakukan oleh pemandu itu terbukti mampu mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya.

Melalui kaedah yang diperkenalkan di bawah Sistem Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) pada 1997 itu, rekod pesalah diwujudkan melalui notis saman berkaitan dengan kesalahan terjadual dan mata 'demerit' akan dikira. Selagi JPJ tidak menghidupkan semula sistem itu, pihaknya tidak dapat menguatkuasakan penggunaan kaedah berkenaan yang dilihat sebagai kaedah terbaik menangani masalah peningkatan kemalangan jalan raya. Menurutnya di Paris, jumlah kematiian akibat kemalangan hanya 50 orang setahun dan hal ini amat memerlukatkan, serta terbukti sistem demerit berkesan dalam mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya.

Pemasangan Kamera Sistem Penguatkuasaan Autotmatik

Kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang antaranya berfungsi sebagai perangkap had laju dan merakam pelbagai kesalahan trafik akan dipasang di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan dan sekitar Kuala Lumpur, serta Shah Alam. Pemasangan kamera itu yang akan dilaksanakan dalam tiga fasa sehingga 2010. Di bawah fasa pertama dan kedua,

Jadual A

Perbandingan Jumlah Kematiian Antara Negeri Bagi Tahun 2006 dan 2007 (Jan-Jun)

Negeri	2006	2006 (Jan-Jun)	2007 (Jan-Jun)	Perbezaan	%
Perlis	63	27	21	-6	-22.2
Kedah	494	235	239	4	1.7
P.Pinang	381	182	178	-4	-2.2
Perak	726	377	370	-7	-1.9
Selangor	1050	549	497	-52	-9.5
K.Lumpur	255	127	107	-20	-15.7
N.Sembilan	337	177	165	-12	-6.8
Melaka	232	121	103	-18	-14.9
Johor	1017	502	502	0	0.0
Pahang	451	242	210	-32	-13.2
Kelantan	331	148	170	22	14.9
Terengganu	307	144	144	0	0.0
Sabah	296	145	152	7	4.8
Sarawak	347	161	157	-4	-2.5
Jumlah	6,287	3,137	3,015	-122	-3.9

Sumber : PDRM



Pelbagai pihak tampil untuk bersama-sama membantu kempen kesedaran mensifarkan kemalangan terutama pada musim perayaan.

Unit Kamera Pengawasan Bergerak telah diwujudkan untuk memantau pemandu dan pengguna jalan raya yang memandu dengan laju dan tidak mematuhi lampu isyarat. Di bawah fasa ketiga, kamera pengawasan akan mengawasi aspek kesalahan lalu lintas yang lain seperti memotong di garisan berkembar dan menggunakan lorong kecemasan.

Pemasangan sistem yang dilaksanakan oleh JPJ itu bertujuan memastikan pengguna jalan raya sentiasa mematuhi undang-undang

lalu lintas dan sebagai bukti pendakwaan. AES ialah antara empat projek yang dicadangkan Kementerian itu di bawah Pelan Induk Keselamatan Jalan Raya selama lima tahun (2006-2010). Projek lain pula membabitkan program dalam pendidikan, penguatkuasaan, kejuruteraan, dan perlindungan alam sekitar.

Pengarah Penguat Kuasa JPJ, Salim Parlan berkata, beberapa kawasan dipilih untuk fasa pertama AES sebelum diperluas ke seluruh negara. Fasa pertama AES akan

FOKUS

Oleh: HJ. SAMAT B. BUANG

Kepentingan Memelihara Bangunan Warisan

Peninggalan sejarah dan warisan merupakan aset yang mesti dipertahankan dan dijaga dengan baik agar dapat dijadikan sumber rujukan, serta tatapan kepada generasi akan datang.



Pendakian

Tada siapa dapat menafikan betapa kaya negara kita, Malaysia dengan peringgalan warisan sejarah yang tidak ternilai harganya. Hal ini demikian kerana di sini tersimpan pelbagai cerita sejarah dan pelbagai warna yang cukup menarik terutama mereka yang berminat terhadap peringgalan sejarah zaman penjajahan. Dengan kata lain, mereka yang berkunjung ke sini pasti akan terasa suasana bersejarahnya terutama apabila melihat bangunan-bangunan lama serta landskap di setiap negeri. Sekadar menyebut beberapa tempat bersejarah di sini ialah Bangunan Stadthuys di Melaka, Istana Lama Seri Menanti di Negeri Sembilan, Masjid Jamek Kuala Lumpur, Lebuh Acheh dan Masjid Melayu Lebuh Acheh di Pulau Pinang, Istana Negara dan Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur, dan banyak lagi yang masih tersergam kukuh dan ada pula yang menunggu saat-saat keruntuhannya. Kesemua bangunan warisan tersebut perlu dipulihkan kerana mempunyai nilai sejarah yang tinggi, sekali gus memastikan keaslian, integriti yang meliputi warisan ketara seperti bangunan, monumen, serta warisan kebudayaan tak ketara terus terpelihara.

Aset yang Mesti Dipertahankan

Peringgalan sejarah dan warisan merupakan aset yang mesti dipertahankan dan dijaga dengan baik agar dapat dijadikan sumber rujukan, serta tatapan kepada generasi akan datang, di samping mampu menarik pelancong ke negara ini. Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah dan tindakan telah diambil oleh kerajaan pusat dan negeri dalam memastikan proses pemuliharaan tinggalan bersejarah ini diteruskan untuk dikekalkan. Malah, baru-baru ini bandaraya Georgetown dan Bandaraya Melaka Bersejarah turut disenaraikan sebagai dua



• Masjid Zahir di Alor Setar, Kedah

lagi Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO). Jika kita menelusur lembaran sejarah, keistimewaan Melaka dan Georgetown kerana lokasinya terletak di perairan Selat Melaka. Selat itu menjadi laluan pedagang yang penting suatu ketika dulu. Kedua-dua bandar itu memaparkan satu contoh luar biasa penempatan pedagang sebagai pusat perdagangan antarabangsa dan pertembungan agama dan budaya melebihi 500 tahun lamanya. Selain itu, ia juga mencerminkan kedatangan bersama-sama elemen budaya dari luar kepulauan Melayu seperti China, India, Arab, dan Eropah.

Mereka membentuk satu bentuk negara bangsa, selain menghasilkan keunikan seni bina bangunan. Sebagai rakyat Malaysia, pengiktirafan ini menggembirakan kita kerana mencatat sejarah sebagai yang pertama untuk kategori tapak warisan. Sebelum ini dunia sudah mengiktiraf Taman Negara Mulu, Sarawak dan Taman Negara Kinabalu, Sabah untuk kategori alam semula jadi. Pengiktirafan ini penting kerana dapat memperkenalkan kepada dunia bahawa negara mempunyai khazanah warisan bertaraf dunia serta sebahagian daripada khazanah dunia yang perlu dikekalkan untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Pemuliharaan Bangunan Lama

Pemuliharaan bangunan lama merupakan suatu perkara yang baharu bagi sesetengah masyarakat Malaysia dewasa ini. Di bandar-bandar besar seperti Georgetown, Melaka, Taiping, Kota Bharu, Kuching, dan Kuala Lumpur, pelbagai usaha pemuliharaan bangunan telah diambil oleh pihak awam dan swasta. Hal ini demikian bagi memastikan bangunan-bangunan lama yang mempunyai warisan sejarah, seni bina, dan budaya dapat dipelihara dan dikekalkan untuk tatapan generasi masa kini dan akan datang. Bangunan-bangunan warisan ini sememangnya wajar dijaga dan dipantau dengan baik bagi mengekalkan keasliannya.


Informasi Terkini Siswa

agar tidak rosak dan pupus begitu sahaja. Selain itu, perlu ada penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan bagi mengekalkan bangunan-bangunan sebegitu dan langkah yang diambil tidak kira sama ada organisasi swasta mahupun badan bukan kerajaan (NGO).

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) sebelum ini sentiasa membuat pemeriksaan berkala terhadap semua bangunan yang dilisytiharkan sebagai bangunan warisan kebangsaan di seluruh negara bagi memastikan kesemuanya 50 bangunan terbabit diurus dan dijaga dengan baik. Pegawai-pegawai Jabatan Warisan Kebangsaan di bawah KeKKWa diberi surat kuasa mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 untuk membolehkan mereka membuat pemeriksaan itu bagi memastikan semua bangunan berkenaan tidak menerima nasib seperti bangunan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang kini dikatakan terbiar.

Lokasi Profileman

Bangunan-bangunan bersejarah juga penting dalam industri profileman. Hal ini demikian kerana kejayaan sebuah filem banyak bergantung pada latar tempatnya. Untuk membuat filem berunsur sejarah, lokasi penggambarannya sudah pasti di sekitar bangunan-bangunan bersejarah. Filem berkenaan akan menjadi lebih realistik dan menarik jika bangunan bersejarah yang sebenar digunakan. Hal ini dibuktikan oleh syarikat-syarikat profileman asing yang banyak mengadakan penggambaran di Malaysia. Contohnya, filem *Police Story III* oleh Jackie Chan yang membuat penggambaran di Kuala Lumpur dengan berlatarbelakangkan Bangunan Mahkamah dan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur. Pemberian anugerah Datuk kepada pelakon Dilwale Dulhania Le Jayenge itu juga sememangnya wajar kerana aktor kakak itu bukan pertama kali datang ke negara ini bagi menjalani penggambaran filem-filem lakonannya. Malah, selain Melaka, Shah Rukh Khan juga sebelum ini pernah memiliki Kuala Lumpur City Centre (KLCC) sebagai lokasi penggambaran filem lakonannya. Secara tidak langsung, beliau bukan sahaja turut mempromosikan tempat-tempat bersejarah



• Bangunan Christchurch, Melaka.



• Bangunan Sultan Abdul Samad

di Melaka, tetapi secara tidak langsung Malaysia menjadi tersohor di seluruh dunia. Hal ini membuktikan kepentingan bangunan bersejarah kepada kita khususnya dalam mewarnai industri perfilman.

Daya Tarikan Pelancong

Selain itu, bangunan warisan turut berfungsi sebagai daya tarikan sektor pelancongan terutama bagi pelancong yang mahu melihat secara dekat kesan tinggalan sejarah semenjak zaman penjajahan dahulu. Di negara kita, banyak terdapat bangunan bersejarah yang masih kukuh dan sering menarik perhatian sama ada para pelancong dari dalam atau luar negara. Hal ini demikian kerana kebanyakan bangunan bersejarah merupakan tinggalan sejak zaman penjajah. Antara bangunan bersejarah yang sering menjadi kunjungan pelancong ialah Kota A Famosa dan bangunan Stadthuys di Melaka, bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur, dan Kota Belanda di Pulau Pangkor, dan lain-lain lagi. Bangunan-bangunan ini bukan sahaja mempunyai nilai-nilai budaya dan kesenianya yang tersendiri malah merakamkan sejarah penting negara. Sebagai contoh, bangunan Carcosa dan King's House (Seri Negara) di Kuala Lumpur yang merupakan kediaman rasmi Residen General Inggeris Pertama bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Sir Frank Swettenham. Bercirikan seni bina Tudor, bangunan ini berfungsi sebagai kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Malaysia sehingga diserahkan semula secara rasmi kepada kerajaan Malaysia pada 31 Julai 1986. Bangunan ini juga telah menyaksikan satu peristiwa penting sejarah negara, iaitu Majlis Menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu antara Raja-Raja Melayu dan Kerajaan Inggeris yang diwakili oleh Sir Donald Mac Gillivray pada 5 Ogos 1957. Kini, bangunan ini dikenali sebagai Seri Negara.

Nilai Seni dan Estetika

Satu daripada kepentingan mengekalkan bangunan bersejarah di negara ini kerana bangunan tersebut mempunyai nilai seni dan estetika. Bangunan-bangunan ini biasanya mempunyai nilai seni bina yang halus dan bercorakkan budaya bangsa. Sebagaimana

contohnya, ukiran pada dinding kayu rumah Melayu tradisional adalah cantik dan harmoni. Dari sini, kita dapat menghayati kehalusan dan kreativiti seni bina bangsa kita pada masa silam. Ukiran pada dinding batu dan kayu dalam bangunan bersejarah memaparkan corak budaya masa silam. Hal ini membolehkan kita menghayati keistimewaan budaya kita. Sebagai contoh, Istana Lama Seri Menanti di Negeri Sembilan merupakan satu-satunya istana yang unik diperbuat daripada kayu. Keunikan istana ini ialah tidak menggunakan sebarang paku besi tetapi pakunya diperbuat daripada kayu yang dipanggil pasak. Istana setinggi empat tingkat ini mempunyai 99 batang tiang termasuk empat batang tiang seri yang panjangnya 67 kaki. Keempat-empat tiang ini telah diambil dari Bukit Pergai, Jelebu. Kayu-kayu lain diambil dari Bukit Tinggi iaitu jenis kayu penak. Istana ini telah digunakan untuk upacara mengadap yang diadakan tiga tahun sekali. Dibina pada 1902 dan siap pada tahun 1908 kerana Istana Pulih telah dibakar oleh askar-askar Inggeris semasa mengejar Yamtuan Antah ketika berlakunya perperangan Bukit Putus. Istiadat perasmian istana ini telah dilakukan oleh DYMM Yang di-Pertuan Muhammad Ibni Almarhum Yamtuan Antah. Baginda telah bersemayam di istana ini sehingga tahun 1931 dan baginda berpindah pulang ke istana baru yang dibina berhampiran dengan istana lama. Atas kesedaran DYMM Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, istana ini dengan rasminya diwartakan sebagai "Muzium Diraja" di bawah pentadbiran Lembaga Muzium Negeri, Negeri Sembilan.



• Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan

Kesimpulan

Secara tuntas, kerjasama daripada semua pihak diperlukan bagi memelihara dan memulihara bangunan warisan yang mempunyai signifikan dan nilai yang sangat berharga. Usaha-usaha memulihara bangunan bersejarah diharapkan dapat dilaksanakan secara berterusan agar tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas sebagai bahan tatapan dan rujukan sejarah masa lalu buat generasi yang akan datang. **eos**

Khas

oleh RIDZUAN KAMIS


Kerelevan Sejarah

SEJARAH merupakan mata pelajaran yang dianggap membosankan oleh sebilangan pelajar pada peringkat menengah atau universiti. Bagi mereka, mata pelajaran sejarah hanya peristiwa lama dan lapuk yang boleh difahami hanya dengan hanya membaca dan menelaah buku. Oleh sebab itu, mereka menghukum mata pelajaran sejarah sebagai tidak mencabar berbanding mata pelajaran sains dan matematik yang bersifat dinamik dan mencabar minde serta pemahaman moden. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan ada juga pelajar yang terlalu berminat dan ghairah dengan mata pelajaran sejarah yang merangkumi banyak cabang ilmu yang boleh diterokai. Sejarah, jika dilihat dari aspek ilmiah, amat penting dan relevan untuk dipelajari buat selama-lamanya.

Terdapat pelbagai tafsiran dan definisi sejarah. Menurut Kamus Dewan, sejarah bermaksud asal-usul, salasilah, peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lampau, kisah, riwayat dan tambo. Sejarah dijelaskan sebagai ilmu kajian atau pengetahuan mengenai peristiwa yang telah lalu atau tawarikh.

Sejarah berasal daripada perkataan Arab, iaitu *syajaratun* yang bermakna pohon atau pokok, salasilah atau keturunan. Dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *history*, berasal daripada perkataan *historia* yang bermaksud penyelidikan, penyiasatan atau pertanyaan. Menurut Herodotus (Bapa Sejarah), sejarah bermakna penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab manusia melakukan tindakan tersebut. Ibn Khaldun pula menyatakan, sejarah membicarakan tentang masyarakat manusia atau peradaban manusia, dan perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Muhd. Yusof Ibrahim pula memberikan pengertian sejarah sebagai catatan peristiwa masa lalu yang dicatat atau direkodkan, peristiwa hasil tindak-tanduk atau aktiviti manusia.

Pada umumnya, cabang sejarah dapat dikategorikan kepada tiga, iaitu yang bersifat tematik, paradigmatic dan geografikal, yang dalamnya merangkumi sejarah politik, sejarah sosial, sejarah ekonomi, sejarah kebudayaan, sejarah pemikiran, sejarah agama, sejarah dunia, sejarah wilayah, sejarah negara, sejarah tempatan, falsafah sejarah, sosiologi sejarah, dan psikologi sejarah.



Bangunan sejarah sebagai sumber sejarah.



Surat dan dokumen lama menarik untuk dikaji.

Sejarah memberikan pengetahuan, mempunyai perasaan, terkandung jasa dan bakti, tersirat wawasan serta adanya unsur pengajaran dan nilai yang amat berguna kepada generasi baharu. Maka, tidak dapat dinafikan sejarah amat relevan dipelajari tanpa had dan sekatan kenegaraan atau kemanusiaan.

Mempelajari sejarah bermakna mendukung dan membentuk keperibadian sesebuah masyarakat supaya mengenali dan memahami sejarah bangsanya dan bangsa orang lain. Secara tidak sedar, perasaan jati diri sesebuah bangsa akan wujud. Misalnya, sejarah kemerdekaan negara yang dicapai pada 31 Ogos 1957. Perasaan jati diri untuk mempertahankan negara bertambah utuh, kuat, padu dan bersemangat waja.

Sejarah perlu dipelajari secara berterusan kerana dapat membentuk keperibadian bangsa yang berjaya. Contoh yang jelas dapat digambarkan ialah kejayaan dan kegemilangan sejarah Islam semasa pemerintahan Zaman Khulafa' Al-Rasyidin yang bermula sekitar tahun 632 Masihi hingga 661 Masihi. Kegemilangan pemerintahan Khulafa' Al-Rasyidin yang bermula daripada Saidina Abu Bakar Al-Siddiq, Saidina Umar bin Al-Khattab, Saidina Uthman bin Affan dan Saidina Ali bin Abi Talib, membuktikan keperibadian bangsa Arab pada ketika itu begitu gemilang dan berjaya hasil daripada pelaksanaan sistem pemerintahan Islam. Majlis Syura yang diperkenalkan oleh Nabi

Khas

Muhammad SAW diteruskan pada zaman Khulafa' Al-Rasyidin sehingga pemerintahan dan keperibadian bangsanya dijulang.

Sejarah juga dipelajari agar generasi muda lebih menghargai jasa dan bakti perjuangan hasil sumbangan tokoh pada zaman terdahulu. Misalnya, perjuangan tokoh tempatan, seperti Tok Jangut, Datuk Bahaman, Mat Kilau, Dato' Maharajalela, dan Mat Saleh wajar dihargai atas jasa dan sumbangan mereka menjadi pejuang yang berani ketika zaman penjajahan British di Tanah Melayu. Hasil kemerdekaan negara kita juga wajar dihargai kerana sumbangan tokoh kemerdekaan, seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Dr. Ismail, Tun H.S. Lee dan Tun Abdul Razak yang melaksanakan tanggungjawab perundingan dengan pihak British untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

Belajar sejarah juga amat relevan sepanjang masa kerana sejarah menjadi panduan untuk masa hadapan dan menjadi pengajaran yang berguna untuk generasi kini dan akan datang. Contohnya, semasa pemerintahan zaman Kesultanan Melaka, perbalahan antara pembesar negeri mencetuskan situasi pemerintahan yang kucar-kacir. Tragedi pembunuhan Tun Besar (anak Bendahara Tun Perak) oleh Raja Muhammad dalam kejadian yang tidak disangka sama sekali menjadi sejarah yang lama tetapi boleh dijadikan iktibar dan pengajaran yang amat berguna buat generasi kini. Moralnya, walaupun kita berkuasa, tidak semestinya kita boleh berbuat sesuka hati.

Sejarah juga relevan untuk dipelajari kerana dengan sejarahlah dapat ditentukan warisan yang melambangkan tamadun sesebuah bangsa. Contohnya, Tamadun Islam yang banyak meninggalkan warisan, seperti kraf tangan, tulisan khat, seni bina Islam, syair Islam yang melambangkan ketamadunan yang tinggi dan terpuji. Tamadun Islam berkembang sejak Nabi Muhammad SAW diutuskan sehingga Islam terus berkembang hingga kini. Sesuitu bangsa yang tidak tahu sejarahnya atau tidak mempunyai warisan dan tamadun akan menjadi masyarakat yang terumbang-ambil.

Ilmu sejarah dapat memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan masyarakat. Hal ini dibuktikan semasa Gerakan Islah di Tanah Melayu yang mempengaruhi


golongan Kaum Muda untuk berjuang menyedarkan orang Melayu kepentingan pendidikan dan ekonomi. Sejarah ini melekat dalam hati anak muda sehingga kini untuk mempertahankan negara daripada diajah semula oleh anasir luar.

Rentetan peristiwa bersejarah, seperti Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan Hari Malaysia pada 16 September 1963, melahirkan dan memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme yang tinggi dan sejati. Daripada semangat patriotisme inilah akan melahirkan semangat perpaduan yang tinggi dalam kalangan masyarakat walaupun hidup dalam kepelbagaian dan kemajmukan kaum. Maka, sejarah mengajar untuk kita menjadi sayang akan negara Malaysia yang bertuah ini.


Tuntasnya, jelas bahawa kerelevan sejarah dalam konteks kehidupan manusia tidak dapat disangkal sampai bila-bila kerana sejarah merupakan peristiwa silam yang banyak meninggalkan kesan positif serta akan dikenang sepanjang zaman. Sejarah mempunyai unsur pengetahuan yang menjadi santapan jiwa kepada manusia. Adakalanya sejarah juga dipelajari untuk membuktikan tuntutan bersejarah, seperti pembuktian pemilikan Pulau Sipadan dan Ligitan yang menjadi hak milik Malaysia.

Sejarah juga relevan dipelajari kerana sejarah mempunyai bukti pencejarahan yang konkret, seperti sumber pertama dan sumber kedua. Sumber sejarah termasuklah artifak, sumber lisan, monumen, batu bersurat, surat perjanjian, dan manuskrip. Sejarah mengajar erti hidup, menjadi lebih arif tentang kehidupan. Sejarah mendidik manusia menjadi lebih mengerti terhadap kemanusiaan. Jelaslah sejarah mengajar kita kerana kita belajar daripada sejarah yang tetap relevan sampai bila-bila. Sesungguhnya, kita belajar daripada sejarah dan sejarah mengajar kita. ☺

Artifikat antara sumber sejarah yang membuktikan kedatangan Islam ke negara ini.




Sumber sejarah ini penting kepada pengkaji sejarah.



8.2.0 MENGARANG DENGAN MENGGUNAKAN PETA MINDA

8.2.1 Peta Minda 1 : TUGAS GURU



8.2.2 Peta Minda 2 : MEMBACA



8.2.3 Peta Minda 3 : SEMANGAT KEJIRANAN



8.2.4. Peta Minda 4 : AMALAN MENABUNG

8.2.5 Peta Minda 5 : MEROKOK

ROKOK




Apakah kesan-kesan jangka panjang?

- Barah (paru-paru, payudara, mulut, tekak, dan usus)
- Penyakit jantung
- Angin Ahmar / Strok
- Penyakit paru-paru (Penyakit lelah, bronkitis)
- Penyakit mulut dan gusi
- Ulser (perut, peptic)
- Osteoporosis
- Kemandulan (tidak boleh hamil)
- Kurang bernafsu dalam perhubungan seks

Merokok juga boleh mencemarkan persekitaran

- Puntung rokok yang dibuang merata-rata boleh mencemarkan persekitaran seperti mengakibatkan longkang tersumbat yang boleh menyebabkan pembiakan nyamuk Aedes
- Menyebabkan pencemaran udara
- Perokok pasif (Menyedut/menghidu asap rokok dari orang lain yang merokok), juga boleh menyebabkan penyakit lelah di kalangan kanak-kanak
- Menyumbang sebanyak 25 peratus kepada kes kebakaran

8.2.6 Peta Minda 6 : SEKOLAH SELAMAT

8.2.7 Peta Minda 7 : Gaya Hidup Sihat

ICT MERAPATKAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN

internet

telefon

televisyen


radio

Dapat mengeratkan hubungan dengan ahli keluarga


Dapat berhubungan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja

Menonton televisyen bersama dengan keluarga

Anak-anak boleh meluahkan perasaan kepada ibu bapa melalui interaksi maya



8.2.8 Peta Minda 8 : PENGARUH LAMAN SOSIAL TERHADAP REMAJA



9.0 KRITERIA PENSKORAN BAHASA MELAYU KERTAS SATU (1103/1)
9.1 KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	KRITERIA
<i>Cemerlang</i> 26-30 (28-30) (26-27)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik • Idea relevan dengan tugasan bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
<i>Baik</i> 20-25 (23-25) (20-22)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tugasan bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.
<i>Memuaskan</i> 15-19 (17-19) (15-16)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tugasan bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
<i>Kurang Memuaskan</i> 10-14 (12-14) (10-11)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih/ kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tugasan bahan rangsangan dan huraianya kurang jelas
<i>Pencapaian Minimum</i> 01-09 (06-09) (01-05)	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tugasan bahan rangsangan

Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran, dan lain-lain.

9.2 KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN B

PERINGKAT	BAHASA	IDEA	PENGOLAHAN
CEMERLANG 80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis Ejaan dan tanda baca betul Laras bahasa sesuai dgn tugasan Penggunaan kosa kata luas dan tepat Penggunaan unsur bahasa bervariasi Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata, atau frasa Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan 	Idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dgn jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai	Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai
KEPUJIAN 66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Ejaan dan tanda baca betul Laras bahasa sesuai dengan tugasan Penggunaan kosa kata luas dan tepat Penggunaan unsur bahasa bervariasi Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata, atau frasa Wacana lengkap & terdapat kesinambungan idea yg jelas antara perenggan 	Idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai	Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai

BAIK 51 – 65 (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai • Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Ejaan dan tanda baca masih betul • Penggunaan kosa kata umum • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi • Gaya bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan • Wacana masih lengkap 	Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai	Pengolahan masih menarik dan pemerengganan masih sesuai
MEMUASKAN 36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad • Ayat kurang gramatis • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan kosa kata umum dan terhad • Laras bahasa kurang sesuai • Wacana masih / kurang lengkap • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan • Wacana masih / kurang lengkap 	Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai	Pengolahan kurang menarik

KURANG MEMUASKAN 21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan kata kurang tepat • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara • Unsur bahasa tidak bervariasi • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang 	Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraihan tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	Pengolahan tidak menarik
PENCAPAIAN MINIMUM 01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai 	Idea bercampur aduk dan huraihan tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	Pengolahan tidak menarik

MUTIARA KATA PILIHAN :

“Kekayaan yang hilang dapat dikejar kembali dengan usaha dan kerja bersungguh-sungguh. Kesihatan yang hilang dapat dikembalikan dengan ubat-ubatan, tetapi waktu yang hilang, sekali hilang akan terus hilang.”

(Marden O. S.)

10.0 RUJUKAN BESTARI
10.1 LAMAN BERMANFAAT

Laman Guru Bahasa Melayu Pahang
<http://abihulwa.blogspot.com>
<http://saujanamata.blogspot.com>
<http://teknikmudahperenggan.blogspot.com>
<http://cikguanda.blogspot.com/>

Laman Bahasa Melayu 1
<http://galusbm1.blogspot.com>
<http://ishakmdshah.blogspot.com>
<http://noorazmanmahat.blogspot.com>
<http://www.bm.cemerlangbm.com>
<http://munsyibm.blogspot.com>
<http://agy7500.blogspot.com>
<http://spmbahasamelayu.blogspot.com/>

Laman Bahasa Melayu 2
<http://bmspm.net>
<http://www.galusbm.blogspot.com>
<http://soalanbm2.blogspot.com/>
<http://cgmoinah.blogspot.com/>
<http://lamanhaha.wordpress.com>
<http://khirkassim.blogspot.com/>

LAMAN KORIDOR ICT

Perikanan	http://agrolink.moa.my
Gaya Hidup Sihat	http://keluarga.net.my
Tuisyen Dalam Talian	http://www.tutor.com.my
Gejala Dadah	http://www.adk.gov.my
Keruntuhan Akhlak Remaja	http://www.kempadu.gov.my
Kepenggunaan	http://www.kpdnhp.gov.my
Kitar Semula	http://www.kpkt.gov.my
Guru	http://www.cikgu.net
Kemalangan Jalan Raya	http://www.rmp.gov.my
Statistik	http://www.statistics.gov.my
Pendidikan	http://www.moe.gov.my

10.2. KERANGKA PENULISAN KARANGAN BAHAGIAN B

ANALISIS SOALAN:			
Tema :			
Format :			
Tugasan :			
PENDAHULUAN:			
Ayat Rangsangan :			
Ayat Keterangan :			
Ayat Arah :			
PERENGGAN ISI :			
Isi	Huraian	Contoh	Peribahasa/ Ungkapan Menarik
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
KESIMPULAN :			
Rumusan Umum :			
Ayat Pandangan :			
Ayat Cadangan :			
Ayat Harapan :			

10.3 TEMA RAMALAN 2012:

- i. Gejala Buli / Ponteng Sekolah
- ii. Rancangan Realiti
- iii. Semangat Kejiranan
- iv. Amalan Menabung
- v. Isu Pekerja Asing / Pendatang Haram Tanpa Izin (PATI)
- vi. Pelestarian Alam Sekitar
- vii. Memelihara Warisan Kebangsaan
- viii. Isu Pelancongan (Pelancongan Domestik / Pelancongan Kesihatan)
- ix. Program Pertukaran Pelajar
- x. Ulasan Drama / Puisi KOMSAS
- xi. Jenayah Siber / Jenayah Antarabangsa
- xii. Isu Pemerdagangan Orang
- xiii. Polisi Sekolah Selamat
- xiv. Amalan Membaca
- xv. Isu Bahasa - Dasar MBMMBI
- xvi. Peranan PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru)
- xvii. Pendidikan Vokasional
- xviii. Isu Keracunan Makanan
- xix. Kemalangan Jalan Raya / Isu Lumba Haram
- xx. Isu Guru
- xxi. Isu Orang Kelainan Upaya (OKU)
- xxii. Dasar 1 Murid 1 Sukan
- xxiii. Telefon Bimbit
- xxiv. Industri Kecil Sederhana / Industri Desa




11.0 GARIS PANDUAN PENANDAAN SKRIP JAWAPAN PELAJAR

11.1 PEMOTONGAN MARKAH

- Ejaan : $\frac{1}{2}$ markah dipotong untuk setiap ejaan yang salah, tetapi tiada pemotongan markah pada kesalahan yang berulang. Pemotongan markah keseluruhan (maksimum) ialah 3 markah sahaja.
- Format : 1 markah dipotong untuk mana-mana format yang tertinggal. Maksimum pemotongan markah format ialah 2 markah sahaja.

11.2 CARA MENULIS MARKAH PADA SKRIP JAWAPAN PELAJAR



11.3 SIMBOL-SIMBOL PENANDAAN SKRIP JAWAPAN CALON

()	=	Kesalahan isi / fakta
_____	=	Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	=	Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	=	kesalahan ejaan yang berulang
○	=	Kesalahan tanda baca

11.4 KARANGAN BERFORMAT BAHASA MELAYU SPM (1103/1)

BIL	JENIS KARANGAN	FORMAT
1	Surat Kiriman Rasmi	Alamat (di sebelah kiri) Menghadap surat Tarikh Tajuk Penutup Tandatangan
2	Surat Kiriman Tidak Rasmi	Alamat (di sebelah kanan) Menghadap surat Tarikh Penutup Tandatangan
3	Rencana	Tajuk Nama Penulis
4	Syarahan/ Ucapan/ Ceramah/ Pidato	Kata menghadap majlis Tuan/puan di tengah-tengah(syarahan/ ucapan/ ceramah/ pidato) Penutup
5	Ulasan Buku	Nama buku Nama pengarang Nama penerbit Nama pengulas
6	Drama	Tajuk drama Watak Latar Dialog
7	Cerpen	Tajuk Cerpen Nama Penulis
8	Wawancara/ Forum	Pengenalan Wawancara/ Forum Bentuk dialog
9	Laporan	Tajuk Nama pelapor
10	Bahas Ala Parlimen	Menghadap majlis Pembentangan kes Kata sapaan (Yang berhormat) Penutup

11.5 SENARAI SEMAK KESEMPURNAAN PENULISAN KARANGAN

Bilangan	Aspek Kesempurnaan	Tandakan (/) Jika Sempurna
1	Nombor Kad Pengenalan	
2	Angka Giliran	
3	Perkara	
4	Nombor Soalan	
5	Ketepatan Soalan (Tema dan Tugasan Soalan)	
6	Format Karangan	
7	Pendahuluan Karangan	
8	3 – 5 Isi Penting	
9	Huraian Isi	
10	Fakta dan Statistik Penting	
11	Kesesuaian Contoh	
12	Penutup Karangan	
13	Jumlah Perkataan	
14	Kesempurnaan Bahasa	
15	Keseimbangan Perenggan	
16	Keluasan dan Ketepatan Perbendaharaan Kata	
17	Keragaman Struktur Ayat	
18	Ejaan	
19	Tanda Baca	
20	Pengolahan	
21	Ungkapan Menarik	
22	Kematangan Fikiran	
23	Tulisan	
24	Nilai Murni	

11.6.1 KESALAHAN EJAAN DALAM PENULISAN KARANGAN

i. Kesalahan Huruf Besar

Salah	Betul
menara berkembar petronas	Menara Berkembar Petronas
dewan bahasa dan pustaka	Dewan Bahasa dan Pustaka

ii. Kesalahan Hukum Keselarasan Vokal Bahasa Melayu

Salah	Betul
menggangu	mengganggu
trampil	terampil
perihatin	prihatin

iii. Ejaan yang Sepatutnya Dieja Terpisah

Salah	Betul
jalanraya	jalan raya
ibubapa	ibu bapa
tunjukajar	tunjuk ajar

iv. Ejaan yang Sepatutnya Dieja Bercantum

Salah	Betul
juru terbang	juruterbang
tata bahasa	tatabahasa
maha siswa	mahasiswa

v. Ejaan Kata Pinjaman daripada Bahasa Inggeris

Salah	Betul
spesis	spesies
displin	disiplin
demotrasи	demonstrasi

vi. Ejaan Kata Pinjaman daripada Bahasa Nusantara

Salah	Betul
pelancung	pelancong
awit	awet
anih	aneh
calun	calon

vii. Penggunaan Tanda Sempang

Salah	Betul
se Malaysia	se-Malaysia
abad ke21	abad ke-21
anti-dadah	antidadah
anti Amerika	anti-Amerika
insya Allah	Insya-Allah
hambaMu / hambamu	hamba-Mu

viii. Ejaan Mengikut Suku Kata pada Hujung Baris

Salah	Betul
kep- ala	kepa- la
kesin- ambungan	kesinam- bungan

ix. Ejaan Menerima Imbuhan Apitan

Salah	Betul
memutar-belitkan	memutarbelitkan
menggembar-gemburkan	menggembargemburkan

x. Kata Depan ‘di’ dan ‘ke’

Salah	Betul
disana	di sana
kekedai	ke kedai

xi. Imbuhan Awalan ‘di’

Salah	Betul
di pukul	dipukul
di makan	dimakan

xii. Menggunakan Huruf Ringkas

Salah	Betul
yg	yang
tlh	telah
drpd	daripada

xiii. Ejaan Kata Pinjaman daripada Bahasa Arab

Salah	Betul
dhaif	daif
Ramadhan	Ramadan
taqwa	takwa
redha	reda

xiv. Huruf Kecil pada Awal Ayat

Salah	Betul
sejak akhir-akhir ini...	sejak akhir-akhir ini...

xv. Penggunaan Sempang pada Kata Majmuk

Salah	Betul
sampah-sarap	sampah sarap
bukit-bukau	bukit bukau

xvi. Penggunaan Kata Majmuk yang Telah Mantap

Salah	Betul
antara bangsa	antarabangsa
beri tahu	beritahu
bumi putera	bumiputera
jawatan kuasa	jawatankuasa
kaki tangan	kakitangan
kerja sama	kerjasama
olah raga	olahraga
mata hari	matahari
setia usaha	setiausaha
suka rela	sukarela
suruhan jaya	suruhanjaya
tanda tangan	tandatangan
tanggung jawab	tanggungjawab
warga negara	warganegara
pesuruh jaya	pesuruhjaya

11.6.2 KESALAHAN IMBUHAN DALAM PENULISAN

i. Perkataan Satu Suku Kata

Salah	Betul
mengsyorkan	mengesyorkan
menghadkan	mengehadkan
mengsahkan	mengesahkan

ii. Imbuhan Awalan

Salah	Betul
menwujudkan	mewujudkan
menganggu	mengganggu
teikut-ikut	terikut-ikut

iii. Imbuhan Akhiran

Salah	Betul
memperolehi	memperoleh
kesyukurkan	kesyukuran

iv. Imbuhan Menggunakan “kk” dalam Ejaan

Salah	Betul
kebanyakkan	kebanyak
mengelakan	mengelakkan

v. Imbuhan Kata Nama Terbitan

Salah	Betul
perlantikan	pelantikan
pelantikkan	pelantikan
pertunjukkan	pertunjukan

vi. Imbuhan yang Melibatkan Kata Adjektif

Salah	Betul
memperindahkan	memperindah
mempeluaskan	mempeluas
memperbesarkan	memperbesar

MUTIARA KATA PILIHAN :

“Orang yang menguasai fikirannya tidak memboroskan waktunya dengan mengelamun, tidak menganggarkan yang bukan-bukan dan mengasihani dirinya sendiri.”

(W.J. Brown)



PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2012



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2½ jam

1103/2

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

**MODUL BAHASA MELAYU 2
JUJ 2012**

Isi Kandungan

1. Format Bahasa Melayu 2 SPM
2. Analisis Soalan SPM 2006 – 2011
3. Tip Pilihan
4. Set Soalan
5. Peraturan Pemarkahan
6. Contoh Jawapan Pelajar

FORMAT PENTAKSIRAN BAHASA MELAYU 2 SPM 2012

SOALAN	JENIS SOALAN	MARKAH	MASA MENJAWAB YANG DICADANGKAN	CATATAN
	<i>Soalan 1</i> Rumusan	30 markah	40 minit	
	<i>Soalan 2</i> <i>Pemahaman</i> (a) Pemahaman petikan umum (b) Pemahaman prosa moden (c) Pemahaman prosa klasik (d) Pemahaman puisi Antologi • Harga Remaja • Dirgahayu Bahasaku	35 markah 9 markah 9 markah 8 markah 9 markah	60 minit 15 minit 15 minit 15 minit 15 minit	2(a) i. Pemahaman Teks (2m) ii. Pemahaman Teks (3m) iii. KBKK (4m) 2(b) i. Pemahaman Teks (2m) ii. KBKK (3m) iii. Komsas (4m) 2(c) i. Pemahaman Teks (2m) ii. Pemahaman Teks (3m) iii. Komsas (3m) 2(d) i. Pemahaman Teks (3m) ii. KBKK (3m) iii. Komsas (3m)
	<i>Soalan 3</i> <i>Tatabahasa</i> (a) Morfologi (b) Sintaksis (c) Kesalahan ejaan dan imbuhan (d) Kesalahan kata/istilah dan bahasa (e) Peribahasa	30 markah 6 markah 6 markah 6 markah 6 markah	30 minit 6 minit 6 minit 6 minit 6 minit	Soalan 3(b) • cakap ajuk dan cakap pindah • pola ayat • jenis ayat • analisis ayat • bentuk ayat • ragam ayat • laras bahasa
	<i>Soalan 4</i> <i>Kajian Novel</i> Renyah Sutera Dalam Lukisan (a) Komsas/KBKK (b) Komsas/KBKK	15 markah 7 markah 8 markah	20 minit 10 minit 10 minit	

FORMAT KERTAS BAHASA MELAYU 2 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

Kertas ini mengandungi empat soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan kertas ini ialah dua jam tiga puluh minit. Markah penuh ialah **110 markah**.

Soalan 1 : Rumusan (30 markah)

- membuat rumusan berdasarkan petikan daripada bahan bacaan umum dalam pelbagai bidang tidak termasuk bentuk penulisan kreatif.
- panjang rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan.
- calon dikehendaki menghasilkan rumusan yang mempunyai pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan.

Soalan 2 : Pemahaman (35 markah)

- menguji kebolehan pelajar memahami dan menghayati pelbagai jenis bahan ilmiah dan sastera.
- terdiri daripada empat bahagian iaitu (a), (b), (c) dan (d)
- soalan 2(a) ialah soalan pemahaman berdasarkan petikan bagi Soalan 1 yang terdiri daripada pelbagai bidang ilmu selain bentuk penulisan kreatif.
- markah yang diperuntukkan ialah 9 markah - 3 soalan (2 pemahaman teks, 1 KBKK)
- soalan 2(b) ialah soalan pemahaman berdasarkan satu petikan genre prosa moden sama ada cerpen atau drama dalam Antologi ‘Harga Remaja’ atau Antologi ‘Dirgahayu Bahasaku’.
- markah yang diperuntukkan ialah 9 markah - 3 soalan (1 pemahaman teks, 1 KBKK, 1 komponen sastera)
- soalan 2(c) ialah soalan pemahaman berdasarkan satu petikan genre prosa klasik dalam Antologi ‘Harga Remaja’ atau Antologi ‘Dirgahayu Bahasaku’
- markah yang diperuntukkan ialah 8 markah - 3 soalan (2 pemahaman teks, 1 KBKK)
- soalan 2(d) ialah soalan pemahaman berdasarkan satu petikan puisi sama ada puisi moden atau tradisional dalam Antologi ‘Harga Remaja’ atau Antologi ‘Dirgahayu Bahasaku’.
- markah yang diperuntukkan ialah 9 markah - 3 soalan (1 pemahaman teks, 1 KBKK, 1 komponen sastera)

Soalan 3 : Pengetahuan Bahasa dan Kemahiran Tatabahasa (30 markah)

- menguji kemahiran pelajar dalam sistem bahasa Melayu dari segi bentuk, makna dan fungsinya.
- terdiri daripada lima bahagian iaitu (a), (b), (c), (d) dan (e) meliputi pengujian dari segi membina ayat, menukar cakap ajuk kepada cakap pindah atau sebaliknya, menggabungkan ayat, menambahkan imbuhan dalam ayat, membetulkan kesalahan ayat, mengenal pasti peribahasa dan kemahiran tatabahasa yang lain.

Soalan 4 : Novel (15 markah)

- menguji kebolehan pelajar memahami dan menghayati genre novel
- terdiri daripada soalan 4(a) dan 4(b)
- soalan-soalan berdasarkan genre novel Komponen Kesusastraan Melayu tingkatan empat dan tingkatan lima
- soalan bersifat umum dan perbandingan
- Jawapan hendaklah berdasarkan novel yang dipelajari

CADANGAN PERUNTUKAN MASA UNTUK MENJAWAB BAHASA MELAYU 2

KERTAS 2	150 minit (2 jam 30 minit)
----------	----------------------------

Soalan 1 : Rumusan teks	30 minit
Soalan 2 : Pemahaman	60 minit
Soalan 3 : Pengetahuan dan kemahiran tatabahasa	30 minit
Soalan 4 : Pemahaman novel	20 minit
Menyemak Jawapan	10 minit

Soalan 1 : Rumusan teks [30 markah]	30 minit
Membaca dan menganalisis soalan	3 minit

Membina pendahuluan	3 minit
Mengenal pasti /menanda isi tersurat	5 minit
Membina isi tersirat	5 minit
Membina kesimpulan	2 minit
Menulis rumusan	10 minit
Menyunting rumusan	2 minit

Soalan 2 : Pemahaman [35 markah]	60 minit
---	----------

2a.	9 markah 15 minit	(i) Pemahaman Teks (ii) Pemahaman Teks (iii) Kem. Berfikir secara Kritis & Kreatif	2 markah 3 markah 4 markah
2b.	9 markah 15 minit	(i) Pemahaman Teks (ii) Kem. Berfikir secara Kritis & Kreatif (iii) Komsas	2 markah 3 markah 4 markah
2c.	8 markah 15 minit	(i) Pemahaman Teks (ii) Pemahaman Teks (iii) Kem. Berfikir secara Kritis & Kreatif	2 markah 3 markah 3 markah
2d.	9 markah 15 minit	(i) Pemahaman Teks (ii) Kem. Berfikir secara Kritis & Kreatif (iii) Komsas	2 markah 3 markah 4 markah

Soalan 3	: Tatabahasa [30 markah]	30 minit
3a.	Morfologi	6 markah
3b.	Sintaksis	6 markah
3c.	Ejaan dan imbuhan	6 markah
3d.	Kata, istilah dan kesalahan tatabahasa	6 markah
3e.	Peribahasa	6 markah
Soalan 4	: Genre Novel [15 markah]	20 minit
4a.	Komsas/ KBKK	7 markah
4b.	Komsas/ KBKK	8 markah



PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2012



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2½ jam

1103/2

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

[ANALISIS SOALAN]

**Analisis Soalan Bahasa Melayu 1103/2 SPM
(Jun/Nov 2006 – 2011)**

Soalan 1 : Rumusan [30 markah]

SPM (Jun) '06

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang **kelebihan kerja berpasukan** dan **cara-cara pemimpin membentuk kerja berpasukan**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

SPM (Nov) '06

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **cara-cara melahirkan masyarakat berbudi bahasa** dan **kesan terhakisnya amalan berbudi bahasa dalam masyarakat**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

SPM (Jun) '07

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan terumbu karang di Malaysia** dan **kaedah pemuliharaannya**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

SPM (Nov) '07

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **tindakan mengatasi masalah disiplin murid di sekolah** dan **kesan masalah itu kepada negara**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

SPM (Jun) '08

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang **faedah-faedah membaca** dan **cara-cara menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

SPM (Nov) '08

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **faedah-faedah penerokaan angkasa lepas** dan **cara-cara untuk menarik minat masyarakat terhadap bidang penerokaan angkasa lepas**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

SPM (Jun) '09

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **punca-punca keracunan makanan** dan **kesan-kesan keracunan makanan**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

SPM (Nov) '09

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan tidur dari segi saintifik** dan **cara-cara mengatasi masalah sukar tidur**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

SPM (Nov) '10

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kebaikan makan coklat** dan **cara-cara memajukan industri coklat**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

SPM (Jun) '10
Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kesan pemanasan global dan sebab-sebab masyarakat kurang mengambil berat terhadap fenomena ini . Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.
SPM (Jun) '11
Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan berpeluh kepada manusia dan cara-cara menggalakkan masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti yang mengeluarkan peluh . Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.
SPM (Nov) '11
Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan bahasa kebangsaan dan masalah-masalah yang dihadapi untuk memperkasakan bahasa kebangsaan . Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

*Nota : Mulai SPM November 2004, Soalan 2a (Petikan Umum) berpandukan petikan bagi Soalan 1 (Rumusan).

ANALISIS SOALAN PEMAHAMAN KOMSAS

Soalan 2(b) : Pemahaman Prosa Moden [9 markah]

Antologi Harga Remaja		Antologi Dirgahayu Bahasaku
Cerpen:		Cerpen:
1. Ibu dan ceper		1. Pahlawan Buntung
2. Memori Seorang Tua		2. Pungut Alias, Zahara Alias, Yap Siew Hong
3. Israk		3. Idola
4. Pemain Catur		4. Penanggungan
5. Mellisa		5. Hutan Rimba
6. Biarkan Samudera		6. Tanggar Amanat
Drama:		Drama:
1. Gelanggang Tuk Wali		1. Tiang Cengal Dinding Sayung
2. Forum Remaja 2020		2. 1400
3. Cempaka Berdarah	Nov '11	3. Dato' Onn

Soalan 2(c) : Pemahaman Prosa Klasik [8 markah]

Antologi Harga Remaja		Antologi Dirgahayu Bahasaku
1. Pelayaran Yang Penuh Peristiwa		1. Hikayat Langlang Buana
2. Merah Silu		2. Hikayat Siak
3. Hikayat Indera Nata		3. Dua Geliga Hikmat
4. Hikayat Khoja Maimun		4. Hikayat Daeng Upu Menambun

Soalan 2(d) : Pemahaman Puisi [9 markah]

Antologi Harga Remaja		Antologi Dirgahayu Bahasaku
Puisi tradisional:		Puisi Tradisional:
1. Pantun Empat Kerat (Budi)		1. Pantun Enam Kerat
2. Pantun Empat Kerat(Jenaka dan Sindiran)		2. Pantun Iapan Kerat
3. Syair Definisi Orang Berakal		3. Syair Makna Riak
4. Syair Siti Sianah		4. Syair Pemberontakan Patani
5. Gurindam 12 Fasal Yang Keenam		5. Gurindam Tonggak Dua Belas
6. Seloka Emak Si Randang		6. Seloka Si Lunchai
Sajak:		Sajak:
1. Harga Remaja		1. Digahayu Bahasaku
2. Di perpustakaan		2. Kecek(V)
3. Mengintai Ruang Insaf		3. Bangkitlah
4. Mahsuri		4. Pasar Perasaan
5. Adat Sezaman		5. Di bawah langit Yang Sama
6. Tiba Waktunya		6. Arkitek Kota

ANALISIS SOALAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA

Soalan 3(a) : Morfologi [6 markah]

1. Kata dasar dan kata Terbitan	Jun '05 Nov '10	8. Kata homofon	
2. Kata banyak makna	Jun '07	9. Kata pinjaman	Jun '06 Jun '10
3. Kata ganda	Nov '09	10. Pasangan kata Homograf	
4. Kata pelbagai imbuhan	Nov '07	11. Pasangan kata homofon	
5. Kata majmuk	Nov '04 Nov '11	12. Pasangan kata imbuhan Sisipin	Nov '06
1. Kata pelbagai imbuhan pinjaman	Nov '05	13. Pasangan kata dasar &kata Ganda	Jun '08
7. Kata homograf	Jun '11	14. Frasa	Nov '08 Jun '09

Soalan 3(b) : Sintaksis [6 markah]

1. Cakap ajuk kepada cakap pindah	Jun '10	7. Cerakinkan ayat	Jun '06 Nov '06
2. Cakap pindah kepada cakap ajuk	Nov '04	8. Menggabungkan ayat	Jun '09 Nov '11
3. Ayat aktif kepada ayat pasif	Nov '07	9. Jenis-jenis ayat	Jun '07 Jun '11
4. Ayat pasif kepada aktif	Nov '05	10. Menganalisis ayat	
5. Susunan biasa kepada songsang	Jun '08	11. Pola Ayat	Nov '08
1. Songsang kepada susunan biasa	Jun '05	12. Subjek dan predikat	Nov '09
7. Ayat penyata kepada ayat tanya	Nov '10		

Soalan 3(e) : Peribahasa [6 markah]

1. Membina ayat	Jun '05 Nov '08	5. Persamaan maksud	
2. Memadankan situasi dengan peribahasa	Nov '04	6. Berlawanan maksud	
1. Memadankan ayat dengan peribahasa	Nov '05 Jun '08	2. Memadankan peribahasa dengan maksud	Jun '07 Nov '11
4. Mengisi tempat kosong	Jun '06 Nov '06 Nov '09 Nov '10	8. Maksud Peribahasa	Nov '07 Jun '09 Jun '10 Jun '11

Soalan 4 : Novel [15 markah]

SPM (Nov)'11

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari,uraikan **perwatakan watak utama** dalam novel tersebut. [7m]
- (b) Jelaskan **dua persoalan** yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari. [8m]



PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2012



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2½ jam

1103/2

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

[TIP DAN PANDUAN]

**TIP DAN PANDUAN MENJAWAB SOALAN BAHASA MELAYU KERTAS
1103/2 SPM**

RUMUSAN

- Baca arahan dan garisi kata kunci/kehendak soalan.
 - Fokus 1 dalam arahan soalan – pendahuluan dan isi tersurat
 - Fokus 2 dalam arahan soalan – isi tersirat
- Cara menulis pendahuluan – mulakan dengan petikan menerangkan/membincangkan – idea keseluruhan daripada petikan (fokus 1 dalam arahan soalan: punca/kesan (positif atau negatif)/ langkah/ peranan/ ciri/ kekangan dan pelengkap yang berupa perkataan atau frasa berdasarkan petikan).
- Pelajar mengenal pasti isi tersurat berdasarkan fokus pertama arahan soalan.
- Cara menulis isi tersurat:- kenal pasti isi penting (garisi) mengikut **kehendak soalan (punca/ kesan/ langkah/ peranan, dsb.)**.
- Pelajar mesti menambah/ menggugurkan/ menggantikan perkataan atau rangkai kata tertentu dalam ayat supaya tidak dianggap menyalin ayat secara bulat-bulat.
- Pastikan pelajar mengenal pasti isi tersirat berdasarkan fokus kedua arahan soalan.
- Isi tersirat tiada dalam petikan. Pelajar perlu mengenal pasti sendiri berdasarkan pengetahuan sedia ada/ KBKK).
- Cara menulis kesimpulan: *Kesimpulannya, (isu) mesti (cadangan) supaya (harapan)*.
- Pelajar mesti mengira jumlah perkataan dan jangan melebihi 120 patah perkataan. Jumlah perkataan mesti ditulis di bawah jawapan pada sudut sebelah kanan.
- Jawapan boleh ditulis dalam empat perenggan.

PEMAHAMAN

2(a) Petikan Umum

(Soalan petikan umum berdasarkan petikan Rumusan)

- Pelajar mesti jelas tentang maksud rangkai kata berdasarkan teks
- Pelajar mesti pelbagaikan kategori jawapan bagi soalan Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK)
- Pastikan pelajar menulis jawapan berpandukan jumlah markah bagi setiap soalan.
- Jawapan bagi soalan KBKK perlu dihuraikan (...**supaya...**) bagi soalan *bagaimana/ cara dan mengapa*.
- Pastikan satu isi ditulis dalam satu ayat sahaja dan ayat perlu lengkap.
- Soalan i dan ii, jawapan berdasarkan petikan teks manakala soalan iii ialah soalan KBKK.
- Guru hendaklah memastikan soalan ceraian (ii) pelajar memperoleh markah kerana jawapannya terdapat secara langsung dalam petikan.
- Isi-isi untuk soalan ceraian (ii) bukan isi-isi yang diguna pakai dalam rumusan tetapi mesti merujuk kepada petikan.

2(b) Petikan Cerpen/Drama

- Pelajar mesti jelas tentang maksud rangkai kata berdasarkan teks
- Pelajar mesti jelas tentang maksud soalan Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK).
- Pelajar mesti memberi contoh yang tepat berdasarkan petikan/ teks (Komsas).
- Semua cerpen dan drama Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 perlu dibaca dan diulang kaji.
- Pastikan pelajar menulis jawapan berpandukan jumlah markah bagi setiap soalan.
- Jawapan bagi soalan KBKK perlu dihuraikan (...**supaya...**) bagi soalan *bagaimana/ cara dan mengapa*
- Jawapan bagi soalan Komsas:
 - tema > perlu ada huraian/ contoh
 - persoalan > perlu ada huraian/ contoh
 - perwatakan > perlu ada contoh
 - latar > perlu ada contoh
 - nilai > perlu ada contoh
 - pengajaran > perlu ada huraian/ contoh
- Pastikan satu isi ditulis dalam satu ayat sahaja.
- Pastikan satu contoh ditulis dalam satu ayat sahaja.
- Soalan i berdasarkan petikan teks, soalan ii soalan KBKK manakala soalan iii ialah soalan Komsas.

2(c) Petikan Prosa Klasik

- Terdapat 3 pecahan soalan iaitu 2 soalan pemahaman teks dan satu soalan KBKK
- Pelajar mesti jelas tentang maksud rangkai kata berdasarkan teks
- Pelajar mesti jelas tentang maksud soalan Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK) dan pelbagaikan kategori jawapan.
- Pastikan pelajar menulis jawapan berpandukan jumlah markah bagi setiap soalan.
- Jawapan bagi soalan KBKK perlu dihuraikan (...supaya...) bagi soalan *bagaimana / cara* dan *mengapa*.
- Pastikan satu isi ditulis dalam satu ayat sahaja.
- Semua cerita klasik Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 perlu dibaca dan diulang kaji.
- Pelajar harus menjawab menggunakan ayat bahasa Melayu baku.
- Soalan i dan ii berdasarkan petikan teks manakala soalan iii ialah soalan KBKK.
- Dalam P&P guru hendaklah menterjemahkan petikan klasik kepada bahasa Melayu baku dan menekan kepada perkataan atau rangkai kata klasik selaras dengan kehendak/fokus soalan SPM.

2(d) Petikan Puisi

- Pelajar mesti jelas tentang maksud rangkai kata berdasarkan teks.
- Pelajar mesti jelas tentang maksud soalan Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK) dan pelbagaikan kategori jawapan
- Pelajar mesti jelas tentang maksud soalan pemahaman Komponen Sastera (Komsas).
- Semua puisi tradisional dan puisi moden Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 perlu dibaca dan diulang kaji.
- Pastikan pelajar menulis jawapan berpandukan jumlah markah bagi setiap soalan
- Jawapan bagi soalan KBKK perlu dihuraikan (...supaya...) bagi soalan *bagaimana/ cara* dan *mengapa*.
- Jawapan bagi soalan Komsas:
 - tema -> perlu ada huraian/contoh
 - persoalan -> perlu ada huraian/contoh
 - perwatakan -> perlu ada contoh
 - latar -> perlu ada contoh
 - nilai -> perlu ada contoh
 - pengajaran -> perlu ada huraian/contoh
- Pastikan satu isi ditulis dalam satu ayat sahaja.
- Pastikan satu contoh ditulis dalam satu ayat sahaja. Soalan i berdasarkan petikan teks, soalan ii soalan KBKK manakala soalan iii ialah soalan Komsas.

PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA

Membina ayat

- Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan digunakan sebagai rujukan utama.
- P & P peringkat awal didahului dengan membincangkan maksud perkataan yang diuji.
- Tidak perlu membina ayat yang meleret atau terlalu panjang (memadai 7 – 12 perkataan sahaja).
- Melatih pelajar membina 2 ayat bagi perkataan berpasangan.
- Perbanyak latihan menggunakan perkataan yang agak sukar dan agak mengelirukan.
- Pembetulan segera (lisan / perbincangan di dalam kelas) terutama berkaitan dengan kesalahan ejaan dan struktur ayat supaya tidak berulang.
- Pendedahan perkataan-perkataan melalui pengajaran, pertandingan silang kata, carta perbendaharaan kata, dan sebagainya.
- Rencamkan latihan membina ayat di dalam kelas.
- Kenal pasti jenis penggolongan kata bagi kata dasar.
- Kenal pasti cara membina ayat dengan menggunakan kata kerja pasif (menggunakan ganti nama diri pertama atau kedua).
- Kenal pasti cara membina ayat dalam bentuk cakap ajuk/ ayat perintah (suruhan: Tolong..., Sila.../ larangan: Jangan...)
- Soalan bahagian ini merangkumi ;
 - Kata dasar dan kata terbitan
 - Kata banyak makna
 - Kata yang hampir sama makna
 - Kata nama
 - Kata kerja
 - Kata adjektif
 - Kata ganda
 - Kata tugas
 - Kata terbitan/pasangan kata terbitan
 - Pasangan kata homografi
 - Pasangan kata dasar dan kata ganda seluruh
 - Pasangan kata ganda dan kata majmuk
 - Pasangan kata dasar dan kata ganda berimbuhan
 - Pasangan kata ganda seluruh dan kata terbitan
 - Pasangan kata dasar dan kata majmuk
 - Pasangan kata homofon
 - Kata pinjaman bahasa Melayu
 - Kata tunggal
 - Kata terbitan
 - Kata majmuk

Menggabung ayat

- Melatih pelajar menggabungkan ayat-ayat mengikut jumlah dalam arahan soalan.
- Melatih pelajar mengenal pasti kelompok idea dalam petikan.
- Mendedahkan kaedah penulisan dan contoh penggunaan kata hubung yang sesuai, penanda wacana dan tanda bacaan untuk menggabungkan ayat-ayat.
- Menggunakan sistem nombor (i., ii., iii., dsb.)
- Jangan tinggalkan isi penting.

Memisahkan ayat / Mencerakinkan ayat

- Tentukan dahulu subjek dan predikat dalam ayat
- Kenal pasti kata hubung yang terdapat dalam ayat berkenaan dengan menggariskan kata hubung berkenaan.
- Bina ayat tunggal baharu yang mempunyai satu subjek dan satu predikat berdasarkan struktur asal dan mengikut susunan.

Cakap ajuk cakap pindah /cakap pindah cakap ajuk

- Membimbing pelajar menggunakan pelbagai pernyataan perasaan dan ragam ayat ketika menukar cakap ajuk kepada cakap pindah (contohnya; menerangkan, menjelaskan, ingin tahu).
- Guru mesti menekankan penggunaan ganti nama diri ketiga saja dalam cakap pindah
- Struktur frasa kerja pasif diri ketiga perlu difahami oleh pelajar.
- Melatih pelajar menuarkan kepada ayat penyata.
- Menjelaskan kepada pelajar perbezaan antara cakap pindah dengan laporan.
- Memastikan pelajar menggunakan teknik dialog/ temu bual ketika menukar cakap pindah kepada cakap ajuk.
- Guru mesti menekankan penggunaan ganti nama diri pertama dan kedua sahaja dalam cakap ajuk.
- Struktur frasa kerja pasif diri pertama dan kedua perlu difahami oleh pelajar.
- Kenal pasti jumlah isi dalam petikan
- Pastikan isi ditulis mengikut urutan.
- Ayat yang ditulis mesti gramatis.
- Tukarkan ayat demi ayat dan bukan berbentuk laporan.

Ayat susunan biasa / ayat songsang

- Ayat susunan biasa ialah ayat yang subjeknya didahulukan daripada predikat
- Ayat songsang ialah ayat yang predikat atau sebahagian daripada unsur predikat dikedepankan.

Ayat aktif / ayat pasif

- Ayat aktif ialah ayat yang meletakkan subjek atau pelakunya pada awal ayat.
- Penanda bagi ayat aktif ialah kata kerja yang menerima imbuhan meN...., meN....i, dan meN....kan.
- Ayat pasif ialah ayat yang objek hadir pada permulaan ayat.
- Penanda bagi ayat pasif ialah kata kerja yang menerima imbuhan di...., di...i, di...kan, ter...., ber..., dan ke...an.
- Bagi ayat pasif, Kata Ganti Nama Diri I dan II hadir di hadapan kata kerja.

Mengesan kesalahan dalam ayat

- Mendedahkan pelbagai kesalahan tatabahasa yang biasa dilakukan oleh pelajar dan masyarakat dalam perbualan sehari-hari.
- Pelajar mesti jelas dan faham tentang punca kesalahan ejaan atau struktur ayat yang berkenaan.
- Jika tidak, umumnya kesalahan yang sama akan berulang.
- Markah yang diperuntukkan boleh dijadikan panduan mengenal pasti bilangan kesalahan.
- Guru dan pelajar menggunakan Tatabahasa Dewan sebagai rujukan asas berhubung dengan hukum tatabahasa.
- Markah yang diperuntukkan boleh dijadikan panduan mengenal pasti bilangan kesalahan dalam ayat.
- Pelajar mesti mempunyai nota tentang kesalahan biasa dalam tatabahasa, bahasa istana yang umum dan gelaran kebesaran / panggilan tokoh dalam masyarakat.

Memberi imbuhan

- Mengenal pasti penggolongan kata dasar.
- Mengetahui konsep awalan, akhiran dan apitan dan makna perkataan yang diimbuhkan.
- Markah yang diperuntukkan boleh dijadikan panduan .
- Mengenal pasti bilangan kata dasar yang terlibat dalam ayat.

Mengenal pasti perkataan tertinggal dalam ayat.

- Mengenal pasti golongan perkataan.
- Markah yang diperuntukkan boleh dijadikan panduan mengenal pasti bilangan perkataan yang perlu ditambah dalam ayat.

Menulis semula ujaran yang tidak gramatis

- Kata singkatan seperti nak, ni, mau dan sebagainya mesti ditulis dalam bentuk bahasa Melayu yang lengkap.
- Kata asing seperti lu, best dan sebagainya perlu ditukar dengan perkataan yang sesuai dalam bahasa Melayu baku.
- Pastikan ayat yang digunakan sesuai sama ada ayat penyata biasa, ayat songsang, ayat pasif, ayat gabungan dan sebagainya mengikut struktur ujaran yang asal.

Analisis Ayat

- Pelajar perlu menganalisis ayat-ayat yang diberi dan menentukan binaan subjek dan predikat ayat berkenaan.
- Apabila pelajar telah dapat membuat pengecaman tentang subjek dan predikat sewaktu latih tubi dijalankan, pelajar didedahkan pula oleh pola ayat.
- Terdapat empat pola ayat dalam bahasa Melayu iaitu:
 - 1) FN + FN
 - 2) FN + FK
 - 3) FN + FA
 - 4) FN + FS
- Sebagai pengukuhan, pelajar dikehendaki membina ayat daripada pola-pola yang ditetapkan.
- Jenis-jenis ayat dalam bahasa Melayu:
 - 1) Ayat Penyata
 - 2) Ayat Tanya:-
 - i. Ayat tanya dengan kata tanya (Apa, mana, siapa, bagaimana, bila, mengapa, dan lain-lain)
Jika gunakan kata tanya pada pangkal ayat, gunakan partikel kah-
 - ii. Ayat tanya tanpa kata tanya – hanya menggunakan tanda tanya
 - 3) Ayat Seruan
 - 4) Ayat Perintah :-
 - i. Ayat suruhan
 - ii. Ayat larangan
 - iii. Ayat permintaan
 - iv. Ayat silaan

- Jenis-jenis ayat majmuk :-

 - 1) Ayat majmuk gabungan
 - petandanya ialah kata hubung gabungan iaitu, dan, atau, lalu, sambil, tetapi, kerana dll
 - 2) Ayat majmuk pancangan
 - Ayat majmuk pancangan-penandanya penggunaan kata hubung pancangan 'yang'
 - Ayat majmuk pancangan komplemen – penandanya penggunaan kata hubung pancangan komplemen 'bahawa' dan 'untuk'
 - Ayat majmuk pancangan keterangan – penandanya penggunaan kata hubung pancangan keterangan seperti supaya, semasa, apabila dll.
 - 3) Ayat majmuk Campuran
 - Dikenali sebagai ayat campuran apabila ayat itu mengandungi mana-mana campuran ayat-ayat majmuk di atas.

Peribahasa

- Pelajar perlu menguasai maksud peribahasa.
(termasuk simpulan bahasa, perbidalan, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata hikmat.)
- Pelajar perlu dilatih mengaplikasi penggunaan peribahasa dalam ayat yang gramatis.
- Pelajar perlu didedahkan peribahasa yang ada dalam buku teks.
- Pelajar perlu mempunyai nota/ latihan/ rujukan yang khusus untuk peribahasa.
- Bentuk soalan yang dikemukakan lazimnya mementingkan penggunaan/aplikasi peribahasa iaitu:
 - membina ayat berdasarkan peribahasa
 - menyatakan maksud peribahasa
 - Menyatakan peribahasa berdasarkan maksud
 - Menyatakan peribahasa berdasarkan ayat
 - Menyatakan peribahasa berdasarkan petikan (situasi)
 - Menyatakan peribahasa berdasarkan petikan perbualan
 - Menyatakan peribahasa yang sama maksud
 - Melengkapkan tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

NOVEL

Pelajar mesti jelas tentang maksud soalan pemahaman Komponen Sastera (Komsas). Novel *Renyah* (tingkatan empat) dan *Sutera Dalam Lukisan* (tingkatan lima) perlu dibaca dan diulang kaji.

Pastikan pelajar menulis jawapan berpandukan jumlah markah bagi setiap soalan. Jawapan bagi soalan Komsas:

- -tema > perlu ada huraian/ contoh
 - -persoalan > perlu ada huraian/ contoh
 - -perwatakan > perlu ada contoh
 - -latar > perlu ada contoh
 - -nilai > perlu ada contoh
 - -pengajaran > perlu ada huraian/ contoh
- Pastikan satu isi ditulis dalam satu ayat. Pastikan satu contoh ditulis dalam satu ayat sahaja.
 - Pelajar mesti memberi jawapan secara perbandingan dalam soalan perbandingan antara novel. (menggunakan perkataan/ rangkai kata yang menunjukkan perbandingan - Contoh : *tetapi, juga, walau bagaimanapun, manakala, sebaliknya*)



PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2012



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2½ jam

1103/2

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

[SOALAN SPM 2011]

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan bahasa kebangsaan dan masalah-masalah yang dihadapi untuk memperkasakan bahasa kebangsaan**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Pada kelazimannya, istilah bahasa kebangsaan merujuk kepada satu bahasa yang dikaitkan dengan sesebuah negara. Bahasa yang dipilih untuk menjadi bahasa kebangsaan biasanya ialah bahasa setempat atau bahasa peribumi. Bahasa kebangsaan sering dijadikan simbol jati diri nasional yang sama untuk seluruh rakyat sesebuah negara.

Dalam hal ini, seperti kebanyakan negara, Malaysia memiliki hanya satu bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu. Dengan menggunakan satu bahasa kebangsaan sahaja, negara kita telah berjaya membentuk satu identiti nasional yang sama dalam kalangan rakyat. Bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan negara kita kerana bahasa Melayu ialah bahasa kumpulan etnik yang paling besar dan atas kemampuannya sebagai *lingua franca*, iaitu bahasa perhubungan antara masyarakat selama beberapa abad di rantau ini. Di samping itu, bahasa Melayu menjadi bahasa pentadbiran kerajaan Melayu sebelum negara ini dijajah oleh kuasa Barat. Walau bagaimanapun, akibat penjajahan Barat, perpaduan rakyat di negara kita mulai tergugat. Tindakan onar penjajah itu meninggalkan kesan yang mendalam sehingga menyulitkan kita untuk menyuburkan jati diri serta citra bangsa yang utuh sifatnya.

Setelah mencapai kemerdekaan, para pemimpin kita telah mengambil langkah segera untuk mengukuhkan perpaduan rakyat yang menjadi teras pembangunan Negara. Atas kesedaran itulah, bahasa Melayu dikembalikan peranannya saebagai alat perpaduan dan seterusnya membangkitkan semangat kebangsaan rakyat negara ini. Di samping itu, bahasa kebangsaan juga dapat memupuk semangat kekitaan dalam jiwa rakyat Malaysia, yang bersifat *padu dan abadi*. Hal tersebut hanya dapat dilakukan melalui perkongsian satu bahasa kebangsaan, yang antaranya digunakan sebagai bahasa pengantar tunggal dalam sistem pendidikan nasional. Melalui sistem pendidikan tersebut bahasa kebangsaan juga berperanan sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat dalam negara kita. Sehubungan dengan itu, banyak negara yang memanfaatkan fungsi bahasa kebangsaan untuk menyatupadukan rakyat.

Melalui penggunaan satu bahasa kebangsaan sesama rakyat, komunikasi yang berrkesan dapat dizahirkan. Hal ini demikian kerana melalui pertuturan satu bahasa yang sama rakyat mudah memahami antara satu sama lain dan rasa saling menghormati akan dapat diwujudkan. Sesungguhnya bahasa kebangsaan bukan sahaja merupakan jiwa rakyat, tetapi sebenarnya ialah maruah negara dan maruah rakyat negara kita. Dalam konteks ini martabat dan nama baik bahasa Melayu perlu dijaga. Bahasa Melayu wajar

diletakkan pada kedudukan teratas, yakni di atas mana-mana bahasa lain di negara kita selaras dengan cogan kata bahasa jiwa bangsa.

(Dipetik dan diubah suai daripada
‘Kepentingan Satu Bahasa Kebangsaan’
oleh Teo Kok Seong,
Pelita Bahasa, Oktober 2009)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *padu dan abadi* [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa faktor pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Nyatakan faktor-faktor tersebut. [3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, bagaimakah pihak media dapat menggalakkan rakyat menggunakan bahasa kebangsaan?

Jelaskan **dua** cara. [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- PROF. PETER : Zaman, kamu sudah melampau. Kalau kamu tidak menghormati aku, tidak apa. Tetapi kalau hak aku kamu rampas aku akan bertindak!
- ZAMAN : Aku menghormatimu sebagai pensyarah dan profesor. Tapi kalau hak kami kamu hendak rampas dan cabuli, aku tidak akan berfikir dua kali, Profesor. Dan engkau tidak ada hak di sini!
Aku rakyat di sini. Aku juga ada hak di sini!
- PROF. PETER : Rakyat negeri ini? Kerakyatan yang kamu dapat dengan tipu helah?
- ZAMAN : Kaudatang untuk memecahbelahkan kami, bukan untuk menguatkan perpaduan kami. Engkaulah Profesor yang berbulu ayam. Apakah ini intelektual yang patut mengajar kami?
Sudahlah, nak. Sekarang apa yang tuan mahu?
Mak Jah, aku sudah katakana tadi, aku mahu mengambil adikku.
- MAK JAH : Aku mahu dia hidup dalam keluargaku... (*menerkam ke arah CEMPAKA, tetapi CEMPAKA lari ke arah ZAMAN*).
- CEMPAKA : Jangan, aku bukan adikkau. Engkau Orang Putih gila.
- ZAMAN : Engkau jangan sentuh dia, Peter!

(Dipetik daripada Drama ‘Cempaka Berdarah’
Oleh A.Rahim Abdullah
Dalam antologi *Harga Remaja*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah tujuan Profesor Peter datang berrjumpa dengan Mak Jah?
[2 markah]
- (ii) Andaikan anda Zaman, apakah tindakan-tindakan yang wajar anda ambil untuk menyelamatkan Cempaka?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai murni yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** nilai murni yang lain daripada keseluruhan drama.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat-ayat anda sendiri.

Setelah sudah santap maka Inderaputra pun makan sirih dan berkatalah Inderaputra, “Hai saudarku, manakah gemala hikmat itu?”

Maka sahut tuan puteri itu, “Hai kakanda, ambillah gemala hikmat itu oleh kakanda! Adapun pergunanya hikmat itu terlalu banyak. Adapun jikalau saudaraku hendak buat negeri, maka citalah nenek hamba Dewa Langkurba yang di dalam laut supaya jadi suatu negeri dengan alatnya takhta kerajaannya dan segala hulubalangnya dan rakyatnya sekalian itu dan biti-bitinya perwara dan serta jin, peri, dewa, dan mambang lengkaplah dengan senjatanya. Adapun hulubalangnya ada dua orang, seorang bernama Dikar Kilat dan seorang Dikar Agus dan Dikar Kilat jikalau saudaraku hendak menyuruh kepada suatu negeri atau ke dalam laut, maka dengan seketika itu juga ia pergi datang. Adapun Dikar Agus itu jikalau saudaraku hendak menyuruhkan hujan atau angin atau api nescaya dapat olehnya. Demikianlah gunanya gemala hikmat itu. Adapun jikalau lain daripada saudaraku nescaya tidaklah hamba berikan.”

Maka kata Inderaputra, ”Wahai adinda, sungguh tuan kasih kepada kakanda dan apalah kakanda hendak balaskan kasih adinda itu kandalah yang menanggung kasih adinda!”

(Dipetik daripada
‘Hikayat Dua Geliga Hikmat’
Dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *setelah sudah santap*. [2 markah]
 - (ii) Apakah keistimewaan-keistimewaan gemala hikmat yang menyebabkan Inderaputra ingin memilikinya? [3 markah]
 - (iii) Sekiranya anda Inderaputra, apakah yang akan anda lakukan untuk membala jasa tuan puteri yang telah memberikan gemala hikmat itu?
- Berikan **dua** cadangan. [3 markah]

Soalan 2(d) – Pantun

Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PANTUN ENAM KERAT

Md.Ali Bachik (ILADAM) – Penyelenggara

Rangkap 1

Putik kelapa menjadi muda,
 Kelapa muda jadi kemirau,
 Sudah kemirau menjadi kotai;
 Hati luka pura tiada,
 Rasa pedih buat tak hirau,
 Ibarat kaca jatuh ke lantai.

Rangkap 2

Ambil galah jolok kedondong,
 Galah pendek buluh sumpitan,
 Buluh bersisip tali jerami;
 Bukan salah ibu mengandung,
 Sudah takdir sudah suratan,
 Sudah nasib jadi begini.

Rangkap 3

Sarat bermuat ikan cencaru,
 Gelama tidak berumpan lagi,
 Kail tersangkut di tepi batang;
 Sudah dapat orang baru,
 Yang lama tidak berkenan lagi,
 Ibarat melukut di tepi gantang.

Khazanah Puisi Klasik Melayu, 2003

Antologi Dirgahayu Bahasaku,
 Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud **rangkap kedua** pantun tersebut. [2 markah]

- (ii) **Rangkap pertama** pantun menggambarkan perasaan kecewa yang cuba disembunyikan oleh seseorang.
 Pada pendapat anda, wajarkah kita bersikap demikian?

Jelaskan **dua** alasan anda. [4 markah]

- (iii) Huraikan pengajaran yang terdapat dalam **rangkap ketiga** pantun tersebut. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab Semua soalan

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap perkataan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) Cepumas
- (ii) Halaju
- (iii) Jejantas
- (iv) Jenama
- (v) Pawagam
- (vi) Purata

[6 markah]

- (b) Gabungkan ayat-ayat di bawah supaya menjadi **tiga ayat** sahaja dengan menggunakan kata hubung yang sesuai tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.

Kemarau ialah bencana alam. Kemarau berpunca daripada cuaca panas. Kemarau berpunca daripada kurangnya hujan. Kemarau menyebabkan tanah kering-kontang. Tumbuh-tumbuhan banyak yang mati. Kegiatan manusia juga terhalang akibat ketiadaan air. Kemarau menyebabkan air terpaksa dicatut. Jabatan Bekalan Air terpaksa menyediakan tangki air di kawasan perumahan. Hal ini dapat mengurangkan masalah yang dihadapi oleh anggota masyarakat.

[6 markah]

- (c) Dalam petikan di bawah terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan . Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Industri profileman yang semakin pesat dan canggih telah mempengaruhi perkembangan sahsiah anak-anak. Keprihatinan ibu bapa amat diperlukan untuk mengawal anak-anak agar tidak mempengaruhi watak wira dan wira wati dalam filem. Dalam hal ini, mereka perlu memastikan anak-anak tidak dibawa-bawa dengan watak tersebut dalam kehidupan sehingga menjelaskan prestasi akademik.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, **terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Album yang baru diterbitkan itu mengandungi koleksi lagu-lagu lama yang berkuantiti dan diminati oleh orang ramai.
- (ii) Para pelajar perlu menyiapkan kerja khusus Sejarah dalam tempoh yang telah guru mereka siapkan.
- (iii) Istana yang terpaling indah itu ialah tempat sultan tinggal.

[6 markah]

(e) Baca maksud peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud peribahasa tersebut.

- (i) Pasangan yang sepadan
- (ii) Sesuatu yang tidak akan terjadi jika satu pihak sahaja yang melakukannya.
- (iii) Orang yang merantau akhirnya kembali ke tempat asalnya.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Interlok karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan.

(a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari,uraikan **perwatakan watak utama** dalam novel.

[7 markah]

(a) Jelaskan **dua persoalan** yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari.

[8 markah]



PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2012



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2½ jam

1103/2

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

[PERATURAN PEMARKAHAN]

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan	Markah
Petikan membincangkan peranan/fungsi/keistimewaan/kegunaan/keperluan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini	2
Petikan membincangkan peranan/fungsi bahasa kebangsaan di sesebuah negara/ di negara kita.	2
Petikan membincangkan kelebihan/manfaat penggunaan bahasa kebangsaan di sesebuah negara.	2
Petikan membincangkan kelebihan/manfaat bahasa kebangsaan.	1

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

1. Dijadikan simbol jati diri nasional yang sama untuk seluruh rakyat 2
2. Satu identiti nasional yang sama dalam kalangan semua rakyatnya 2
3. Sebagai alat perpaduan 2
4. Membangkitkan semangat kebangsaan rakyat negara ini 2
5. Memupuk semangat kekitaan dalam jiwa rakyat Malaysia 2
6. Sebagai bahasa pengantar tunggal dalam sistem pendidikan nasional 2
7. Sebagai alat menyatupadukan rakyat dalam negara ini 2
8. Komunikasi yang berkesan dapat dizahirkan 2
9. Maruah negara dan maruah rakyat negara ini 2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

(Masalah-masalah yang dihadapi untuk memperkasakan bahasa kebangsaan)

- | | |
|---|---|
| 1. Kurang sokongan /kerjasama daripada pihak swasta | 2 |
| 2. Kurang sokongan/kerjasama daripada masyarakat | 2 |
| 3. Segelintir pemimpin yang tidak mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan | 2 |
| 4. Pihak media yang lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris | 2 |
| 5. Sikap masyarakat yang menganggap bahasa Melayu kurang nilai ekonomi | 2 |
| 6. Masyarakat yang kurang/ tidak yakin dengan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan | 2 |

Penutup

Kesimpulannya setiap lapisan masyarakat mesti mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan agar kedudukannya sentiasa dipandang tinggi.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan isi baik • Struktur ayat/tatabahasa baik • Kosa kata luas • Tanda bacaan/ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan isi masih baik • Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan • Kosa kata masih memuaskan • Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**
- (iii) Jika **disalin bulat-buat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**

[Markah bahasa maksimum: 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
-Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugasan dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis -Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
-Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum

- (i) **Maksud padu dan abadi**
 - kukuh/teguh/utuh dan kekal/berterusan [Maksimum : 2 markah]
- (ii) **Faktor-faktor**
 - bahasa setempat atau bahasa peribumi
 - bahasa kumpulan etnik yang paling besar
 - kemampuannya sebagai *lingua franca*
 - menjadi bahasa pentadbiran kerajaan Melayu sebelum negara ini dijajah oleh kuasa Barat [Maksimum : 3 markah]
- (iii) **Peranan Media**
 - Menerbitkan buku dalam bahasa kebangsaan
 - Memperbanyak rancangan/ program dalam bahasa kebangsaan
 - Menterjemah program-program popular bahasa asing ke bahasa kebangsaan
 - Menganjurkan kempen menggunakan bahasa kebangsaan
 - Mengadakan pertandingan menulis/ melukis dsb
 - Mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan dalam iklan [Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Drama

- (i) **Tujuan**
 - untuk mengambil adiknya 1
 - untuk hidup dengan keluarganya 1 [Maksimum : 2 markah]
- (ii) **Tindakan**
 - melaporkan tindakan Prof.Peter kepada polis
 - mengambil tindakan mahkamah terhadap Prof. Peter
 - melarikan/menyembunyikan Cempaka
 - mengahwini/ mengahwinkan Cempaka
 - berunding / mendapatkan pengesahan doktor [Maksimum : 3 markah]

(iii) **Nilai murni dalam petikan**

- **Keberanian** – contoh: Cempaka berani melawan Prof. Peter 1 + 1
 - **Hormat-menghormati** – contoh: Zaman menghormati pensyarahnya walaupun tidak sependapat 1 + 1
 - **Ketegasan** – Zaman tegas mempertahankan pendiriannya 1 + 1
- [Maksimum : 2 markah]**

Nilai murni dalam keseluruhan drama

- **Kasih sayang** – contoh: Mak Jah menyayangi anak-anaknya 1 + 1
- **Berbudi bahasa** – contoh: Mak Jah melayan Prof. Peter dengan baik walaupun tidak mengenalinya 1 + 1
- **Berhati-hati** – contoh: Mak Jah menyuruh Cempaka masuk ke dalam bilik ketika Prof. Peter datang ke rumah mereka 1 + 1
- **Bertanggungjawab** – contoh: Zaman bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan adiknya 1 + 1
- **Kerajinan** – contoh: Zaman rajin berusaha mencari akar-akar kayu tumbang untuk dijadikan ukiran. 1 + 1
- **Ketabahan/kesabaran** – contoh: Mak Jah tabah mmebesarkan Zaman seorang diri selepas kematian suaminya 1 + 1
- **Semangat patriotik** – contoh: Zaman dan Mak Jah bersikap benci akan penjajah 1 + 1
- **Berdikari** – contoh: Zaman cuba bermiaga dengan menggunakan sumber yang ada di kampungnya. 1 + 1

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(c): Petikan Klasik(i) **Maksud**

- selepas selesai makan/habis makan 2
- setelah/sudah makan 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) **Keistimewaan-keistimewaan**

- boleh membina sebuah negeri
- boleh membina negeri yang lengkap dengan takhta kerajaan, pembesar, hulubalang,rakyat dan lain-lain serta lengkap dengan senjatanya

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Membalas jasa tuan puteri**

- menjadikan tuan puteri sebagai isteri/mengahwinkan tuan puteri
- memberikan anugerah/ pingat/ gelaran
- memberikan hadiah

[Maksimum : 3 markah]

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

Soalan 2(d): Puisi(i) **Maksud rangkap 2**

- Bukan salah orang lain apabila seseorang ditimpa perkara buruk kerana ia
sudah ditakdirkan 2
- Jangan menyalahkan orang lain/Sesuatu yang berlaku sudah ditakdirkan
1

[Maksimum : 2 markah](ii) **Wajar**

- menjaga maruah diri
- Tidak menyinggung perasaan orang lain
- Tidak mahu menyusahkan orang lain

Tidak Wajar

- Menimbulkan tekanan perasaan
- Menimbulkan masalah kesihatan
- Menyusahkan orang lain
- Menghilangkan selera makan

[Maksimum : 4 markah](iii) **Pengajaran**

- Kita janganlah bersikap mengetepikan orang yang telah lama bersama-sama dengan kita apabila kita memperoleh orang baru

[Maksimum : 3 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan 3 (a)

(i) **Cepumas**

- Jumlah nilai hadiah (biasanya berupa wang terkumpul yang mungkin dimenangi dalam sesuatu permainan, pertaruhan dan sebagainya).

(ii) **Halaju**

- Kecepatan gerakan, kadar kecepatan wang bertukar tangan

(iii) **Jejantas**

- Jambatan (di atas jalan raya) untuk pejalan kaki melintas jalan

(iv) **Jenama**

- Jenis barang yang memakai nama khas yang dikeluarkan oleh pengeluar, pengilang, pembuat tertentu.

(v) **Pawagam**

- Panggung wayang gambar

(vi) **Purata**

- Nilai yang diperoleh dengan membahagikan jumlah sebilangan kuantiti dengan bilangan kuantiti tersebut, hitung panjang.

.

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(b)

- (i) Kemarau ialah bencana alam yang berpunca daripada cuaca dan kurangnya hujan.
- (ii) Kemarau menyebabkan tanah kering-kontang, tumbuh-tumbuhan banyak yang mati dan kegiatan manusia juga terhalang akibat ketiadaan air.
- (iii) Kemarau menyebabkan air terpaksa dicatuh sehingga Jabatan Bakalan Air terpaksa menyediakan tangki air di kawasan perumahan untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh anggota masyarakat.

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3 (c)**

(i)	pefileman	-	profileman
(ii)	ibubapa	-	ibu bapa
(iii)	mempengaruhi	-	dipengaruhi
(iv)	wira wati	-	wirawati
(v)	dibawa-bawa	-	terbawa-bawa
(vi)	akademik	-	akademik

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3 (d)**

(i)	koleksi lagu-lagu	-	koleksi lagu/ lagu-lagu
	berkuantiti	-	berkualiti
(ii)	khusus	-	kursus
	guru mereka tetapkan	-	ditetapkan oleh guru mereka
(iii)	terpaling indah	-	paling indah/ terindah
	tinggal	-	bersemayam

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3 (e) Peribahasa**

- (i) Bagaai cincin dengan permata/bagai pinang dibelah dua
- (ii) tepuk tangan sebelah takkan berbunyi
- (iii) ikan pulang ke lubuk / belut pulang ke lumpur/setinggi-tinggi terbang bangau akhirnya hinggap di belakang kerbau

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4
Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
 ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 iii) Beri 1 markah bagi setiap nama watak yang betul
 iv) Beri 1 markah bagi perwatakananya yang betul.
 v) Beri 2 markah bagiuraian /contoh yang lengkap / jelas
 vi) Markah isi maksimum 4 markah
 vii) Markah bahasa maksimum 3 markah
 viii) Markah bahasa diberi secara *impression*

Baik	: 3 markah
Sederhana	: 2 markah
Lemah	: 1 markah

- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 x) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

- (b) i) Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari
 ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 iii) Beri 1 markah untuk 1 persoalan
 iv) Beri 2 markah untuk setiapuraian yang lengkap/jelas bagi setiap persoalan
 v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap persoalan)
 vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
 vii) Markah bahasa diberi secara *impression*

Baik	: 2 markah
Lemah	: 1 markah

- viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 8 markah]

Jawapan Soalan 4

1. Novel Renyah

(a) Watak utama – Datuk Dolhi

1. Bertanggungjawab

- menjalankan tanggung jawab sebagai bapa/menjaga anak-anak dan mengambil berat
- menjaga dan memajukan Dolhi-Albert Holding

2. Penyayang

- sanggup menemani Datin Tominah menyaksikan pertunjukkan Busana Islam walaupun dia tidak berminat.

3. Penyabar/tabah

- sabar menghadapi kerena anak-anak yang memilih jalan sendiri dan sering menimbulkan masalah.
- sabar menghadapi tindakan Albert yang cuba menguasai Dolhi-Albert Holding.

4. Ikhlas

- sanggup berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan melalui kursus kepada usahawan muda.

5. Bekerjasama

- bekerjasama dengan Albert untuk membangunkan perniagaan.

6. Rajin / gigih

- rajin membaca buku sebagai persiapan untuk menyampaikan ceramah kepada usahawan muda.
- walaupun sudah berusia 60 tahun tetapi Datuk Dolhi rajin bekerja tanpa mengira waktu.

7. Cinta akan negara/patriotik

- Datuk Dolhi lebih gemar menggunakan Proton Limosin untuk ke majlis rasmi.
- Datuk Dolhi gemar memakai baju batik Kelantan.

8. Pandai menyimpan rahsia

- merahsiakan status Wahi sebagai anak kandungnya dengan Mastura, isterinya yang mati semasa melahirkan Wahi.

9. Bijaksana

- bijak memilih Wahi sebagai penggantinya dalam syarikat kerana Wahi satu-satunya anak yang berminat dalam bidang perniagaan.

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

10. Berfikiran terbuka

- menerima cadangan Wahi agar melaksanakan Kawalan Mutu Menyeluruh(TQC) dalam syarikat
- bersetuju dengan hasrat Wahi untuk berkahwin dengan Yuka, gadis Jepun
-

11. Berpandangan jauh

- Datuk Dolhi sentiasa mencari rakan kongsi baharu dan mencari peluang-peluang berniaga di luar negara

12. Tegas dan amanah

- Datuk Dolhi, tidak mahu meminjamkan wang syarikatnya kepada anaknya Hasnol walaupun dia berkuasa di syarikatnya, namun beliau tiak sanggup menggunakan wang syarikat sewenang-wenangnya.

13. Berani

- Datuk Dolhi membuat keputusan melantik Wahi sebagai penggantinya dalam syarikat Dolhi-Albert Holding

14. Mempunyai daya ingatan yang kuat

- Datuk Dolhi boleh mengingati lagu-lagu Jepun yang dipelajarinya.

(b) Persoalan(Renyah)

1. **Kerjasama dalam perniagaan**
 - Kerjasama Datuk Dolhi dan Albert sehingga menubuhkan syarikat usahasama.
2. **Golongan muda terlibat dengan ajaran sesat/Kepentingan ilmu agama**
 - Mukhlis yang menyertai kegiatan dakwah tanpa ilmu yang mencukupi sehingga terjebak dalam masalah kehidupan.
3. **Sikap tamak hingga terlibat dalam rasuah**
 - Sikap tamak yang menguasai diri sehingga terlibat dalam rasuah. Hasnol yang kesempitan wang akhirnya menerima tawaran sebanyak RM 300 ribu bagi membantu Tengku Munir mendapatkan tender bernilai RM 80 juta.
4. **Perasaan cinta sesama manusia melangkaui budaya**
 - Wahi yang berbangsa Melayu telah berkahwin dengan Yuka gadis Jepun.
5. **Cinta akan alam sekitar**
 - Ilham sanggup menentang projek pembalakan yang diusahakan olehnya demi cintanya terhadap alam sekitar.

6. **Harapan seorang ayah**
 - Datuk Dolhi ingin anak-anaknya mengikuti jejaknya dalam perniagaan dan mewarisi Dolhi-Albert Holding.
7. **Minat dan kecenderungan seseorang yang tidak boleh diubah.**
 - Anak-anak Datuk Dolhi tidak berminat dengan perniagaan. Hasnol pegawai PTD, Amera pendidik, Ilham penulis, Dani pemuzik dan Mukhlis pendakwah.
8. **Ketegasan mendidik anak.**
 - Datuk Dolhi tidak member pinjaman wang kepada Hasnol supaya belajar berdikari. Juga memasukkan Dani ke Pusat Pemulihan supaya menjadi pengajaran kepada anaknya.
9. **Kepentingan ilmu pengetahuan**
 - Datuk Dolhi rajin membaca buku-buku pengetahuan untuk rujukan sebelum menyampaikan ceramah.
 - Datuk Dolhi sentiasa mementingkan ilmu dan pengalaman dalam memajukan perniagaannya.
 - Datuk Dolhi menghantar anaknya wahi ke Jepun untuk menimba ilmu dan pengalaman.
10. **Cabaran dan risiko dalam perniagaan**
 - Datuk Dolhi terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dalam perniagaannya seperti mencari penggantinya, memikirkan strategi dan cara untuk memajukan perniagaannya.
11. **Persoalan perpaduan kaum**
 - Datuk Dolhi menjalankan usaha sama dengan Albert Lee dalam perniagaannya.
 - Albert Lee ingin menjodohkan anak-anaknya dengan anak Datuk Dolhi.
12. **Kemelut dalam dunia seni.**
 - Dani terpaksa menempuh pelbagai halangan dalam kerjaya muziknya sehingga terjebak dalam penyalahgunaan dadah.
13. **Keruntuhan akhlak generasi muda.**
 - Hasnol bersikap biadap semasa ingin membayar hutang kepada ibu bapanya.
 - Dani terlibat dengan pergaulan bebas dan terjebak dalam penyalahgunaan dadah.

14. Bangga dengan barang buatan tempatan

- Datuk Dolhi bangga dengan barang buatan tempatan Malaysia dengan memakai pakaian batik dan menggunakan Saga Limosin untuk menghadiri majlis Fesyen Busana Muslimah di Hotel Merlin.

15. Kasih sayang seorang ayah

- Datuk Dolhi sanggup menjamin Hasnol yang terlibat dengan rasuah dan menghantar Dani ke pusat pemulihan.

16. Tanggungjawab seorang ayah

- Datuk Dolhi membayai perbelanjaan Wahi

17. Ketabahan

- Datuk Dolhi tabah menghadapi permasalahan anak-anaknya.

4. Novel Sutera Dalam Lukisan(Abd. Talib Hassan)

(a) Watak Utama – Bujei/Hafiz/Mohd Hafiz

1. Suka berangan-angan

- Berangan-angan ketika menonton dan mendengar radio yang telah rosak di rumahnya.
- Berangan-angan untuk berkahwin dengan same'ah walaupun dia sudah tahu Same'ah sudah bertunang.

2. Penakut

- Setiap perkara yang diminta oleh Alias akan dilakukan oleh Bujei tanpa sebarang bantahan
- Bujei takut kepada opah Arah yang garang.

3. Pembersih

- Membuang perkakasan yang tidak berguna di rumahnya dan membakarnya di halaman rumah.

4. Berbakat menyanyi

- Bujei menyanyi lagu Bahtera Merdeka sewaktu majlis perkahwinan Same'ah dan Berjaya memukau orang ramai dengan kemerduan suaranya.

5. Berjimat

- Tidak menggunakan wang pemberian Wak Senen yang besar nilainya dan menyimpannya dengan rapi di dalam kendi di rumahnya.

6. Bertanggungjawab

- Bujei cuba menyelamatkan ibunya daripada kebakaran rumahnya tetapi tidak berjaya kerana api marak terlalu cepat dan dia dihalang oleh orang ramai daripada memasuki rumahnya yang terbakar.

7. Rajin

- Bujei rajin menolong semasa majlis kenduri.
- Bujei bertungkus-lumus menjayakan perkahwinan Same'ah

8. Tabah

- Bujei tabah menjalani kehidupan sebatang kara selepas kematian ibu bapa.

9. Berani

- Bujei berani untuk mempertahankan radio baharunya daripada dimusnahkan oleh Alias.

10. Ganas/Pemarah/Agresif

- Bujei bertindak ganas terhadap Alias dengan melibas parang ke arah Alias kerana memecahkan radionya.

11. Mudah percaya

- Bujei dengan mudah mempercayai kata-kata fitnah yang ditaburkan oleh Alias terhadap Adila yang kononnya menghidap penyakit AIDS.

12. Bermaruah

- Ketika Bujei berada di Kedai Pak Sulong, Bujei tidak suka meminta-minta daripada pelanggan yang minum di situ kerana dia masih mempunyai harga diri.

13. Pintar/cerdik

- peringkat awal dia seorang anak yang cerdik

14. Penyayang

- Bujei telah menyelamatkan emaknya kerana menyayangi emaknya.

15. Bodoh/dungu

- Selepas kematian emaknya

(b) Persoalan (Sutera Dalam Lukisan)

1. **Tanggungjawab sesama manusia/ambil berat/prihatin**
 - Adila begitu optimis untuk membentuk semula keperibadian abnormal yang dihidapi oleh Hafiz.
2. **Menghormati hak individu**
 - Bujei atau nama sebenarnya Hafiz akhirnya sedar akan haknya setelah mendapt bimbingan daripada Adila
3. **Kebenaran mengatasi kebatilan**
 - Alias cuba mengenakan ilmu pengasih terhadap Adila telah menyebabkan dia menerima pembalasan akibat perbuatannya sendiri.
4. **Kasih sayang seorang sahabat**
 - Adila telah membimbing Bujei/Hafiz untuk membentuk semula keperibadiannya sendiri mengubah Bujei menjadi insan yang matang.
5. **Tegas pendirian**
 - Wak senen tegas dengan pendiriannya untuk mengembalikan hak Bujei yang telah dianiaya oleh bapa tirinya.
6. **Jodoh pertemuan di tangan Tuhan**
 - Walaupun Adila pada asalnya begitu takut dengan Bujei tetapi akhirnya telah memilih Bujei menjadi pasangan hidupnya.
 - Walaupun telah bertunang dan berjanji sehidup semati dengan Faizal tetapi akhirnya Faizal berkahwin dengan orang lain bukan dengan tunangnya, Adila.
7. **Berani mempertahankan hak**
 - Bujei telah menunjukkan sikapnya yang tegas dan tidak boleh dipermainkanoleh Alias apabila meminta ganti rugi sebanyak RM 180.00 sebagai ganti rugi radionya yang telah rosak akibat perbuatan Alias.
8. **Ketabahan menghadapi penderitaan hidup**
 - Bujei pelajar yang pintar tetapi tercicir setelah kematian ayahnya hidup tertekan dengan sikap buruk ayah tirinya terhadap ibunya sehingga menyebabkan ibunya mati dalam kebakaran.
9. **Cinta tidak mengenal darjat**
 - Dalam diam-diam Bujei menyimpan perasaan cinta terhadap Adila dan Adila meluahkan hasratnya untuk memilih Bujei sebagai suaminya kepada Sidang Saman dan Mak Lamah.

10. Keganasan rumah tangga

- Harun sering memukul isterinya Fatimah untuk mendapatkan wang.

11. Manusia yang kejam dan penipu

- Harun sanggup menipu orang kampung dengan mengatakan isterinya Fatimah mati kerana perbuatan Bujei
- Harun cuba mempengaruhi Sidang Saman agar menandatangani surat yang membolehkannya berkuasa atas tanah sawah dan tanah tapak rumah milik Bujei.

12. Fitnah dalam masyarakat

- Alias memfitnah Bujei dengan memberitahu Adila bahawa Bujei berpenyakit kulit yang boleh berjangkit.
- Alias memfitnah Adila dengan mengatakannya berpenyakit AIDS dan seorang perempuan yang telah rosak.

13. Tanggungjawab pemimpin masyarakat

- Sidang Saman bertanggungjawab menyelesaikan perbalahan antara Bujei dengan Alias yang telah merosakkan radionya.

14. Kerjasama dalam masyarakat

- Orang kampung datang ke rumah Sidang Saman untuk membantu membuat persiapan majlis perkahwinan anaknya.

15. Pandangan masyarakat terhadap golongan kurang bernesib baik

- Masyarakat kampung menganggap Bujei seorang yang bodoh, dungu dan tidak berakal kerana sikap Bujei yang lurus.

16. Simpati sesama manusia/belas kasihan

- Mak Lamah bersimpati dengan nasib Bujei dan selalu memberikan makanan kepada Bujei



PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2012



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2½ jam

1103/2

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

**[CONTOH JAWAPAN PELAJAR
DAN TEKNIK PENANDAAN]**

Skrip contoh kertas 2 spm 2011

soalan 1:rumusan - cemerlang.

Petikan membincangkan manfaat bahasa kebangsaan di Malaysia. Antara kepentingannya ialah bahasa kebangsaan Berjaya membentuk satu identity nasional yang sama dalam kalangan masyarakat. Bahasa Melayu turut berperanan sebagai alat perpaduan dan membangkitkan semangat kebangsaan memupuk semangat kekitaan dalam jiwa rakyat Malaysia. Bahasa Kebangsaan juga merupakan bahasa pengantar tunggal dalam system pendidikan nasional. Tambahan pula, komunikasi berkesan dapat dizahirkan. Rentetan itu, bahasa kebangsaan ialah maruah negara dan maruah rakyat negara kita.

Antara masalah yang dihadapi untuk memperkasakan bahasa kebangsaan ialah sikap rakyat Malaysia yang lebih gemer menggunakan bahasa asing dalam pertuturan. Masalah seterusnya ialah kekurangan sektor-sektor yang mementingkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam pentadbiran.

Kesimpulannya, pelbagai pihak perlu bersinergi memartabatkan bahasa kebangsaan dalam kehidupan agar maruah negara terpelihara.

(119 patah perkataan)

Soalan 2(a)- Petikan Umum

- i) Maksud rangkai kata padu dan abadi ialah kukuh dan kekal
- ii) Faktor-faktor pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah kerana bahasa Melayu ialah bahasa kumpulan etnik yang paling besar dan atas kemampuannya sebagai lingua franca, iaitu bahasa perhubungan antara masyarakat selama beberapa abad di rantau ini.
- iii) Pada pendapat saya, pihak media dapat menggalakkan rakyat menggunakan bahasa kebangsaan dengan cara menyiarkan lagu-lagu Kebangsaan dengan lebih kerap di stesen televisyen mahupun di radio. Oleh itu, rakyat Malaysia lebih mudah dan mahir dalam menggunakan bahasa kebangsaan. Selain itu, cara kedua ialah pihak media boleh menyiarkan forum-forum atau ceramah-ceramah mengenai kepentingan menggunakan bahasa kebangsaan dalam setiap golongan masyarakat. Hal ini demikian kerana rakyat Malaysia akan peka dengan kepentingan bahasa kebangsaan dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

Soalan 2(b)

- i) Tujuan Profesor Peter datang berjumpa dengan Mak Jah ialah dia mahu mengambil adiknya kembali iaitu Cempaka dan dia mahu Cempaka hidup dalam keluarganya.
- ii) Jika saya Zaman, tindakan-tindakan yang wajar saya ambil untuk menyelamatkan Cempaka ialah menyembunyikan Cempaka di tempat yang selamat. Selain itu, saya akan menghalau Profesor Peter dari rumah saya walaupun dengan menggunakan kekerasan. Akhir sekali, saya akan melaporkan kejadian ini kepada pihak polis supaya Profesor Peter ditangkap.
- iii) Satu nilai murni yang terdapat dalam petikan ialah keberanian.
Sebagai contoh, Zaman berani menentang Profesor Peter dan mempertahankan Cempaka daripada diambil oleh Profesor Peter. Nilai murni yang lain daripada keseluruhan drama ialah kasih sayang. Contoh peristiwa ialah Mak Jah sangat sayang akan Cempaka walaupun Cempaka bukanlah anak kandungnya sendiri.

Soalan 2(c)

- i) Maksud 'setelah sudah santap' ialah sebaik sahaja habis makan
- ii) Keistimewaan-keistimewaan gemala hikmat yang menyebabkan Inderaputra ingin memilikinya ialah mampu mendirikan sebuah negeri yang lengkap dengan kerajaannya serta dilengkapi dengan tentera daripada pelbagai jenis makhluk yang lengkap bersenjata. Dalam kalangan tentera tersebut terdapat dua orang hulubalang yang hebat iaitu Dikar Kilat dan Dikar Agus. Dikar Kilat mampu untuk pergi ke mana sahaja dengan pantas. Manakala Dikar Agus mampu untuk menurunkan hujan, angin atau api.
- iii) Sekiranya saya Inderaputra, perkara yang akan saya lakukan untuk membala jasa tuan puteri yang telah memberikan gemala hikmat itu ialah saya akan memberikan separuh daripada hasil kerajaan yang telah saya dirikan kepada tuan puteri. Hal ini kerana hadiah tersebut akan dijadikan sebagai tanda terima kasih kepada tuan puteri. Selain itu, saya akan memberikan tuan puteri jawatan penting dalam kerajaan saya sebagai tanda penghargaan kepada tuan puteri atas jasa baiknya memberi gemala hikmat tersebut.

Soalan 2(d)

- i) Rangkap kedua pantun bermaksud nasib seseorang itu sudah ditentukan dan tidak boleh salahkan orang lain.
- ii) Pada pendapat saya, kita tidak wajar bersikap demikian kerana boleh menyebabkan kita menjadi tertekan. Selain itu, kita juga akan menyimpan rasa dendam dan kemungkinan besar pada akhirnya akan membawa padah.
- iii) Pengajaran yang terdapat dalam rangkap ketiga pantun ialah kita mestilah menghargai seseorang itu walaupun sudah mendapat yang baru. Di samping itu, kita tidak boleh mengabaikan seseorang itu. Tambahan pula, kita mestilah mempunyai perasaan kasih sayang terhadap manusia.

Contoh skrip jawapan soalan 3 – cemerlang.

a) i – cepumas

Hadiah **cepumas** yang disediakan oleh pengajur pertandingan ‘Master Chef’ telah menarik minat remaja untuk menyertai pertandingan tersebut.

ii- halaju.

Eksperimen itu dilakukan untuk menentukan **halaju** jisim.

iii- jejantas.

Kanak-kanak sekolah tadika Seri Aman dikehendaki menggunakan **jejantas** kerana tadika itu terletak di seberang jalan utama.

iv- jenama

Adidas merupakan **jenama** barang sukan yang mendapat pasaran paling tinggi permintaan ramai pengguna.

v- pawagam.

Hariz mundar-mandir di hadapan **pawagam** kerana resah menunggu adiknya yang sepatutnya tiba satu jam lepas.

vi- Purata

Purata keuntungan yang diperoleh mama dalam perniagaannya setiap bulan menjangkau RM 5000.00 .

b) i- Kemarau ialah bencana alam yang berpunca daripada cuaca panas dan kurangnya hujan.

ii- Kemarau menyebabkan tanah kering kontang dan tumbuh-tumbuhan banyak yang mati serta kegiatan manusia juga terhalang akibat ketiadaan air sehingga menyebabkan air terpaksa dicatu.

iii- Jabatan Bekalan Air terpaksa menyediakan tangki air di kawasan perumahan supaya dapat mengurangkan masalah yang dihadapi oleh anggota masyarakat.

c.

Kesalahan ejaan / iumbuhan	Pembetulan
ibubapa	ibu bapa
pefileman	profileman
wira wati	wirawati
mempengaruhi	dipengaruhi
akedemik	akademik
dibawa-bawa	terbawa-bawa

d.

Kesalahan istilah /tatabahasa	Pembetulan
Koleksi lagu-lagu	Koleksi lagu
berkuantiti	berkualiti
berkhusus	kursus
guru mereka tetapkan	ditetapkan oleh guru mereka
terpaling indah	paling indah
tinggal	bersemanyam

- e. i- bagi pinang dibelah dua
ii- bertepuk sebelah tangan takkan berbunyi
iii- belut pulang ke lumpur

Skrip Contoh (Novel Renyah)

Soalan 4 (a)

Berdasarkan novel Renyah karya Gunawan Mahmood, watak utama dalam novel tersebut ialah Datuk Dolhi. Beliau merupakan seorang tokoh korporat yang berjaya dan mempunyai enam orang anak. Datuk Dolhi merupakan seorang yang penyayang. Beliau amat menyayangi semua anaknya walaupun mereka sering kali memberi masalah kepada beliau. Selain itu, Datuk Dolhi merupakan seorang yang rajin. Sebagai bukti, beliau sering kali memberikan ceramah keusahawanan kepada pelajar-pelajar dalam bidang usahawan. Datuk Dolhi juga merupakan seorang yang berani. Beliau berani melantik Wahi, iaitu anaknya bersama mastura untuk menggantikan tempatnya dalam syarikat beliau. Akhir sekali, datuk Dolhi amat mengutamakan barang tempatan. Beliau menggunakan kereta Limosin saga walaupun beliau berkemampuan lebih.

Soalan 4 (b)

Berdasarkan novel renyah karya Gunawan Mahmood, persoalan yang terdapat adalah harapan seorang ayah. Datuk Dolhi sangat mengharapkan anak-anaknya dapat menggantikan tempatnya dalam perniagaan beliau. Tetapi anak-anaknya sibuk dengan hal dan tugas masing-masing hingga sanggup menabaikan hasrat ayah mereka. Akhirnya anak Datuk dolhi bersama isterinya yang kedua iaitu Wahi mewarisi perniagaan beliau. Selain itu, persoalan kedua ialah sikap tamak dan dengki hingga sanggup melibatkan diri dalam rasuah. Hasnol telah diberi tawaran rasuah oleh Tengku munir supaya meluluskan tendernya. Mereka telah berjumpa di Teratai Inn dan berbincang mengenai hal tersebut. Persoalan ketiga ialah minat dan kecenderungan seseorang tidak dapat diubah. Anak-anak datuk Dolhi tetap dengan hal masing-masing tanpa mempedulikan syarikat ayah mereka.

Skrip Contoh (Novel Sutera Dalam Lukisan)

Soalan 4 (a)

Novel yang saya kaji ialah Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan. Watak utama dalam novel ini ialah Bujei atau nama sebenarnya Muhamad Hafiz. Bujei seorang pelajar yang cerdik semasa berada di bangku sekolah rendah. Namun, setelah dia kematian ibu bapanya, dia telah menjadi seorang yang dungu. Setiap hari Bujei akan menunggu pelajar sekolah di jambatan untuk membawa beg sekolah untuk mendapatkan makanan. Selain itu, Bujei juga seorang yang takut kepada Alias. Dia sering dibuli oleh Alias.

Perwatakan Bujei semakin berubah setelah kehadiran Adila dalam hidupnya. Bujei menjadi semakin berani setelah lama diberi nasihat oleh Adila yang berpelajaran tinggi. Contohnya Bujei berani melawan Alias yang selalu membulinya kerana dia telah menjatuhkan radio yang baru dibeli oleh Bujei. Bujei telah menumbuk perut Alias dan memaksanya supaya membayar ganti rugi. Selain itu, Bujei juga seorang yang pandai Menyanyi. Bujei telah menyampaikan sebuah lagu semasa malam perkahwinan Same'ah atas permintaan seseorang yang tidak diketahui.

Selain itu, Bujei juga mempunyai kepandaian kerana telah menggagalkan rancangan bapa tirinya harun untuk mendapat hak milik tanah. Bujei telah mencomotkan boring hak milik tanah sehingga boring tersebut tidak dapat digunakan lagi. Bujei juga mempunyai perasaan cinta akan Adila. Adila telah banyak membantu mengembalikan keyakinan diri Bujei. Bujei kini sudah menjadi semakin normal. Bujei ingin mengatakan perasaannya kepada Adila tetapi dia takut kerana Alias juga turut meminati Adila.

Soalan 4 (b)

Novel yang saya kaji ialah Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan. Persoalan yang terdapat dalam novel yang saya kaji ialah ketabahan hidup seorang anak muda dalam menjalani liku-liku kehidupan. Bujei seorang pelajar sekolah rendah yang cemerlang. Namun, setelah kematian bapanya, ibunya telah berkahwin dengan seorang lelaki yang tidak bekerja yang bernama Harun. Bujei dan ibunya selalu didera oleh Harun. Ibunya telah meninggal dunia dalam kebakaran yang berpunca daripada bapanya harun. Harun telah menyepak pelita sehingga menyebabkan rumahnya terbakar. Namun, dia telah menuduh Bujei yang mengakibatkan kematian ibunya. Semenjak dari itu, Bujei sering diejek dan dibuli oleh Alias kerana Bujei sudah kehilangan keyakinan diri.

Persoalan yang seterusnya ialah keperihatinan seorang insane terhadap orang yang lemah. Adila merupakan seorang penuntut di Universiti di England. Dia telah bertemu dengan Bujei semasa berjalan dengan sepupunya. Pada mulanya dia sangat takut melihat Bujei namun lama kelamaan timbul perasaan ingin memulihkan Bujei seperti manusia lain. Setiap hari, Bujei akan ke rumah Sidang Saman untuk bertemu Adila. Adila akan mengajar sedikit demi sedikit untuk membantu menambahkan keyakinan diri Bujei. Setelah lama-kelamaan belajar bersama, Bujei telah menjadi seorang yang normal. Adila telah berjaya membantu Bujei menjadi seorang lelaki yang normal.

SULIT



**SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JJU) 2012**



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Set 1

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c) Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang telah disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.*



Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan industri desa dan masalah-masalah yang dihadapi untuk memajukan industri desa**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Industri desa yang juga dikenali sebagai industri luar bandar ataupun industri tradisional merupakan antara industri yang berperanan ke arah *menjana pertumbuhan ekonomi* negara dan berpotensi tinggi untuk dimajukan. Industri desa merupakan industri berskala kecil-kecilan dan menghasilkan pengeluaran atau kerja tangan yang diusahakan oleh masyarakat kampung yang masih mengekalkan nilai-nilai seni tradisi dan kebudayaan, serta menggunakan teknik tradisi tempatan yang diwarisi daripada nenek moyang kita sejak zaman berzaman.

Kini, sebahagian besar produk keluaran industri desa semakin berjaya bertapak dan menguasai bukan sahaja pasaran domestik, malah peringkat pasaran antarabangsa. Kejayaan industri desa ini telah dapat membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada anak-anak kampung itu sendiri, malah dapat membantu menarik lebih ramai pelancong asing datang ke negara kita. Keadaan ini seterusnya telah dapat menambahkan pertukaran wang asing.

Industri ini juga mampu mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara melalui aktiviti pertanian, penternakan, pemprosesan makanan, dan aktiviti produk kraf tangan tempatan. Hal ini membolehkan ekonomi bandar dan desa dapat disepaduan untuk menjamin pembangunan negara yang lebih seimbang. Selain itu, industri desa dapat memperluas penggunaan pelbagai sumber asli tempatan sebagai bahan mentah untuk menghasilkan barang yang berguna. Keadaan ini dapat menjimatkan kos pengeluaran.

Dalam tempoh 10 hingga 15 tahun belakangan ini, kerajaan berjaya meningkatkan aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar sehingga berjaya membawa kepada penurunan kadar kemiskinan. Industri desa yang berasaskan kemahiran dan seni pertukaran dapat mengekal dan meningkatkan warisan seni budaya bangsa bagi membolehkan generasi baharu mengenali warisan seni bangsanya. Masa lapang penduduk desa juga boleh dimanfaatkan dengan kerja-kerja yang produktif dan menguntungkan. Hal ini kerana penduduk desa melakukan kerja bermusim.

Secara tuntasnya, kini terdapat pelbagai jenis produk industri desa yang dihasilkan terdiri daripada makanan, minuman, tekstil, pakaian, barang plastik, kraf tangan, kosmetik, dan lukisan. Hal ini membuktikan bahawa perkembangan dalam pasaran tempatan produk industri desa tidak lagi bersifat kekampungan. Produk-produk yang dikeluarkan setanding dengan keluaran daripada industri yang sudah lama bertapak dan maju. Oleh itu, industri desa sememangnya tidak wajar dipinggirkan kerana mempunyai potensi yang begitu besar dan penghasilannya juga dapat membantu dalam meningkatkan ekonomi penduduk di negara ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Memajukan Industri Desa'
oleh Haji Samat bin Buang,
Fokus SPM, November 2010)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menjana pertumbuhan ekonomi*. [2 markah]
- (ii) Jelaskan ciri-ciri industri desa. [3 markah]
- (iii) Terdapat pelbagai langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam memajukan industri desa.
- Nyatakan **tiga** langkah tersebut. [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Daripada penelitian dan kajiannya, punat bisul rusuhan 13 Mei itu berpunca daripada virus yang sudah lama disemai oleh penjajah. Virus yang mereka bawa bersama-sama sejak kali pertama mereka menjekkan kaki di bumi ini dahulu. Virus polarisasi kaum yang mereka bina. Mereka gali jurang pemisah dan mendirikan tembok penghadang melalui sistem *devide et empera*. Orang Melayu yang menjadi peribumi semenanjung emas ini mereka biarkan terus hidup di kampung-kampung sebagai petani dan nelayan, orang Cina mereka pusatkan di bandar-bandar dan orang India mereka biarkan menjadi buruh di kebun-kebun getah. Sehingga negara ini mencapai kemerdekaan polarisasi perkauman ini menjadi semakin tebal juga. Tiap-tiap kaum mulai mencari identiti diri kembali. Baba peranakan yang telah beratus tahun membina identiti sendiri dan begitu jauh sudah berasimilasi dengan masyarakat setempat tiba-tiba direntap oleh tangan dewa cauvinis lalu memperlihatkan bayang-bayang kelabu yang gagah. Gadis-gadis remaja pun mulai membuang *th'ng sah* (baju panjang) dan *tay sah* (jaket dalam), mulai membuang sarung. Dahulu kalau mereka memakai pakaian serupa itu ditambah dengan sanggul siput *suak ean oh* atau *im boey*, mereka tidak ada bezanya dengan gadis Melayu di sebelah rumah.

(Dipetik daripada
cerpen “Melissa”
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Nyatakan kesan penjajahan terhadap pola kehidupan masyarakat di negara kita?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, jelaskan langkah-langkah untuk merapatkan jurang polarisasi kaum dalam kalangan masyarakat.
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan yang terdapat dalam cerpen.
[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sebermula diceterakan orang yang empunya cetera itu, adapun Khoja Maimun laki isteri selama ia beroleh unggas dua ekor itu, sehari-hari ia mendengar hikayat oleh unggas kedua ekor itu. Sekali peristiwa pada suatu hari Khoja Maimun berkata-kata kepada unggas kedua akan perihal ehwal manfaat perniagaan di laut itu. Maka Khoja Maimun pun terlalu sangat berahinya hendak pergi belayar. Maka ia pun pergila mendapatkan isterinya seraya berkata, “Hai kekasihku, ketahuilah olehmu bahawa segala manusia ini tiada dapat berpindah juga dan tiada dicarikan manfaatnya pun, kuranglah, kerana *dirham itu menanggung segala pekerjaan!*” Akan sekarang hamba dengar perniagaan laut itu terlalu besar labanya daripada perniagaan yang di darat ini. Akan sekarang berilah izin aku olehmu supaya aku pergi belayar.” Maka sahut isterinya, “Sebenarnyalah kata tuan hamba itu, tetapi sungguhpun perniagaan itu sangat besar labanya, dan balanya pun amat besarnya dan banyak dugaan dalam dunia ini. Sehari berapa upahnya tuan pergi dari kerana harta dunia ini banyak yang mahal dan cemar di dalamnya dirham itu, sayang sekali kalau orang yang tidak tebal imannya dan ia seumpama air yang manis, makin diminum mungkin bertambah dahaga. Syahadan warnanya pun kuning seperti muka orang durjana.

(Dipetik daripada
“Hikayat Khoja Maimun”
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud *dirham itu menanggung segala pekerjaan*. [2 markah]
- (ii) Apakah reaksi isteri Khoja Maimun apabila suaminya menyatakan hasrat untuk keluar belayar? [3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, apakah dugaan-dugaan yang mungkin dihadapi oleh seseorang yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan?
- Nyatakan **dua** dugaan tersebut. [3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ADAT SEZAMAN

Peradaban zaman semakin berlalu
meninggalkan kesan mendalam
terlalu indah apabila dipandang
terlalu mulia apabila diselidik
santun si dara jadi idaman
warak si teruna jadi ikatan
si tua tersenyum mesra
memandang teruna dara
sama cantik sama padan
berganding bersama
di singgahsana...

Masa itu telah jauh
zaman sudah berlalu
santun sang dara
dan warak sang teruna telah lenyap
si tua berduka lara
memandang teruna dara
berganding tanpa silu
tanpa hormat
tanpa batasan
adat sezaman ditinggal jauh
adat agama dipandang remeh
adat kuning jadi ikutan.

Wan Nazihah Wan Abdullah
Antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan gambaran penyajak tentang generasi zaman dahulu? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah adat dan budaya kita dapat dipertahankan daripada terhakis? [3 markah]
- (iii) Huraikan **tiga** nilai yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) orang rumah - rumah orang
- (ii) sirih junjung - junjung sirih
- (iii) ayam telur - telur ayam

[6 markah]

- (b) Tukarkan cakap pindah di bawah kepada cakap ajuk tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Intan memberitahu Munirah bahawa mereka sekeluarga ke rumah neneknya malam semalam kerana neneknya tidak sihat.
- (ii) Dengan nada terkejut Afiq memalingkan mukanya menghadap Fakhrul kerana dia tertanya-tanya orang yang telah menepuk-nepuk bahunya sebentar tadi.
- (iii) Ayah meminta abang menyelesaikan masalah perselisihan faham antara dia dengan rakan-rakannya segera.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Keujudan Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) menjadi pemangkin dalam usaha mengukuhkan pembangunan ekonomi negara. Kerajaan juga bukan sahaja dapat mengurangkan kos pengurusan pendidikan, malahan dapat meminimum pengaliran wang ke luar negara semata-mata bagi membayaskan kos pengajian pelajar negara ini yang melanjutkan pelajaran di negara lain. Dengan pertubuhan IPTS, negara kita dapat menjimatkan lebih kurang RM 2 billion setahun bagi membayai kos pendidikan pelajar Malaysia di luar negara. Kehadirannya dapat meningkatkan mutu pendidikan dengan penawaran kursus-kursus yang dapat memenuhi keperluan pendidikan semasa. Di samping itu, negara kita pula menerima kemasukan matawang asing hasil kedatangan pelajar dari negara-negara lain yang melanjutkan pelajaran ke Malaysia.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Neneh menarik sehelai uban lalu menggaru kepalanya yang gatal.
- (ii) Syamsul sanggup menjual kebun getah ayahnya kepada bank semata-mata untuk membeli sebuah kereta baru.
- (iii) Kanak-kanak suka mengambil bunga di taman itu kerana bunga-bunga itu cantik-cantik belaka.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi tersebut.*

- (i) Encik Mutusamy tidak mahu bertanggungjawab terhadap kerosakan jambatan yang baru dibina oleh syarikatnya.
- (ii) “Kita sebagai orang tua jangan menunjukkan sikap yang buruk kerana bimbang akan menjadi ikutan anak-anak muda di kampung ini,” nasihat ketua kampung kepada semua ibu bapa dalam perjumpaan sempena sambutan Hari raya Aidil Fitri yang lalu.
- (iii) Puan Aida berasa serba salah untuk mengikuti suaminya melancang ke Australia kerana dia perlu menjaga ibunya yang sedang sakit.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan



- (a) Penggunaan sesuatu teknik dalam sesebuah novel menjadikan novel itu lebih menarik.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan **teknik plot** yang digunakan oleh pengarang dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari,uraikan **satu nilai kegigihan** yang dipaparkan dalam kedua-dua buah novel itu.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



**SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2012**



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

1103/2 (PP)

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

Set 1

UNTUK KEGUNAAN GURU SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini Hak Cipta JUJ Pahang 2012. Peraturan pemarkahan ini hanyalah untuk panduan guru sahaja. Guru-guru boleh membuat penyesuaian dan penambahbaikan pada mana-mana bahagian mengikut pertimbangan.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

1103/2 (PP) © Hak Cipta JUJ Pahang 2012

<http://edu.joshuatly.com/>
<http://fb.me/edu.joshuatly>

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

CADANGAN JAWAPAN BAHASA MELAYU KERTAS 2, SPM JUJ 2012**Markah penuh Kertas 2 ialah 110****Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]**Nota :**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i)Pendahuluan										2
(ii)Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii)Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv)Penutup/Kesimpulan										2
Jumlah Markah										20

Soalan 1 : Rumusan**Pendahuluan**

Petikan membincangkan peranan/ fungsi/keistimewaan/ keperluan industri desa kepada masyarakat. 2

Petikan membincangkan peranan/ fungsi/ keistimewaan industri desa. 1

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

Petikan membincangkan peranan/ fungsi industri desa

1. Membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada anak-anak kampung. 2
2. Membantu menarik lebih ramai pelancong asing datang ke negara kita. 2
3. Dapat menambahkan pertukaran wang asing. 2
4. Mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara. 2
5. Memperluas penggunaan pelbagai sumber asli tempatan sebagai bahan mentah untuk menghasilkan barang yang berguna. 2
6. Menjimatkan kos pengeluaran. 2
7. Penurunan kadar kemiskinan. 2
8. Meningkatkan warisan seni bangsa bagi membolehkan generasi baharu mengenali warisan seni bangsanya. 2
9. Masa lapang penduduk desa juga boleh dimanfaatkan dengan kerja-kerja yang produktif dan menguntungkan. 2

Isi tersirat [4 hingga 12 markah]

1. Masalah kekurangan modal. 2
2. Masalah pemasaran dan promosi 2
3. Masalah pengurusan dan pengalaman 2
4. Persaingan dengan barang lain 2
5. Teknologi yang rendah 2
6. Pekerja yang kurang motivasi dan kurang produktif 2

Penutup

Kesimpulannya, industri desa perlu diberikan perhatian agar taraf hidup masyarakat desa dapat ditingkatkan. 2

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
-Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugasan dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
-Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

3. Soalan 4 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2

Soalan 2(a) : Petikan Umum	Markah
(i) Maksud menjana pertumbuhan ekonomi:	
- Menghasilkan perkembangan sumber kekayaan/ pendapatan	2
	[Maksimum : 2 markah]
(ii) Ciri-ciri industri desa	
- Industri berskala kecil-kecilan	
- Menghasilkan pengeluaran atau kerja tangan yang diusahakan oleh masyarakat kampung yang masih mengekalkan nilai-nilai seni tradisi dan kebudayaan.	
- Menggunakan teknik tradisi tempatan yang diwarisi daripada nenek moyang kita sejak zaman –berzaman.	
	[Maksmum : 3 markah]
(iii) Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan	
- Mengadakan latihan kemahiran	
- Memberi bantuan modal/ pinjaman	
- Mengadakan promosi hasil industri desa	
- Meluaskan pasaran hasil industri desa	
- Memperkenalkan penggunaan teknologi moden dalam meningkatkan produktiviti	
- Mengadakan Anugerah Usahawan Industri Desa tahunan.	
	[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Cerpen

- (i) **Kesan** penjajah terhadap pola kehidupan masyarakat di negara kita
- Orang Melayu yang menjadi peribumi semenanjung emas ini mereka biarkan terus hidup di kampung-kampung sebagai petani dan nelayan.
 - Orang Cina mereka pusatkan di bandar-bandar.
 - Orang India mereka biarkan menjadi buruh di kebun getah.
 - Polarisasi kaum menjadi semakin menebal selepas kemerdekaan.
- [Maksimum : 2 markah]**
- (ii) **Langkah-langkah** untuk merapatkan jurang polarisasi kaum dalam kalangan masyarakat
- Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
 - Melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.
 - Menjadikan sejarah sebagai mata pelajaran teras dalam SPM.
 - Menjayakan konsep 1Malaysia.
- [Maksimum : 3 markah]**

(iii) **Satu persoalan** yang terdapat dalam petikan

- Kesan penjajahan yang mendalam terhadap polarisasi kaum

Cth: Orang Melayu yang menjadi peribumi semenanjung emas ini mereka biarkan terus hidup di kampung-kampung sebagai petani dan nelayan, Cina mereka pusatkan di bandar-bandar dan India mereka biarkan menjadi buruh di kebun getah.

Satu persoalan yang terdapat dalam cerpen

- Semangat kental seorang gadis yang mengalami perpisahan dengan kekasih akibat rusuhan kaum
Cth : Mellisa yang terpisah dengan Hisyam dalam tragedi 13 Mei 1969.
- Perbezaan kaum tidak menjarakkan hubungan remaja
Cth : Hubungan Mellisa dengan Hisyam begitu rapat walaupun berbeza kaum.
- Tugas lebih utama daripada cinta.
Cth : Mellisa sanggup berpisah dengan Syahid kerana tugas sebagai tentera.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(c) – Prosa klasik

(i) **Maksud dirham itu menanggung segala pekerjaan**

- wang itu diperlukan untuk membayai semua urusan

[Maksimum : 2 markah]

(ii) **Reaksi** isteri Khoja Maimun:

- Dia bersetuju dengan kata-kata suaminya
- mengingatkan suaminya bahawa di sebalik keuntungan yang banyak diperoleh, perniagaan juga turut menghadapi risiko yang besar
- dugaan yang banyak.

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Dugaan-dugaan** yang mungkin dihadapi oleh seseorang yang melibatkan diri dalam perniagaan:

- risiko kerugian
- persaingan dengan peniaga lain
- masalah modal
- masalah kekurangan pekerja
- masalah pasaran yang tidak menentu
- strategi / cara memajukan perniagaan.

[Maksimum : 3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak**(i) Gambaran penyajak tentang generasi zaman dahulu:**

- Si dara yang bersopan-santun menjadi idaman
- Si teruna yang warak menjadi pilihan

[Maksimum : 2 markah]**(ii) Cara untuk mempertahankan adat dan budaya kita daripada terhakis:**

- mendidik anak-anak dari kecil supaya bersopan-santun
- menerapkan nilai-nilai murni dalam pendidikan
- memberi didikan agama kepada anak-anak
- menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak

[Maksimum : 3 markah]**(iii) Tiga nilai :**

- Nilai kesopanan

Contoh : Si dara bersikap sopan santun apabila berhadapan dengan orang ramai

- Nilai ketaatan dan ketakwaan

Contoh: Ketaatan Si teruna pada Tuhan telah menyebabkan dirinya menjadi

pilihan calon suami

- Nilai jati diri/Nilai harga diri

Contoh: Si dara yang mempunyai jati diri untuk menjunjung adat ketimuran.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagi kepada:

Soalan 3 (a) : **6** markah

Soalan 3 (b) : **6** markah

Soalan 3 (c) : **6** markah

Soalan 3 (d) : **6** markah

Soalan 3 (e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan 3 (a)

- | | | |
|---------------------------|---|---|
| (i) orang rumah | - | isteri, orang yang tinggal bersama-sama di rumah,
keluarga di rumah. |
| rumah orang | - | rumah kepunyaan orang lain. |
| | | |
| (ii) sirih junjung | - | sirih selengkapnya yang dibawa kepada ibu bapa
anak gadis yang dipinang. |
| junjung sirih | - | kayu, buluh yang menopang tanam-tanaman yang
memanjang atau menjalar. |
| | | |
| (iii) ayam telur | - | sejenis ayam yang mengeluarkan telur. |
| | | |
| telur ayam | - | benda yang mengandungi lembaga anak yang
umumnya bersalutkan kulit yang keras. |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (b)

- (i) “Kami sekeluarga ke rumah nenek saya malam semalam kerana dia tidak sihat,” kata Intan kepada Munirah.
- (ii) “Oh, kamu rupanya! Saya ingatkan siapa yang menepuk bahu saya tadi,” kata Afiq sambil memalingkan mukanya menghadap Fakhrul.
- (iii) “Selesaikan masalah perselisihan faham antara kamu dengan rakan kamu itu segera, “ kata ayah kepada abang saya.

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (c)

- | | | | |
|-------|--------------|---|--------------|
| (i) | Keujudan | - | Kewujudan |
| (ii) | meminimum | - | meminimumkan |
| (iii) | membaiayakan | - | membaiayai |
| (iv) | pertubuhan | - | penubuhan |
| (v) | billion | - | bilion |
| (vi) | matawang | - | mata wang |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (d)

- | | | | |
|-------|---------------|---|---------------|
| (i) | menarik | - | mencabut |
| | menggaru | - | menggaru-garu |
| (ii) | menjual | - | menggadai |
| | baru | - | baharu |
| (iii) | mengambil | - | memetik |
| (iv) | cantik-cantik | - | cantik |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (e)

- (i) lepas tangan
- (ii) Guru kencing berdiri, murid kencing berlari
- (iii) Ditelan mati emak, diluah mati bapak

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan Soalan 4 (a)**1. Novel Renyah**

(a) Teknik plot yang digunakan dalam novel

i. Teknik dialog

Di Teratai Inn, Hasnol dan Tengku Munir berdialog tentang tender projek pembinaan dan berjanji dengan Tengku Munir untuk memberikan wang kepada Hasnol jika permohonannya diluluskan. Dialog juga berlaku apabila Amera menegur Ilham yang tidak bekerja tetapi terlalu asyik dengan perjuangan alam sekitarnya .

ii. Teknik pemerian

Pengarang memerihalkan suasana di rumah Datuk Dolhi setelah kepulangan Wahi dan isterinya, Yuka dari Jepun.

iii. Teknik imbas kembali

Datuk Dolhi, teringat akan Hasnol yang lahir ketika dia menjadi pegawai kerajaan. Selain itu, dia terkenang akan Mastura, isteri keduanya.

iv. Teknik saspens

Pembaca tertanya-tanya tentang orang yang mengirim sejambak bunga kepada Amera.

v. Imbas muka

Mukhlis teringat ibunya yang mungkin akan marah apabila mengetahui tindakannya berkahwin tanpa memberitahu ibunya.

vi. Teknik monolog

Datuk Dolhi bermonolog dengan mengatakan Wahi mempunyai pelbagai idea apabila menatap kertas cadangan Wahi tentang Kawalan Mutu Menyeluruh (KMM).

vii. Teknik monolog dalaman

Mukhlis berbisik dalam hatinya dengan mengatakan perkahwinannya dengan Hanisah dirancang oleh orang yang ingin mengambil kesempatan terhadapnya.

2. Novel Sutera Dalam Lukisan

(a) Teknik plot

i. Teknik pemerian

Pengarang menggambarkan keadaan anak sungai di kampung Bujei yang tidak begitu lebar dan airnya yang tetap mengalir walaupun pada musim kemarau.

ii. Teknik Dialog

Terdapat dialog antara Bujei dengan ayah tirinya di tebing sungai tentang cubaan Harun meminta tandatangan Bujei. Terdapat juga dialog antara Bujei dengan Alias tentang permintaan Bujei yang meminta Alias membayar ganti rugi kerosakan radionya.

iii. Teknik Imbas Kembali

Bujei mengingati kembali kisah ibunya yang meninggal dunia dalam kebakaran yang disebabkan oleh perbuatan bapa tirinya yang menyepak pelita.

iv. Teknik Saspens

Pembaca tertanya-tanya tentang tujuan kedatangan Adila ke kampung Bujei dan sebab-sebab dia mengambil masa begitu lama untuk menetap di kampung tersebut.

v. Teknik Monolog Dalaman

Teknik ini digunakan apabila Adila memikirkan hal Bujei yang mungkin sudah mempercayai fitnah yang dilemparkan kepadanya sehingga malu untuk menemuinya.

vi. Teknik Monolog

Bujei bercakap seorang diri ketika bersiap-siap untuk keluar mencari kerja, iaitu menunggu orang kampung mempelawanya menolong mereka di kebun getah di persimpangan jalan berhampiran jambatan.

Isi = 4 markah

Bahasa = 3 markah

Maksimum = 7 markah

Jawapan Soalan 4 (b)**1. Novel Renyah**

- (b) Nilai kegigihan dalam novel
- i. Kegigihan mencari peluang perniagaan
Datuk Dolhi gigih berusaha memajukan perniagaannya sehingga Dolhi-Albert Holding mampu membina empayar perniagaan hingga ke luar negara.
 - ii. Kegigihan meningkatkan kerjaya
Amera gigih menjadi seorang guru sehingga dia mendapat anugerah guru terbaik negeri.
 - iii. Kegigihan menyelesaikan masalah anak-anak
Datuk Dolhi begitu gigih menyelesaikan masalah anak-anaknya. Misalnya, Hasnol yang terlibat dengan rasuah, menghantar Dani ke pusat pemulihan dadah dan menempatkan Mukhlis di pusat rawatan mental.
 - iv. Kegigihan membantu usahawan Melayu dalam perniagaan.
Datuk Dolhi gigih memberikan motivasi dan bimbingan kepada usahawan Melayu supaya dapat bersaing dengan bangsa lain.
 - v. Kegigihan memberikan pendidikan kepada anak-anak.
Datuk Dolhi gigih memberikan pendidikan kepada anak-anaknya sehingga masing-masing berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti

2. Novel Sutera Dalam Lukisan**(b) Kegigihan**

- i. Kegigihan merupakan kenangan pahit
Bujei gigih merupakan kisah yang menyedihkan jiwanya. Bujei tidak pernah mendekati tanah tapak rumah dan tanah sawah yang telah meragut nyawa ibunya kerana tidak mahu mengingat kembali kisah sedih itu.
- ii. Kegigihan membantu insan yang kurang bernasib baik
Adila gigih berusaha untuk memulihkan sifat Bujei yang terlalu rendah diri agar menjadi manusia yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi.
- iii. Kegigihan mengubah nasib diri
Bujei gigih mendapatkan bimbingan dan kaunseling daripada Adila. Bujei juga membina batas dan menanam sayur-sayuran setelah mendapat semangat dan kekuatan daripada Adila.

Isi = 6 markah

Bahasa = 2 markah

Maksimum = 8 markah

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT



SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2012



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Set 2

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c) Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang telah disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang strategi mewujudkan celik pengguna dan kesan-kesannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Setiap kali berlaku kenaikan harga petrol dan diesel, lazimnya harga barang lain di pasaran khususnya keperluan pengguna turut meningkat. Pihak kerajaan sentiasa cakna terhadap kebajikan dan masalah yang dihadapi oleh para pengguna. Sehubungan dengan itu, Program Pengguna Bijak(PPB) telah ditubuhkan sebagai menyahut desakan orang ramai yang gelisah terhadap kenaikan harga barang-barang keperluan yang melampau di pasaran. Menerusi penubuhan PPB, secara tidak langsung dapat memberi kuasa kepada pengguna dalam menentukan harga barang dan membeli barang-barang yang diperlukan sahaja dengan harga yang berpatutan sekali gus mengawal inflasi.

Dalam isu kepenggunaan ini, pihak pengguna sendiri perlu bersifat ‘celik pengguna’. Oleh itu, seruan berjimat cermat tidak wajar dilihat sebagai retorik atau nasihat kosong, tetapi mesti dilaksanakan secara serius, bersistematik, dan berorientasikan matlamat. Hak sebagai pengguna perlu digunakan sepenuhnya. Mereka tidak boleh lagi menerima begitu sahaja sebarang kenaikan harga tanpa melakukan sesuatu. Para pengguna hendaklah berbelanja berdasarkan keperluan, bukan mengikut perasaan.

Sebenarnya harga barang di pasaran bukan hanya ditentukan oleh peniaga semata-mata. Banyak faktor lain yang mendorong penentuan harga sesuatu barang, seperti permintaan yang tinggi, persaingan, reputasi, kehendak pasaran dan sebagainya.. Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Ha Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie Apdal menyatakan bahawa langkah memboikot peniaga yang menaikkan harga barang boleh dilakukan jika tindakan itu dapat memaksa golongan tersebut menurunkan harga barang. Oleh itu, sudah tiba masanya, para pengguna menggunakan kebijaksanaan dan kuasa beli mereka untuk menangani kenaikan harga barang ini. Pengguna juga boleh memilih premis yang menjual dengan harga yang berpatutan. Tegasnya pengguna sebenarnya mempunyai kuasa untuk menentukan harga di pasaran.

Kini, sudah sampai masanya pengguna lebih serius mengamalkan perbelanjaan berhemah. Dengan berbuat demikian, mereka dapat menghadapi cabaran masalah kewangan dengan lebih baik. Pengguna juga dapat mendisiplinkan diri dengan membentuk sikap bertanggungjawab terhadap kehidupan pada masa ini dan akan datang kerana pengurusan kewangan melibatkan persediaan pada masa hadapan, bukan hanya kepada penggunaan semasa. Oleh itu, pengguna pada tahap sosioekonomi yang mana-mana pun perlu lebih bersederhana dalam berbelanja.

Secara tuntas, peniaga dan pengguna saling memerlukan antara satu sama lain. Masing-masing ada hak dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Tekanan kenaikan harga barang secara berterusan yang dihadapi kini, sememangnya sesuatu yang memeritkan terutama bagi mereka yang berpendapatan rendah. Sepatutnya pada masa yang sama, kalangan peniaga pula wajar memupuk budaya atau amalan menghormati kepentingan dan hak pengguna supaya semua usaha diasaskan kepada etika dan *presaingan yang sihat*. Amalan peniaga yang tidak beretika ini bertentangan

dengan usaha mewujudkan budaya sihat dan bangsa bermaruah selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020.

(Dipetik dan diubah suai daripada
‘Celik Pengguna’
oleh Haji Samat Buang
Fokus, Mac 2007)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *persaingan yang sihat*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan kemaslahatan pihak kerajaan menubuhkan Program Pengguna Bijak (PPB) kepada para pengguna. [3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, apakah perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh seseorang pengguna apabila membuat pembelian terhadap sesuatu barang? Berikan **tiga** perkara tersebut. [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Seharusnya aku mengambil pengajaran daripada petaka yang melanda perairan kampungku. “Sesal Pak Tua semakin menghimpit dada. Begitulah yang terjadi kerana tidak ada kesedaran untuk menjaga kelangsungan alam sekitar. Pak Tua terlibat dalam pemusnahan hidupan laut di kampungnya. Lantaran ingin mendapatkan pendapatan yang lumayan, Pak Tua dengan beberapa orang rakan nelayan sering menggunakan bom buatan sendiri untuk mendapat ikan yang banyak.

“Kami tidak sedar bahawa perbuatan kami itu telah memusnahkan terumbu karang dan hidupan laut yang lainnya. Terumbu karang tempat kehidupan plankton yang merupakan makanan ikan. Terumbu karang yang memakan masa jutaan tahun untuk membesar, dengan sekali lempar sahaja telah ranap oleh letupan bom buatan sendiri.” Terasa dada Pak Tua juga bagai ikut meletup bersama terumbu karang itu. Rasa kesal itu amat menyesak dada. Hidung Pak Tua kembang kempis menyedut udara yang terasa amat payah untuk dihirup. Terketar-ketar jarinya mengurut dada untuk mengurangkan kesesakan yang semakin menyeka.

(Dipetik daripada
cerpen 'Hutan Rimba'
oleh Sasjira
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan reaksi Pak Tua setelah menyedari kesilapan yang telah dilakukannya?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang wajar diambil untuk mengawal habitat hidupan marin?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai murni yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** nilai murni yang lain daripada keseluruhan cerpen.
[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Tuan Bujang bermohonlah kepada Sultan Palembang hendak mudik. Maka dilepaskan baginda Sultan Palembang dengan kasih sayangnya, dibekalkan dengan pakaian keemasan dan keris kebesaran. Maka Tuan Bujang mudik ke Rawas. Maka Tuan Bujang berbini dengan anak Dipati Batu Kucing. Dan tiada berapa lamanya Tuan Bujang duduk di Rawas itu, maka beranak seorang laki-laki, dinamakan Raja Alam.

Maka Tuan Bujang pergi ke Jambi, mendapatkan Sultan Maharaja di Batu, bersama-sama akan sultan berkelahi, berebut kebesaran dengan sultan di Kedah. Maka berperanglah, Tuan Bujang masuk perang, lalu luka paha, kena peluru setinggar, paha kiri. Sultan Maharaja di Batu menang perangnya.

Maka Tuan Bujang pun naik ke Minangkabau, lalu ke Pagaruyung. Maka Tuan Bujang menghadap baginda. Maka terkejut ia melihat Tuan Bujang, lalu baginda bertitah, “Mengapa engkau lama di lahit?” Maka sembah Tuan Bujang, “*Patik menengok cupak gantang orang.*” Maka baginda pun tersenyum, “Akan sekarang ini, apakah kehendak engkau?” Sembah Tuan Bujang, “Lebih-lebih maklum duli tuanku sahaja, mana titah.” Maka kata Puteri Jilan, “Kutahu kehendak engkau. Baiklah engkau turun ke lahit, ke Siak. Ambil olehmu Negeri Johor. Tuntut kematian ayahandamu.”

(Dipetik daripada
‘Hikayat Siak’
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Berikan maksud *Patik menengok cupak gantang orang.* [2 markah]

(ii) Apakah bukti-bukti yang menunjukkan Tuan Bujang disayangi oleh raja yang memerintah?

Berikan **dua** bukti. [3 markah]

(iii) Nyatakan sikap yang perlu ditunjukkan oleh seseorang apabila berada di rantau orang supaya diterima oleh masyarakat setempat.

Berikan **tiga** sikap. [3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DI PERPUSTAKAAN

- | | |
|-----------|--|
| Rangkap 1 | Melangkah ke ruangmu
Satu pertukaran kontras
Dari kehangatan merata
Kedinginan yang menerpa
Terlalu hening di sini
Gua pendeta bersemadi
Di puncak sepi
Di sana sini
Kepala-kepala randuk meneliti
Mata dan fikir bersebatи |
| Rangkap 2 | Maju ke ruang buku
Terlalu kerdil aku di sini
Terapung di laut ilmu
Tercurah berzaman
Dalam tak terselam
Betapapun kulayari
Bahtera ilmu di sini
Tak terteroka
Yang akan kucatat
Hanya setitis dari tinta
Yang kupetik
Hanya sebiji dari mutiara
Engkau adalah pusaka moyang
Gedung peradaban insan
Terhimpun berzaman |
| Rangkap 3 | Bersemadi di sini
Aku adalah pelayar yang dahaga
Di dada samudera
Tak berpantai
Betapapun kuteguk darinya
Dahaga tak pernah langsai |
- Shafie Abu Bakar
Antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud **rangkap ketiga** sajak tersebut.
[2 markah]
- (ii) **Rangkap kedua** sajak menggambarkan perasaan penyajak yang merasakan dirinya terlalu kerdil dalam memiliki ilmu di dunia ini.
- Jelaskan **tiga** cara untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam diri setiap individu.
[3 markah]
- (iii) Nyatakan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.
[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap pasangan kata** di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

(i)	gejala	-	jelaga
(ii)	runsing	-	runcing
(iii)	menerap	-	menurap

[6 markah]

- (b) Kenal pasti **kata bantu** dan **kata kerja transitif** dalam ayat di bawah ini.

- (i) Ibu sedang membentangkan permaidani yang dibeli oleh ayah di ruang tamu.
(ii) Kerajaan perlu mendirikan Muzium Permainan Tradisional agar keistimewaan permainan tradisional dapat ditonjolkan.
(iii) Ribut yang kencang itu telah menumbangkan pokok kelapa di belakang rumah Pak Abu.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Mak Kiah merasa tersingung akan sikap anaknya, Budin yang tidak mempedulikannya sejak berumah tangga.
(ii) Penjual bunga itu sedang mengubah sejambak bunga untuk dihadiahkan kepada penyanyi yang mahsyur.
(iii) Ismail telah menemui kad pengenalannya yang hilang pada bulan Februari lalu.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Tolong jangan memasukkan sampah ke dalam longkang itu.
- (ii) "Tidak saya malas datang ke sekolah tetapi saya terpaksa merawat ibu yang sedang sakit," terang Idham kepada gurunya.
- (iii) Pertandingan memancing telah diadakan pada minggu hadapan bertepatan dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan.

[6 markah]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan tiga peribahasa yang sesuai dengan petikan tersebut.*

Kebolehan Encik Wahid dalam perusahaan batik diwarisi daripada ibu bapanya yang telah menjalankan perusahaan tersebut selama 20 tahun. Beliau merupakan orang penting yang bertanggungjawab membawa kejayaan kepada syarikatnya sehingga dikenali di seluruh dunia. Namun begitu, Encik Wahid sentiasa berhati-hati kerana beliau sedar perniagaannya tidak akan sentiasa menerima keuntungan sepanjang masa malahan mungkin akan berhadapan dengan kerugian.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel*[15 markah]*

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Sesebuah novel sering kali memaparkan konflik yang dihadapi oleh watak utama.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** konflik yang dihadapi oleh watak tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, bandingkan **satu** latar masyarakat dalam setiap novel itu.

*[8 markah]***KERTAS SOALAN TAMAT**



**SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2012**



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
Set 2

1103/2 (PP)

UNTUK KEGUNAAN GURU SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini Hak Cipta JUJ Pahang 2012. Peraturan pemarkahan ini hanyalah untuk panduan guru sahaja. Guru-guru boleh membuat penyesuaian dan penambahbaikan pada mana-mana bahagian mengikut pertimbangan.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

CADANGAN JAWAPAN BAHASA MELAYU KERTAS 2, SPM JUJ 2012**Markah penuh Kertas 2 ialah 110****Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]**Nota :**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i)Pendahuluan										2
(ii)Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii)Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv)Penutup/Kesimpulan										2
Jumlah Markah										20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan

- Petikan membincangkan usaha/cara/tindakan celik pengguna dalam kalangan masyarakat. 2
- Petikan membincangkan usaha/cara/tindakan celik pengguna. 1

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

(Petikan membincangkan usaha/cara celik pengguna)

1. Seruan berjimat cermat mesti dilaksanakan secara serius, bersistematik, dan berorientasikan matlamat. 2
2. Hak sebagai pengguna perlu digunakan sepenuhnya. 2
3. Para pengguna hendaklah berbelanja berdasarkan keperluan, bukan mengikut perasaan. 2
4. Memboikot peniaga yang menaikkan harga barang. 2
5. Para pengguna menggunakan kebijaksanaan dan kuasa beli mereka dalam menangani kenaikan harga barang. 2
6. Memilih premis yang menjual dengan harga yang berpatutan. 2
7. Pengguna lebih serius mengamalkan perbelanjaan berhemah. 2
8. Membentuk sikap bertanggungjawab terhadap kehidupan pada masa ini dan akan datang. 2
9. Pengguna pada tahap sosioekonomi yang mana-mana pun perlu lebih bersederhana dalam berbelanja. 2

Isi tersirat [4 hingga 12 markah]

(Kesan-kesannya)

1. Peniaga tidak berani untuk menaikkan harga barang sesuka hati. 2
2. Tidak berlaku pembaziran dalam perbelanjaan. 2
3. Dapat mewujudkan masyarakat yang berjimat cermat. 2
4. Melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap harga sesuatu barang. 2
5. Mengurangkan bebanan golongan yang berpendapatan rendah. 2
6. Melahirkan budaya sihat dalam kalangan peniaga dan pengguna. 2

Penutup

Kesimpulannya seluruh masyarakat hendaklah menjadi pengguna yang bijak supaya hak mereka sentiasa terpelihara. 2

<http://edu.joshuatly.com/>

[Lihat halaman sebelah
SULIT

1103/2 (PP) © Hak Cipta JUJ Putra 2012 <http://fb.me/edu.joshuatly>

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
-Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugasan dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
-Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

3. Soalan 4 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 2**Soalan 2(a) : Petikan Umum****Markah****(i) Maksud persaingan yang sihat**

- Pertandingan/perlawanan secara baik

[Maksimum : 2 markah]**(ii) Kemaslahatan**

- Memberi kuasa kepada pengguna dalam menentukan harga barang
- Membeli barang-barang yang diperlukan sahaja
- Mengawal inflasi

[Maksimum : 3 markah]**(iii) Tiga perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pengguna;**

- Harga pasaran semasa
- Tarikh luput sesuatu barang
- Label barang
- Haram atau halal sesuatu barang
- Fizikal barang
- Kandungan barang

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Cerpen

(i) **Reaksi** Pak Tua setelah menyedari kesilapan :

- Rasa kesal menyesak di dada.
- Udara yang terasa amat payah untuk dihirup.
- Terketar-ketar jarinya mengurut dada.

[Maksimum : 3 markah]

(ii) **Langkah** untuk mengawal habitat hidupan marin :

- Mengharamkan penggunaan pukat tunda di persisiran pantai.
- Membina tukun tiruan.
- Akta taman laut negara.
- Kempen pemuliharaan habitat hidupan laut.
- Mengawal aktiviti pembuangan sampah-sarap dan sisa toksik ke laut.

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Satu** nilai murni dalam petikan:-

- **Cinta akan alam sekitar** – Pak Tua kesal tindakannya memusnahkan alam sekitar.
- **Keinsafan** – Sikap Pak Tua menyesali tindakannya mengebom terumbu karang yang telah memusnahkan habitat hidupan laut.

Satu nilai murni daripada keseluruhan cerpen.

- **Kebijaksanaan** – Pak Tua bijak mengusahakan projek ekonomi dengan menggunakan keindahan alam.
- **Bertanggungjawab** – Pak Tua, seorang bapa yang bertanggungjawab memberi pendidikan kepada anak-anak.
- **Kerajinan** – Pak Tua rajin merambat ikan di sepanjang sungai dalam hutan di kemping balak.
- **Kerjasama** – Anak-anak Pak Tua berbincang dan bermuafakat untuk mengendalikan perniagaan keluarga berdasarkan sektor pelancongan.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(c) – Prosa klasik

(i) **Maksud Patik menengok cupak gantang orang**

- Tuan Bujang melihat cara orang-orang luar berdagang/berniaga
- Tuan Bujang meninjau aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh masyarakat luar

[Maksimum : 2 markah]

(ii) **Bukti-bukti :**

- membenarkan Tuan Bujang pergi ke Rawas dengan senang hati.
- Raja Palembang membekalkan Tuan Bujang dengan pakaian keemasan dan keris kebesaran.
- Baginda Pagaruyung bertanya khabar tentang Tuan Bujang apabila lama tidak melihat Tuan Bujang.

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Tiga** sikap yang perlu ditunjukkan oleh seseorang apabila berada di rantau orang supaya diterima oleh masyarakat:

- senantiasa bersikap peramah dan bertegur sapa
- menyesuaikan diri dengan adat dan budaya masyarakat tempatan
- berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang bersopan-santun
- menjauhi perkara-perkara yang tidak disukai oleh masyarakat tempatan

[Maksimum : 3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak(i) **Maksud rangkap 3 :**

- Penyajak sentiasa mencari ilmu
- Ilmu yang sedia ada tidak akan habis diterokai

[Maksimum : 2 markah](ii) **Tiga cara** untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam diri setiap individu :

- Sentiasa membaca
- Menghadiri majlis ilmu / seminar / forum
- Melayari Internet untuk mendalami ilmu
- Mendampingi orang yang berilmu
- Berguru

[Maksimum : 3 markah](iii) **Tiga pengajaran :**

- Kita hendaklah sentiasa berkunjung ke perpustakaan.
- Kita hendaklah mencari ilmu setiap masa.
- Kita hendaklah mengetahui bahawa ilmu yang sedia ada tidak akan habis diterokai.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagi kepada:

Soalan 3 (a) : **6** markah

Soalan 3 (b) : **6** markah

Soalan 3 (c) : **6** markah

Soalan 3 (d) : **6** markah

Soalan 3 (e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan 3 (a)

- | | |
|----------------------|--|
| (i) gejala | <ul style="list-style-type: none"> - tanda-tanda (akan terjadinya sesuatu), alamat, petanda - (ubat) perubahan dalam fungsi badan seseorang yang menunjukkan tanda-tanda adanya sesuatu penyakit yang berkaitan. |
| jelaga | <ul style="list-style-type: none"> - debu hitam dalam asap atau yang ditinggalkan asap pada permukaan sesuatu, sulang asap, arang lampu, arang para. |
| (ii) runsing | <ul style="list-style-type: none"> - cepat marah, suka mengomel (merungut-rungut) - sebal hati, risau |
| runcing | <ul style="list-style-type: none"> - lancip ke hujung, berhujung tajam - genting atau memuncak, tegang |
| (iii) menerap | <ul style="list-style-type: none"> - mengikat atau memasang permata pada cincin (keris). - mengikat permata pada tempat ikatannya. - mengikat bata (untuk dinding dan lantai) - memasang enjin (mesin) |
| menurap | <ul style="list-style-type: none"> - menampalkan sesuatu (lapisan) pada bahagian luar, melepa, melapis, menyalut. |

[Maksimum : 6 markah]

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

Jawapan 3 (b)

- | | | |
|----------------------|---|---|
| (i) Kata bantu | - | sedang |
| Kata kerja transitif | - | membentangkan permaidani |
| (ii) Kata bantu | - | perlu |
| Kata kerja transitif | - | mendirikan Muzium Permainan Tradisional |
| (iii) Kata bantu | - | telah |
| Kata kerja transitif | - | menumbangkan pokok kelapa |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (c)

- | | | |
|---------------|---|-------------|
| (i) merasa | - | berasa |
| tersingung | - | tersinggung |
| (ii) mengubah | - | menggubah |
| mahsyur | - | masyhur |
| (iii) menemui | - | menemukan |
| Februari | - | Februari |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (d)

- | | | |
|-------------------|---|------------|
| (i) Tolong jangan | - | Jangan |
| memasukkan | - | buang |
| (ii) Tidak | - | Bukan |
| merawat | - | menjaga |
| (iii) telah | - | akan |
| bertepatan | - | bersempena |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (e) Peribahasa

- (i) Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.
- (ii) Ayam tambatan.
- (iii) Air pun ada pasang surutnya / Adat juara kalah menang / Hari tidak selamanya panas.

Jawapan Soalan 4 (a)**1. Novel Renyah****(a) Konflik yang dihadapi oleh watak utama****i. Konflik dengan anak-anaknya yang tidak berminat menggantikannya sebagai peneraju Dolhi-Albert Holding.**

Datuk Dolhi menghadapi konflik apabila anak-anaknya tidak menunjukkan minat untuk mencebur i pada perniagaan. Hasnol lebih suka berkhidmat sebagai pegawai kerajaan iaitu Pegawai Tadbir Diplomatik. Amera pula tekun sebagai pendidik. Mukhlis begitu cenderung dalam kegiatan dakwah. Selain itu, Dani lebih berminat menjadi penyanyi dan Ilham begitu asyik dalam perjuangan alam sekitar.

ii. Watak utama berhadapan dengan konflik apabila terpaksa merahsiakan perkahwinan keduanya.

Datuk Dolhi terpaksa merahsiakan perkahwinannya dengan Mastura, isteri keduanya kerana bimbang Datin Tominah tidak menyetujuinya di samping sikapnya yang kuat cemburu. Datuk Dolhi juga terpaksa merahsiakan Wahi ialah anaknya.

iii. Watak utama menghadapi konflik apabila anaknya terlibat dalam pelbagai masalah.

Datuk Dolhi berdepan dengan konflik apabila anaknya Dani ditangkap kerana terlibat dalam penagihan dadah. Manakala Ilham pula diburu oleh pihak berkuasa kerana terlibat dalam demonstrasi menentang pembalakan. Mukhlis juga hidup merempat dan menghadapi tekanan jiwa.

2. Novel Sutera dalam Lukisan**(a) Konflik yang dihadapi oleh watak utama****i. Watak utama berkonflik dengan bapa tirinya.**

Bujei berasa tertekan apabila ayah tirinya, Harun memfitnahnya sebagai penyebab kematian ibunya. Orang ramai juga mempercayai kata-kata Harun.

Bujei tidak senang apabila ayah tirinya, Harun pulang untuk mendapatkan tandatangannya bagi menukar hak milik tanah pusaka ibunya.

ii. Watak utama menghadapi konflik apabila kehilangan orang yang disayanginya.

Bujei berasa sedih kerana kehilangan ayahnya yang meninggal dunia kerana kemalangan dan ibunya pula meninggal dunia akibat kebakaran.

iii. Watak utama berkonflik dengan rakan sekampung.

Bujei sering dibuli oleh Alias yang menganggapnya seperti orang suruhan. Alias pernah menyuruh Bujei membasuh motosikal tanpa diberikan upah. Alias juga merosakkan radio baharunya dan tidak membayar ganti rugi secara penuh pada awalnya.

iv. Watak utama mengalami konflik dalam diri sendiri.

Bujei menghadapi konflik apabila Alias memfitnah Adila mempunyai penyakit AIDS. Oleh sebab itu, dia tidak datang ke rumah Sidang Saman lagi kerana bimbang akan dijangkiti penyakit itu.

Isi = 4 markah

Bahasa = 3 markah

Maksimum = 7 markah

Jawapan Soalan 4 (b)**1. Novel Renyah****(b) Latar Masyarakat****i. Masyarakat usahawan**

Datuk Dolhi dan Albert Lee merupakan usahawan yang berjaya dan kaya serta memiliki syarikat besar iaitu Dolhi –Albert Holding.

ii. Masyarakat yang tamak.

Hasnol bersikap tamak kerana menerima rasuah daripada Tengku Munir.

iii. Masyarakat pendidik

Amera bekerja sebagai guru dan menerima anugerah guru terbaik negeri.

iv. Masyarakat majmuk

Novel ini mengetengahkan masyarakat majmuk yang diwakili masyarakat berbilang bangsa seperti Datuk Dolhi, Albert Lee dan Yuka.

v. Masyarakat yang terlibat dengan ajaran sesat

Mukhlis, Tok Guru dan Hanisah terikut dengan ajaran agama yang sesat. Kehidupan mereka tidak mempunyai keseimbangan dari segi dunia dan akhirat.

vi. Masyarakat yang bersifat patriotik.

Datuk Dolhi menggunakan kereta tempatan iaitu Saga walaupun mampu untuk memiliki kereta buatan luar negara. Beliau juga tidak mahu memakai baju batik Indonesia tetapi ingin memakai baju batik Kelantan untuk ke majlis pertunjukan busana Islam.

vii. Masyarakat yang menghargai alam sekitar

Ilham mencatat sesuatu maklumat penulisannya tentang alam sekitar.

viii. Masyarakat yang terlibat dengan gejala sosial

Dani terlibat dalam gejala penagihan dадах.

ix. Masyarakat yang mementingkan ilmu.

Datuk Dolhi membaca pelbagai jenis buku yang berkaitan perniagaan dan motivasi sebelum menyampaikan ceramah.

x. Masyarakat yang menggalakkan perkahwinan campur.

Wahi berkahwin dengan gadis Jepun iaitu Yuka dan Robert Lee ingin berkahwin dengan Amera malah digalakkan oleh bapanya, Albert Lee.

xi. Masyarakat yang bertanggungjawab.

Datuk Dolhi tetap memberikan nafkah dan perbelanjaan persekolahan kepada anaknya, Wahi yang dijaga oleh ibu mentuanya.

2. Novel Sutera dalam Lukisan

(b) Latar masyarakat :

- i. **Masyarakat yang memandang rendah kepada orang yang kurang bernasib baik.**
Orang kampung memandang rendah kepada Bujei yang dianggap dungu dan tidak berakal. Alias pula sering membulinya seperti menyuruhnya membasuh motosikal dan terjun ke dalam sungai.
- ii. **Masyarakat kampung yang mempunyai norma kemanusiaan.**
Sidang Saman begitu mengambil berat terhadap Bujei dengan membawa Bujei ke rumahnya setelah dipukul oleh Harun.
- iii. **Masyarakat yang simpati dan prihatin.**
Adila pritahin terhadap Bujei yang bernasib malang dan sedaya upaya membantu Bujei memulihkan keyakinan dirinya.
- iv. **Masyarakat yang mengambil kesempatan atas kesenangan orang lain.**
Harun cuba memujuk Fatimah membeli kereta, walaupun baru beberapa bulan berkahwin dengannya.
- v. **Masyarakat yang mengamalkan kerjasama.**
Penduduk kampung bekerjasama membuat persiapan majlis perkahwinan Same'ah.
- vi. **Masyarakat yang menyimpan perasaan dendam.**
Alias berdendam dengan Bujei yang begitu rapat dengan Adila dan dia telah memfitnah Adila.
- vii. **Masyarakat yang mempercayai ilmu hitam.**
Opah Arah cuba menggunakan ilmu hitam supaya Adila menyukai Alias.
- viii. **Masyarakat yang berani mengambil tindakan.**
Bujei berani bertindak dengan menumbuk dan menentang Alias yang dianggap cukup berkuasa selepas Alias merosakkan radionya. Selain itu, Bujei berani mencabar Alias supaya menghalau Adila dari kampung jika benar Adila menghidap penyakit AIDS.
- ix. **Masyarakat yang terlibat dalam bidang pertanian / masyarakat petani.**
Bujei mengambil upah membersihkan cawan getah dan mengumpulkan getah sekerap yang terdapat pada cawan tersebut daripada pekebun getah di kampungnya.
- x. **Masyarakat yang dermawan.**
Wak Senen sering memberikan sedekah atau derma dalam bentuk wang kepada Bujei dengan nilai yang besar.

Isi = 6 markah

Bahasa = 2 markah

Maksimum = 8 markah

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

[Lihat halaman sebelah
SULIT